05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# ANALISIS MASALAH SOSIAL DALAM CERPEN KARYA M.RAMAIAH

KOMATHY A/P VAYAPURI

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (KESUSASTERAAN TAMIL)
(MOD PENYELIDIKAN)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2015

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis masalah sosial masyarakat India yang dipaparkan dalam cerpen M.Ramaiah. Tiga objektif kajian ditetapkan untuk mengukuhkan penyelidikan ini ialah mengenal pasti masalah sosial yang dipaparkan, menganalisis tujuan penggunaan masalah sosial dan menilai kesesuaian masalah sosial yang dibincangkan dalam cerpen-cerpen M.Ramaiah dengan cara kehidupan moden masyarakat India di Malaysia. Kajian ini telah menggabungkan dua kaedah secara bersepadu iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah temu bual. Kaedah kepustakaan melibatkan analisis teks yang berpandukan kepada 38 buah cerpen. Kaedah temu bual pula digunakan untuk mengumpul maklumat mengenai tujuan penggunaan sesuatu masalah sosial dalam cerpen M.Ramaiah. Di samping itu, dua modul teori menjadi asas kajian ini iaitu teori pencerminan Georg Lukacs dan teori genetik Lucian Goldmann. Hasil dapatan objektif pertama ialah mengenal pasti 24 jenis masalah sosial daripada 38 buah cerpen yang telah dipilih bagi tujuan kajian ini. Masalah berkaitan dengan sosial mencatat tahap yang paling dominan iaitu 54 peratus. Selain itu, melalui hasil objektif kajian kedua didapati cerpenis M.Ramaiah mempunyai tujuh jenis tujuan dalam memaparkan sesuatu masalah sosial dalam cerpennya. Hasil dapatan objektif ketiga pula mendapati bahawa sebanyak 63 peratus masalah sosial masih ketara dan 37 peratus jenis masalah kurang ketara dalam kalangan masyarakat India. Cerpen-cerpen M.Ramaiah berjaya mencerminkan masalah sosial sebenar yang dialami oleh masyarakat India di Malaysia. Kajian ini mendedahkan pelbagai dilema serta permasalahan yang berlaku dalam masyarakat India dengan harapan dapat mengubah situasi dan menghulurkan bantuan serta perhatian kepada masyarakat India demi mengurangkan beban masalah sosial yang dihadapi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# ANALYSIS OF SOCIAL PROBLEMS IN SHORT STORIES BY M.RAMAIAH

## ABSTRACT

This study was aimed at analyzing the social problems of Indian society depicted in the short story by M.Ramaiah. The three research objectives were set to identify the social issues featured, to analyse the use of the social problems and to assess the suitability of the social problems discussed in the short story of M.Ramaiah with the modern way of living by the Indian community in Malaysia. This study incorporated two integrated methods namely library and interviews. Library method involved the analysis of texts based on 38 short stories. The interview method was used to collect information about the purpose of the intended use of social problems in the short stories by M.Ramaiah. In addition, two theoretical of modules from the basis of this study, the theoretical reflection of Georg Lukacs and Goldmann Lucian's genetic theory. The findings of the first objective were to identify 24 types of social problems from the 38 short stories that were selected for this study. Social issues problems dominated over 54 percent of issues in the short stories. Besides that, the results of the second objective of the study revealed that the short story writer M.Ramaiah had seven types of purpose in displaying social problems in his short stories. The findings for the third objective showed that there were 63% social problems which were significant and 37% of social problems were less noticeable among the Indian community. The short stories by M.Ramaiah successfully portrayed the real social problems faced by the Indian community in Malaysia. The study revealed various dilemmas and problems that occurred in the Indian community in the hope of changing the situation and providing assistance and attention to the India community in order to reduce the burden of social problems faced.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# KANDUNGAN

**Muka Surat**


**PERAKUAN** ii

**PENGHARGAAN** iii

**ABSTRAK** iv

**ABSTRACT** v

**KANDUNGAN** vi

**SENARAI JADUAL** xii

**SENARAI RAJAH** xiv

**SENARAI SINGKATAN** xv

**TRANSLITERASI** xvii

**BAB 1 PENGENALAN**

Pendahuluan 1

Latar belakang kajian 3

Perkembangan Cerpen 5

Perkembangan Cerpen Tamil 6

Perkembangan Cerpen Tamil Malaysia 7

Perkembangan Penulisan Karya Cerpen M.Ramaiah 9

Pernyataan Masalah 21


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Objektif kajian 22

Soalan kajian 23

Kepentingan kajian 23

Batasan kajian 27

Sumber kajian 30

Definisi operasional 31

Cerpen 31

Masalah Sosial 36

Kesesuaian 38

Kesimpulan 39

**BAB 2 SOROTAN LITERATUR**

Pengenalan 41

Kajian-kajian terdahulu berkaitan dengan cerpen 42

Kesimpulan 58

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

Pengenalan 61

Reka Bentuk Kajian 62

Kerangka Kajian 63

Kaedah Kajian 64

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah Analisisi Teks 64

Kaedah Kajian Kepustakaan 65

Kaedah Temubual 67

Kaedah Pengumpulan Data 67

Teori Kajian 68

Kerangka Teori 70

Teori Sosiologi Sastera Modul Genetik 71

Teori Sosiologi Sastera Modul Cerminan 75

Kesimpulan 79

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

Pengenalan 80

Masalah Sosial dalam Cerpen M.Ramaiah 81

Masalah Berkaitan Dengan Sosial 84

Masalah Penderaan 85

Masalah Penderaan Mentua 86

Masalah Penderaan Kanak-kanak 91

Masalah Gangguan Seksual 97

Gangguan Seksual Ugutan 98

Gangguan Seksual Tempat Kerja 102

Masalah Taggapan Negatif Masyarakat 108

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Tanggapan Negatif Terhadap Kawan 109

Tanggapan Negatif Terhadap Jiran 112

Tanggapan Negatif Terhadap Majikan 115

Masalah Penipuan 118

Penipuan Dalam Perniagaan 119

Menipu Untuk Mengekalkan Jawatan 121

Menipu Untuk Mendapatkan Anak 125

Masalah Cinta Sehala 129

Cinta Sehala Kekasih Perempuan 130

Cinta Sehala Kekasih Lelaki 133

Masalah Kecurangan 136

Masalah Kecurangan Suami 137

Masalah Kecurangan Isteri 141

Masalah Lari Dari Rumah 145

Masalah Pelacuran 150

4.2.9 Masalah Pertukaran Agama 154

Masalah Pengabaian Tanggungjawab 159

Masalah Tidak Menjaga Ibu Bapa 162

Masalah Dowry (Mas Kahwin) 166


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Masalah Orang Kurang Upaya 171

Masalah Berkaitan Dengan Ekonomi 175

Masalah Pendapatan Rendah (Isi Rumah) 176

Masalah Perbezaan Ikuiti Antara Kaum 182

Masalah Bekerja Sendiri 186

Masalah Rasuah 190

Rasuah Dalam Perniagaan 190

Rasuah Dalam Permainan 193

Rasuah Dalam Politik 196

Masalah Hilang Pekerjaan 198

Masalah Berkaitan Dengan Budaya 200

Masalah Cara Berpakaian 202

Masalah Kasta 204

Masalah Anti Adat Resam 206

Masalah Berkaitan Dengan Pendidikan 210

Masalah Tiada Kesedaran Terhadap Pelajaran 212

Masalah Pengaruh Filem (Cinema) 219

Masalah Berkaitan Dengan Politik 223

Janji Kosong Pemimpin Politik 224

Kesimpulan 227


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**BAB 5 KESIMPULAN**


| | |
|---|---|
| Pengnalan | 229 |
| Analisis Dapatan Kajian | 230 |
| Cadangan Kajian Lanjutan | 239 |
| Kesimpulan | 240 |
| **RUJUKAN** | 242 |
| **LAMPIRAN** | 255 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## SENARAI JADUAL


| No. Jadual | | Muka surat |
|---|---|---|
| | Biodata cerpenis M.Ramaiah | 10 |
| | Anugerah dan hadiah yang diterima oleh cerpenis M. Ramaiah | 25 |
| | Kumpulan cerpen yang dipilih bagi tujuan penyelidikan | 29 |
| | Senarai masalah sosial dalam cerpen | 82 |
| | Penderaan kanak-kanak yang dilakukan oleh ibu dan bapa angkat dari tahun 2012 hingga 2014 | 94 |
| | Penderaan kanak-kanak mengikut etnik di Malaysia dari tahun 2001 hingga 2008 | 95 |
| | Bilangan kes gangguan seksual di tempat kerja pada tahun 2012 | 107 |
| | Perbandingan kelakuan curang antara kalangan suami dengan isteri pada tahun 1999 dan 2000 di Wilayah Persekutuan | 145 |
| | Statistik remaja lari dari rumah pada tahnu 2013 | 148 |
| | Bilangan wanita warga asing yang terlibat dalam aktiviti pelacuran dari Januari hingga April 2014 di Malaysia | 153 |
| | Bilangan penghuni orang tua mengikut institusi dan jantina dari tahun 2012 hingga 2014 di Malaysia | 166 |
| | Statistik kadar pengangguran di Malaysia dari tahun 1970 hingga 1975 | 188 |
| | Statistik tangkapan kes rasuah pada tahun 2013 di Malaysia | 195 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | |
|---|---|
| Peluang pendidikan peringkat pengajian tinggi tanpa beban hutang di negara Malaysia pada tahun 2014 | 218 |
| Jumlah masalah sosial mengikut kategori | 231 |
| Senarai tujuan penggunaan masalah sosial dalam cerpen M.Ramaiah | 234 |
| Kesesuaian penggunaan masalah sosial dalam cerpen M.Ramaiah | 237 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## SENARAI RAJAH


| No. Rajah | | Muka surat |
|---|---|---|
| 3.1 | Kerangka Kajian | 63 |
| 3.2 | Kerangka Teori | 70 |
| 4.1 | Pengagihan masalah sosial dalam peratus | 83 |
| 4.2 | Masalah berkaitan dengan sosial | 85 |
| 4.3 | Masalah berkaitan dengan ekonomi | 176 |
| 4.4 | Masalah berkaitan dengan budaya | 201 |
| 4.5 | Masalah berkaitan dengan pendidikan | 212 |
| 4.6 | Masalah berkaitan dengan politik | 224 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| AIM | Amanah Ikhtiar Malaysia |
| AJK | Ahli Jawatan Kuasa |
| AKK | Akta Kanak-kanak |
| AOT | Avalum Oru Taytan |
| BSN | Bank Simpanan Nasional |
| CD | Compact Disc |
| DKN | Dasar Kebajikan Negara |
| Dr | Ijazah Kedoktoran Persuratan |
| FELDA | Federal Land Development Authority |
| GRO | Guest Relation Officer |
| IKBN | Institut Kemahiran Beliau Negara |
| JKM | Jabatan Kebajikan Masyarakat |
| KDN | Kementerian Dalam Negeri |
| KPMG | Klynveld, Peat, Marwick,Goerdeler |
| LCE | Lower Certificate of Educatian |
| LEKRA | Lembaga Kebudayaan Rakyat |
| MAMA | Majikan Amah Malaysia |
| MARA | Majlis Amanah Rakyat |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

| | |
|---|---|
| MBK | Mitra Bisnis Keluarga Ventura |
| MCE | Malaysian Certificate of Education |
| MIC | Malaysia Indian Congress |
| NATC | National Agriculture Teknology Centre |
| NCRB | National Crime Records Bureau |
| NKRA | National Key Results Area |
| PDRM | Polis Diraja Malaysia |
| PIBG | Persatuan Ibu Bapa dan Guru |
| P.I.S. | Pingat Ibrahim Sultan Johor |
| PP | Parivum Pacamum |
| PRA | Pembantu Rumah Asing |
| PR1MA | Perumahan Rakyat 1Malaysia |
| RMT | Rancangan Makanan Tambahan |
| ROM | Registrar Of Marriages |
| RPPTM | Persatuan Penulis Tamil Malaysia |
| SJKC | Sekaloh Jenis Kebangsaan Cina |
| SJKT | Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil |
| SKJ | Sekolah Jenis Kebangsaan |
| SMS | Short Massage System |
| SMVPK | Sekolah Menengah Vokasional Pendidikan Khas |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

| | |
|---|---|
| SPRM | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia |
| TEKAN | Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga |
| TMP | Ticaimariya Paravaikal |
| TUKAR | Transformasi Kedai Runcit |
| UMNO | United Malays National Organisation |
| VCD | Video Compact Disc |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 1

# PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.1 Pendahuluan

Bermula dari tradisi lisan hingga kini bidang sastera terus berkembang sejajar dengan perkembang semasa. Hubungan antara sastera dengan masyarakat adalah amat erat. Pandangan ini bertolak daripada keyakinan bahawa sastera tidak terpisah daripada masyarakat. Perkataan sastera berasal daripada bahasa Sanskrit yang membawa maksud kitab suci Hindu (Asraf Nordin, 1972: 1)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Cerpen ialah genre sastera yang paling popular. Genre ini boleh dikatakan menjadi asas kesusasteraan sesuatu bahasa selepas puisi dan novel. Pelbagai pendapat dan ulasan telah dibuat mengenai genre cerpen oleh para cendekiawan dan sasterawan, baik di negara ini mahupun di peringkat antarabangsa. (N.Subramaniam, 1980: 3)

Dalam peredaran masa, perubahan pemikiran yang berlaku dalam pembentukan minda masyarakat India dan perkembangan penerbitan akhbar-akhbar Tamil telah menjadi faktor pendorong kepada perkembangan cerpen Tamil di negara ini. Kajian ini akan menganalisis masalah sosial masyarakat India yang dipaparkan dalam cerpen karya M.Ramaiah. Cerpenis M.Ramaiah ialah seorang sasterawan yang amat popular dalam bidang sastera Tamil Malaysia. M.Ramaiah mula berkecimpung dalam bidang penulisan pada tahun 1950 apabila beliau julung kali menghasilkan sebuah karya Tamil yang berjudul, Katal Parucu bermaksud Hadiah Cinta yang telah diterbitkan dalam akhbar *Tamil Murasu*.

Antara cerpen Tamil yang dihasilkan oleh M.Ramaiah pada zaman 1950-1960-an, cerpen seperti *Amavasai nilavu* (Cahaya dalam Kegelapan), *Por Viran* (Askar), *Cankoli* (Bunyi Kulit Siput) amat popular ketika itu kerana memuatkan isu-isu sosial yang berbeza serta menarik. Cerpen-cerpen Tamil yang terkenal di Malaysia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



seperti *Maravalli kilanku* (Ubi Kayu), *Tavukke ikkan*, *Cankamam* (Bersepadu) dan *Amavacai* (Kegelapan) pula adalah antara cerpen yang telah menjadi panduan asas kepada para pengarang cerpen Tamil Malaysia yang ingin berkecimpung dalam arena penulisan cerpen.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Bidang sastera merupakan bidang yang luas serta meliputi kumpulan genre seperti puisi, novel, drama dan cerpen. Genre yang dipilih untuk kajian ini ialah genre cerpen. Genre ini merupakan komponen sastera moden yang popular. Genre cerpen ini bukan sahaja digunakan sebagai bahan bacaan bahasa Tamil di peringkat sekolah rendah atau sekolah menengah malah genre ini juga turut digunakan hingga ke peringkat universiti.

Selain menjadi bahan pembelajaran, kesusasteraan juga berperanan memperlihatkan aliran pemikiran sesuatu masyarakat pada sesuatu zaman (Krishanan Maniam, 1989: 4). Karya sastera merupakan bentuk-bentuk persepsi, cara memandang dunia dan identiti sosial sesuatu masyarakat. Sastera tidak dapat diasingkan lagi daripada kehidupan masyarakat. Karya sastera mengemukakan pelbagai permasalahan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



terdapat dalam perjalanan hidup manusia yang berkaitan dengan moral dalam situasi sosial dan sejarah (M.Ramaiah, 1976: 32).

Jika teliti, cerita pendek yang disingkatkan namanya sebagai cerpen ialah karya penulisan yang singkat tetapi mempunyai makna yang lengkap dan padat sebagai tatapan untuk pembaca. Cerpen merupakan jenis sastera moden yang popular sejak abad ke-19. Sesuatu cerpen lazimnya mencerminkan kehidupan sesuatu masyarakat. Fenomena tersebut digambarkan menerusi unsur-unsur tema, plot, watak dan latar. Oleh itu, masalah-masalah yang diungkitkan dalam karya cerpen itu sangat penting untuk memaparkan liku-liku kehidupan sesuatu masyarakat pada suatu ketika (M.Ramaiah, 1976: 34).

Kesusasteraan juga memaparkan sejarah perkembangan sesuatu bahasa. Perkembangan kesusasteraan sesuatu bahasa menunjukkan kematangan dan keutuhan bahasa tersebut. Ahli bahasa menentukan usia sesuatu bahasa berdasarkan kesusasteraan klasik yang terdapat dalam bahasa tersebut. Kelebihan dan kematangan kesusasteraan Tamil seharusnya perlu disanjungi dan dihayati sepenuhnya oleh golongan yang berjiwa sastera (M.Ramaiah, 1976: 24).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.2.1 Perkembangan Cerpen

Di Eropah, tradisi bercerita mula berkembang pada awal abad ke-14 SM. Perkembangan ini mengalami perubahan apabila cerita-cerita lisan mula dituliskan atau dicetak. Pada akhir abad ke-16, sebahagian daripada cerita pendek di Eropah iaitu *Novella* karya Metteo Bandello (karya terjemahan dalam bahasa Perancis) menjadi paling popular dalam bidang sastera. Pada zaman Ranaisan, istilah *Novella* merujuk kepada cerita pendek. Pada pertengahan abad ke-17, penulisan novel pendek mula berkembang di Prancis. Seterusnya, pada 1690-an cerita-cerita dongeng tradisional mula diterbitkan dan salah satu daripada kumpulan yang paling terkenal ialah karya Charles Perrault (Diana Laurenson & Alan Swingewood, 1972: 12).

Pada pertama kalinya, tradisi penterjemahan karya sastera bermula pada tahun 1704. Karya Antoine Galland iaitu ‘seribu satu malam’ digelar sebagai karya pertama yang diterjemahkan. Penterjemahan yang seterusnya dijalankan pada tahun 1710 hingga 1712. Pada abad ke-18, karya-karya yang diterjemahkan pada masa itu ialah cerita-cerita pendek yang dicipta oleh karyawan Voltaire, Diderot dan sebagainya. Genra sastera moden, cerpan (cerita pendek) agak popular pada awal abad ke-19. Pada pertengahan abad ke-20 pula, beberapa majalah terkemuka seperti *The Atlantic Monthly, Scribner’s*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



dan *The Saturday Evening Post* mula menerbitkan cerpen dalam setiap terbitannya. Kini , cerpen menjadi genre sastera yang sangat popular sehingga dapat dibaca dalam majalah *online*. (Diana Laurenson & Alan Swingewood, 1972: 13)

### 1.2.2 Perkembangan Cerpen Tamil

Cerita pendek atau cerpen merupakan salah satu genre kesusasteraan yang plotnya tidak panjang atau kompleks. Perkembangan cerpen bermula pada abad ke-18 dan kini sudahpun menghampiri 100 tahun (Thirumalai, M., 1992: 1). Menurut Thirumalai (1992: 2) lagi, cerpen Tamil yang pertama telah dihasilkan oleh Veeramaamunivar, seorang paderi Mubaligh Kristian berketurunan Itali. Gaya dan plot cerpennya didapati amat dipengaruhi gaya dan plot cerpen-cerpen Barat manakala penulisan cerita Tamil dalam bentuk prosa dimulakan oleh Subramanya Bharathiyar yang merupakan seorang anak watan dan penulis prolifik di Tamil Nadu pada peringkat awal abad ke-20. Cerita-cerita yang dihasilkan beliau seterusnya menjadi cerpen yang standard di Tamil Nadu (Thirumalai, M., 1992: 2).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.2.3 Perkembangan Cerpen Tamil Malaysia

Masyarakat Tamil dari Tamil Nadu, India telahpun menjejak kaki di Malaysia sejak zaman pemerintahan Raja Chulan lagi. Tetapi lebih ramai lagi telah datang ke Malaya sebagai buruh selepas tahun 1786, iaitu selepas Sir Franchis Light mula memajukan Pulau Pinang. Mereka telah mengekalkan budaya mereka dan meneruskan tradisi penghasilan karya-karya kesusasteraan mereka. Apabila dibandingkan perkembangan pelbagai genre kesusasteraan Tamil di Malaysia, cerpen didapati lebih maju dan popular. (Thandayutham, R., 1973: 113).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cerpen Tamil dikatakan mula ditulis di Malaysia selepas terbitnya novel k*arunasakaran elatum katalin matci* oleh S. Vengadarathinam (Thandayutham, R., 1973: 114). Dengan ini bolehlah diandaikan bahawa cerpen Tamil di Malaysia mula berkembang di Malaysia pada sekitar tahun 1940-an. Karya-karya sastera Tamil di Malaysia pada awalnya ditulis hanya untuk memenuhi keperluan akhbar-akhbar Tamil di Malaysia. Tetapi karya-karya tersebut mempunyai pengaruh yang kuat dan pada kebiasaannya, mencerminkan kehidupan masyarakat Tamil di India. Ini adalah kerana penulis-penulis yang menghasilkan karya-karya ini berpendidikan di India dan di Sri Lanka. Mereka telah menghasilkan cereka berdasarkan latar masyarakat di negara tersebut dan tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



mencerminkan gaya hidup masyarakat Tamil di Malaysia (Krishnan Maniam, 1993: 30). Sehingga tahun 1930, genre cerpen dalam kesusasteraan Tamil tidak mendapat perhatian yang khusus di Malaysia. Kebanyakan cerpen yang dihasilkan pada tahun 1930-an, berkisar pada tema-tema sosial dan peristiwa-peristiwa harian (Krishnan Maniam, 1993: 32).

Semasa zaman pemerintahan Jepun, sebanyak 40 cerpen diterbitkan. Kebanyakan cerpen ini membawa latar belakang Tamil Nadu. Tema-temanya berkisar kepada pencapaian kemerdekaan negara India, propaganda rejim Jepun, cinta yang melatarkan peperangan serta keadaan hidup dan masalah masyarakat India (Subramaniam, N. 1981: 28). Menurut Subramaniam, N. (1981: 29), sejak tahun 1958, sebanyak tiga puluh lima buah antologi cerpen telah dibukukan. Majalah-majalah dari negara India juga telah menyiarkan karya-karya penulis cerpen Malaysia. Kesemua cerpen tersebut melatar-belakangkan watak-watak di Malaysia dan mencerminkan keadaan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum. Menurut beliau lagi, kebanyakan karyaa di sekitar tahun 1960-an lebih banyak menekankan pada latar tempat, masa dan masyarakat Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Menurut Annadurai,G. (2007: 30), dalam tahun 1980-an dan 1990-an cerpen Tamil terus berkembang dengan pesatnya. Banyak majalah dan surat khabar telah menganjurkan peraduan menulis cerpen. Beliau menambah lagi, pada tahun 1986, secara rasminya Persatuan Bahasa Tamil Universiti Malaya menganjurkan satu pertandingan mengarang cerpen Tamil di Peringkat Kebangsaan buat julung-julung kalinya. Sambutan daripada penulis cerpen sangat memberangsangkan. Kebanyakan cerpen memperlihatkan tema mengenai permasalahan rakyat Malaysia berketurunan India pada sekitar tahun 1980-an. Usaha Persatuan Bahasa Tamil, Universiti Malaya ini masih berterusan sehingga kini dan 26 antologi cerpen yang memuatkan karya-karya pemenang telah diterbitkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.2.4 Perkembangan Penulisan Karya Cerpen M. Ramaiah

M. Ramaiah mula berkecimpung dalam bidang penulisan pada tahun 1950 apabila beliau pertama kali menghasilkan sebuah karya Tamil yang berjudul *Katal paricu* bermaksud Hadiah Cinta dalam akhbar *Tamil Murasu*.

Menurut Maayateevan (1975) minat M.Ramaiah untuk berkarya bermula sejak bangku sekolah lagi iaitu pada tahun 1948. Ketika itu, beliau telah banyak menghasilkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



karya yang asli dalam Bahasa Tamil. Seterusnya, Jadual 1.1 memaparkan biodata cerpenis M.Ramaiah.

Jadual 1.1

*Biodata Cerpenis M.Ramaiah*

| | |
|---|---|
| Zaman awal<br>(Pelajar Senior Cambridge) | ▪ Menubuhkan Kelab Bell Belia.<br>▪ Menulis cerpen dalam akhbar-akhbar tempatan.<br>▪ Menerima banyak surat pujian daripada peminatnya.<br>▪ Penulisannya lebih menekankan persoalan pendidikan, motivasi dan memberi keyakinan kepada para remaja.<br>*(Ramaiah. M, Ilakkiya moli. 1960)* |
| Zaman pertengahan<br>(Pegawai pejabat Pos) | ▪ Pada tahun 1953, menerbitkan sebuah buku koleksi cerpen yang berjudul *Iratta tanam* (Derma Darah).<br>▪ Mementaskan sebuah drama klasik yang berjudul *Parappiraman*.<br>▪ Pada tahun 1955 menubuhkan perpustakaan progresif di SJK(T) Haji Manan, Kluang Johor.<br>▪ Pada tahun 1962 menyiarkan cerpen dan sajak dalam akhbar Tamil Nesan.<br>(*Ramaiah. M, Teynta pataikal. 2010)* |
| Zaman semasa<br>(Ketua Pentandbir Pejabat Pos) | ▪ Pada tahun 1980 menulis buku *Malaysia Tamil Ilakkiya varalaru kalanciyam* (Sejarah Kesusasteraan Tamil Malaysia).<br>➢ Mengumpulkan senarai penulis yang telah mencurahkan bakti dalam dunia penulisan cerpen, sajak dan novel.<br>➢ Menceritakan gaya penulisan cerpenis di Malaysia.<br>➢ Mengumpul tajuk-tajuk cerpen, sajak, puisi, novel dan drama Tamil yang disiarkan dalam radio dan televisyen Malaysia pada awal hingga tahun 1990.<br>➢ Menyenaraikan riwayat hidup para penulis India di tanah air.<br>▪ Menerbitkan buku *Malaysia Tamil Ilakkiya varalaru*(Sejarah Kesusasteraan Tamil Malaysia).<br>➢ Sumber primer kepada pelajar sekolah menengah, kolej, institut perguruan, peringkat ijazah muda dan para pengkaji bidang kesusasteraan Tamil.<br>(Periasamy.M. *Akkini payanam*.1992: 145) |

Secara umumnya, zaman penulisan cerpenis M.Ramaiah dibahagikan kepada tiga iaitu zaman awal, zaman pertengahan dan zaman semasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Dalam penulisannya, beliau lebih memberikan tumpuan kepada masalah sosial yang meruncing dalam kalangan masyarakat India di Malaysia. Hasil penulisan beliau seperti Parivum Pacamum (Prihatin dan Kasih Sayang), Ticaimariya Paravaikal (Burung-burung yang Berubah Hala Tuju), *Avalum Oru Taytan* (Dia juga Seorang Ibu) serta banyak lagi cerpen mendapat sambutan yang hangat dalam kalangan masyarakat India di Malaysia. Hal ini demikian kerana beliau telah memilih isu-isu sosial yang jelas mencerminkan masalah berkaitan dengan rumahtangga, masalah antara adik-beradik yang berkaitan dengan harta pusaka, masalah-masalah yang dihadapi oleh orang-orang India di ladang-ladang getah dan isu-isu yang timbul dalam kehidupan harian dan juga soal kecintaan terhadap negara asal mereka serta semangat balik semula ke negara India dan sebagainya. Oleh sebab penulisan beliau memaparkan situasi sebenar yang berlaku pada zaman 1970-an, hasil karya beliau sangat laris di pasaran serta berjaya memikat hati para pembaca.

Cerpenis tempatan C. Vadivel pernah mengatakan bahawa M. Ramaiah merupakan cerpenis Tamil yang teragung di Malaysia kerana beliau dapat menghasilkan cerpen-cerpen yang bernilai sastera. Isu-isu sosial yang dipaparkan dalam cerpen beliau kebanyakannya ada hubungkait dengan masalah-masalah yang tercetus ekoran perubahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



sosial yang di bawa oleh peredaran masa dan zaman. Beliau memang seorang karyawan yang berkreativiti tinggi dalam mengetengahkan isu-isu sosial masyarakat India di negara ini (S.Mayathevan, 1975: 13- 19).

Sasterawan tempatan N.Varatharaasan (Taiping) menyifatkan M.Ramaiah sebagai seorang sasterawan yang berani menyuarakan kebenaran sosial. Jika merenung 20 tahun ke belakang, beliau agak terperanjat dengan semangat cerpenis M.Ramaiah yang kekal aktif dalam bidang penulisan hingga kini. Dalam cerpen yang berjudul *Akkalum Tankaiyum* (Kakak dan Adik Perempuannya) mengemukkan persoalan perkahwinan. Watak kakak Karungkulali tidak mempunyai paras rupa yang cantik manakala adiknya Malarvili pula sangat cantik umpama langit dengan bumi. Adiknya dapat berumah tangga sehinggalah kakaknya berkahwin kerana tidak dapat menentang adat resam masyarakat India yang tidak membenarkan adik berkahwin sebelum kakaknya. Akhirnya, kakak mengorbankan nyawanya demi kesejaterahan hidup adik kandungnya. Cerpenis M.Ramaiah mempunyai kemahiran menamatkan sesuatu cerpen mengikut kesesuaian citra hidup masyarakat India.

Selain itu, cerpen-cerpen seperti *Kural Ninratu, Munravatu Piracavam, Ciranta Oviyam, Utainta Ullam, Kaciyamma, Ilat:ciya Manaivi, Mallari* dan sebagainya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



mempunyai kesudahan yang mengejutkan dan di luar jangkaan imiginasi pembaca. Cerpen *Palli Manavi* pula, mengisahkan seorang pelajar perempuan terpaksa mengadaikan kehormatan dirinya kerana kesempitan hidup dan kemiskinan. Akhbar Tamil Murasu keluaran 15 Mac 1953 telah menerbitkan cerpen *Yarai Novatu*? (Salah siapa?) manakala pada10 Mei 1953 akhbar tersebut pula menerbitkan cerpen Manamakata Tambatikal (Pasangan tak bernikah) berkisar tentang seorang watak yang menentang adat istiadat dan amalan masyarakat yang dianggap menindas dan tidak adil. Melalui cerpen ini, dapat dilihat keberaniaan M.Ramaiah dalam memilih masalah sosial yang agak sensitif untuk dijadikan persoalan dalam cerpennya (S.Mayathevan, 1975: 20-23).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penulis terkenal I.Elavalagu (Seremban) pernah mengulas empat buah cerpen dalam antologi *Iraththa Tha:nam* yang digarap oleh M. Ramaiah. Cerpen yang berjudul *Iratta Tanam* (Derma darah) dalam antologi ini menekankan kebenaran ayat *Tirukkural* iaitu:

*Inna Ceytarai Oruttal*
*Nannayam ceytu vitl* - Kuplat: 314
(Berbuat baik kepada sesiapa yang mengeji kita)

Watak antagonis dalam cerpen ini telah menghancurkan kehidupan watak utama sebaliknya watak utama pula menderma darahnya untuk menyelamatkan nyawa orang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



yang ingin menghancurkan kehidupannya. Masalah sosial yang menghalang kemajuan masyarakat India di ladang juga turut dibincangankan dalam cerpen ini.

Penyair teragung Tamil Barathiyar pernah memperjuangkan kebebasan kaum wanita pada abad ke-20. Beberapa puisi beliau mengkritik sikap masyarakat Tamil menafikan hak dan kebebasan kaum wanita (Barathiyaar, 2010). M.Ramaiah dapat ilham daripada puisi yang mengagungkan kebebasan wanita. Masalah kebebasan kaum wanita turut dibincangkan oleh M.Ramaiah dalam cerpen yang berjudul *Kuntuk Kili* (Nuri dalam sangkar). Cerpen ini mengisahkan keberanian seorang wanita untuk menyuarakan hak-haknya dan menentang penindasan yang berlaku ke atas dirinya. Cerpenis telah menggunakan teknik dialog secara berkesan dalam cerpen ini untuk membangkitkan sikap berani para pembaca untuk menentang sebarang bentuk penindasan dan ketidakadilan terhadap golongan kaum wanita. Cerpenis M. Ramaiah yang mempunyai daya pengamatan tinggi dalam meneliti masalah sosial yang amat ketara dalam masyarakat India.

Cerpen *Utainta Ullam* (Hancur hatinya) ialah sebuah cerpen hasil ciptaan M.Ramaiah mengisahkan sifat manusia yang tidak berpuas hati dan sentiasa menginginkan sesuatu yang sukar didapati. Watak Velan dalam cerpen ini mencintai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



seorang wanita. Apabila Velan berkenalan dengan wanita baru, kekasih pertamanya ditinggalkan begitu sahaja. Akhirnya, dia terpedaya oleh wanita yang menjadi pilihan keduanya itu. Maka, dia kembali ke pangkuan kekasih pertamanya namun Velan menemui maut sebelum sempat mendirikan kehidupan baharu. Masalah sosial berupakan percintaan tiga segi menjadi persoalan dalam cerpen ini.

Cerpen *Malarnta Valvu* pula memaparkan isu sosial berkaitan dengan nilai tradisi yang menjadi ikutan masyarakat India. Antaranya,

a) Keluarga dianggap sebagai aspek utama dalam kehidupan kaum wanita.
b) Suami bagai Tuhan kepada wanita yang berumahtangga.
c) Kekayaan dan kemewahan tidak akan menjamin kegembiraan sepenuhnya dalam sebuah keluarga (S.Mayathevan, 1975: 24-28).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

K.Krisnasamy juga seorang cerpenis Tamil mengkui bahawa M.Ramaiah seorang karyawan yang berjiwa sastera. Walaupun pengarang-pengarang sezaman dengannya seperti N. Kalyani Maniam, P. Sellayah, Ravi Perumal, A.Amutha dan Naanal tidak lagi aktif dalam bidang penulisan tetapi beliau masih bersemangat dalam bidang penulisan. M.Ramaiah telah menghasilkan kumpulan cerpen terjemahan Bahasa Malaysia yang terbaharunya pada bulan April 2013 (M.Ramaiah, 2013). Masalah sosial yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



menjadi pilihan dalam cerpen-cerpen M.Ramaiah telah menjadi inspirasi kepada penulis primer.

Seteruanya, isu sosial yang dibincangkan dalam novelnya *Nircculal* (Pusaran Air) boleh dijadikan sebagai contoh yang tepat. Watak utama dalam novel ini ialah seorang wanita berstatus janda. Masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh seorang janda bagi meneruskan kehidupannya telah digambarkan dengan teliti oleh karyawan M.Ramaiah dalam novel ini. Beliau juga turut mengetengahkan cara-cara menghadapi sesuatu masalah sosial tanpa perasaan berputus asa. Dengan ini, jelaslah bahawa beliau bukanlah cerpenis yang hanya mengheboh-hebohkan masalah sosial yang terhangat dalam kalangan orang India tetapi juga turut mengetengahkan berbagai-bagai cara menyelesaikan masalah tersebut (S.Mayathevan, 1975: 29-39).

Karyawan tempatan K.M.Murugesan (Kuala Lumpur) turut membuat kritikan tentang cerpen popular yang dicipta oleh M.Ramaiah berjudul *Parivum Pacamum* (Keprihatinan dan kesayangan) salah sebuah cerpen daripada 13 cerpen yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Parivum Pacamum*. Masalah sosial yang diutarakan dalam cerpen ini ialah soal percintaan seorang lelaki kurang upaya terhadap wanita normal. Kekayaan dan kecacatan telah menjadi penghalang dalam soal percintaan mereka. Sikap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



masyarakat yang memandang rendah terhadap golongan kurang upaya dipaparkan dengan jelas oleh cerpenis M.Ramaiah. Ciri-ciri keibuan seorang wanita dapat dicungkilkan dengan teliti dalam cerpen ini. Peribahasa cinta itu buta dijadikan akar tunjang bagi menghasilkan cerpen ini. Cerpenis memberi dorongan kepada golongan kurang upaya agar boleh memperoleh keinginannya jika berusaha dengan bersungguh-sungguh tanpa mengeluh dan berputus asa. (S.Mayathevan, 1975: 40-46)

Menurut karyawan N. Thiyagaraasan (Kuala Lumpur), cerpenis M.Ramaiah ialah seorang sasterawan yang amat mengenali cita rasa kaum India. Dalam tempoh masa 18 tahun sebagai penulis, beliau telah menghasilkan lebih daripada 400 buah cerpen. N.Thiyagaraasan telah membuat kritikan terhadap sebuah cerpen ciptaan M.Ramaiah yang diterbitkan dalam majalah bulanan *Ponni* yang berjudul *Kaluvay* (penebusan dosa). Cerpen ini mengisahkan tentang seorang lelaki yang bernama Musa. Watak Musa ialah seorang yang bernafsu tinggi dan tidak berpuas hati dengan isterinya. Dia telah menceraikan isterinya semasa isterinya itu sarat mengandung anak ketiga. Satu ketika, Musa cuba menggoda anak perempuannya sendiri kerana dia tidak mengenalinya. Akhirnya, dia balik ke pangkal jalan dengan bantuan anak perempuannya sendiri. Cerpenis M.Ramaiah tidak kurang hebatnya apabila beliau mengutarakan persoalan sensitif dengan menyelitkan masalah sosial seumpama ini dalam cerpennya. Beliau juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



turut menegaskan nilai-nilai kemanusiaan iaitu memaafkan orang yang sedar akan kesalahannya dan sedia memberi peluang serta membentuk jati dirinya (S.Mayathevan, 1975: 47-49).

A.Katirselvan (Raub) pula, membuat kritikan tentang sebuah cerpen yang dihasilkan oleh M.Ramaiah yang bertajuk *Taymai cirittatu*. Cerpen ini mengisahkan penderitaan hidup seorang balu beranak dua yang bekerja sebagai penoreh getah di sebuah ladang. Masalah sosial yang sangat ketara menular di ladang pada 70-an dipilih sebagai pokok persoalan dalam cerpen ini. Penindasan pihak pemilik dan pengusaha ladang terhadap pekerja khususnya pekerja wanita telah menjadi isu sosial yang hangat dibincangkan. (S.Mayathevan, 1975: 50-54).

Sasterawan, R.N.Viirapan (Klang) yang turut mengenali M.Ramaiah sejak tahun 1963, mengatakan bahawa cerpenis M.Ramaiah telah menceburi bidang sastera sejak tahun 1948. Walaupun, cerpenis ini telah merentasi empat generasi tetapi kecintaannya terhadap bidang kesusasteraan Tamil masih membara dan menebal dalam diri M.Ramaiah. R.N.Viirapan telah membincangkan pemilihan isu-isu sosial dalam beberapa hasil karya M.Ramaiah yang diterbitkan dalam majalah *Ponn*i pada tahun 1968 iaitu :-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



1) *Uru Cey Nencam* (novel) - Masalah sosial yang dihadapi oleh seorang penerbit akhbar yang memperjuangkan kebenaran.

2) *Iraitetum Paravai* (cerpen) - Masalah sosial yang dihadapi oleh wanita iaitu keganasan dalam rumahtangga.

3) *Urukku Pokiren* (cerpen) - Persoalan masyarakat India yang tidak mempunyai pendirian terhadap negara barunya dan ingin kembali ke negara asal.

4) *Emal* (cerpen) - Masalah sosial yang berkaitan dengan penipuan dalam persahabatan yang tidak ikhlas dan mementingkan diri .

5) *Akkarai Paccai* (cerpen) - Masalah sosial yang dipaparkan ialah persoalan berupa tidak mempunyai hala tuju dan tidak menganggap negara ini sebagai tanah air mereka sendiri walaupun telah menjadi warganegara Malaysia. (mendapat hadiah pertama dalam pertandingan kelas pelajar Chennai)

6) *Etir Vitu* (cerita bersiri) - Masalah sosial yang merujuk kepada pergolakan antara kaum yang berbeza (S.Mayathevan, 1975: 55-65).

Dalam artikel, *Latar Belakang Kemasyarakatan di dalam Cerpen-cerpen Tamil Malaysia* mengkatogerikan cerpenis M.Ramaiah sebagai penulis yang sentiasa peka kepada isu-isu sosial dengan meneliti kehidupan masyarakat sekelilingnya. Beliau juga dikatakan berkebolehan tinggi dalam menganalisis dan mengkaji perwatakan manusia, memilih peristiwa yang berkaitan dengan sesuatu masalah sosial, menyusun latar yang memaparkan sesuatu masalah sosial dan menurunkan pengalamannya ekoran terlibat dalam masalah sosial bagi benar-benar berlaku. Masalah-masalah sosial yang agak dominan dibincangkan dalam cerpen-cerpennya ialah masalah sosial semasa zaman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



pemerintahan Jepun, isu-isu sosial yang berkaitan dengan pendidikan Tamil di ladang dan kawasan di pinggir bandar, masalah penindasan pekerja ladang yang dilakukan oleh pengusaha ladang, masalah kekeluargaan, isu percintaan dan sebagainya. Beliau juga selesa menggunakan watak berbilang kaum dalam cerpen-cerpen seperti dalam cerpen *Pari* (Jala), *Ilavaraci Mallari* (Puteri Mallari), *Kaluvayi* (penebusan dosa) dan sebagainya (V.Poobalan, 1978: 9).

Selain itu, beberapa buah karya cerpen ciptaan beliau telah diterjehmakan dalam Bahasa Malaysia. Kumpulan cerpen penterjemahan tunggal yang berjudul *Mimpi dan Impian* berjaya diterbitkan oleh Persatuan Tamilar Tangkak pada tahun 2013. Koleksi cerpen ini mengandungi sebanyak 14 buah cerpen yang dihasilkan dalam tempoh masa berlainan. Jika diteliti, 5 buah cerpen daripada kumpulan cerpen ini memang membincangkan masalah sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat India di Malaysia. Sebanyak 7 buah cerpen pula memaparkan masalah sosial yang berkaitan dengan masyarakat kaum majmuk Malaysia. Seterusnya, 2 buah cerpen membincangkan masalah sosial masyarakat di luar negara. Kumpulan cerpen ini membuktikan bahawa cerpenis M.Ramaiah mempunyai kebolehan yang luar biasa dalam bidang kesusasteraan. Karya ciptaannya yang merentasi sempadan kaum dan negara masih dapat diterjemah dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



diterbitkan untuk tatapan masyarakat Malaysia. Masalah sosial yang diutarakan dalam kumpulan cerpen ini masih boleh dijadikan pedoman hidup oleh genarasi muda.

## 1.3 Pernyataan Kajian

Cerpenis M.Ramaiah merupakan seorang pengarang yang berpengalaman dan berjaya merentasi beberapa zaman dalam kalangan penulis bukan Melayu dengan mencipta nama dalam persada sastera Tamil tanah air. Karya sastera beliau yang terdiri daripada kumpulan cerpen, novel, sajak, kajian kesusasteraan Tamil Malaysia dan sebagainya berpotensi memaparkan isu-isu sosial masyarakat India berketurunan Tamil. Isu-isu sosial dalam cerpen-cerpen beliau merangkumi ruang lingkup kehidupan individu dan masyarakat secara meluas, lengkap dan mendalam.

Cerpen-cerpen beliau telah digunakan setakat bahan rujukan bagi beberapa kajian berkaitan dengan cerpen tempatan. Sebilangan cerpen beliau juga dipilih untuk meneliti penggunaan tema dalam cerpen di antara tahun 50an hingga tahun 2010 (A.Ammini, 2010: 90). Setakat ini, kajian tentang isu-isu sosial yang dibincangkan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



karya cerpen M.Ramaiah tidak diberi perhatian. Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan dapat mendedahkan kesengsaraan hidup masyarakat India di Malaysia.

Disamping itu, kajian ini juga akan memberikan pengajaran kepada pembaca tentang nilai-nilai kemasyarakatan yang mudah dilupakan semata-mata untuk menikmati kehidupan sementara yang penuh dengan pelbagai keseronokan dan godaan di sekeliling masyarakat sama ada golongan muda ataupun tua. Dalam hal ini, pengkaji mengharapkan agar pembaca ataupun masyarakat sekarang tidak lalai dan mengenepikan soal-soal akidah dengan Tuhan untuk meneruskan hidup, soal halal dan haram yang semakin hari semakin tidak dipedulikan apabila berhadapan dengan kesusahan dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.4 Objektif Kajian

Penyelidikan ini dijalankan berdasarkan tiga objektif utama, iaitu :

1. Mengenal pasti masalah sosial yang dipaparkan dalam karya cerpen M.Ramaiah.
2. Menganalisis tujuan penggunaan masalah sosial dalam cerpen karya M.Ramaiah.
3. Menilai kesesuaian penggunaan masalah sosial dalam cerpen-cerpen M. Ramaiah berdasarkan cara kehidupan moden masyarakat India di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.5 Soalan Kajian

Tiga soalan kajian yang diteliti bagi kajian ini ialah :

1. Apakah masalah sosial yang dipaparkan dalam karya cerpen M.Ramaiah?
2. Apakah tujuan penggunaan masalah sosial dalam cerpen karya M.Ramiah?
3. Adakah masalah sosial yang dibincangkan dalam cerpen- cerpen M. Ramaiah bersesuaian dengan cara kehidupan moden masyarakat India di Malaysia?

## 1.6 Kepentingan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini dijalankan untuk memberikan gambaran yang jelas kepada pembaca khususnya kepada genarasi muda tentang kehidupan masyarakat India sebelum dan selepas zaman kemerdekaan melalui isu-isu sosial yang dipaparkan dalam karya cerpen. Di sampingan itu, pembaca juga dapat mengetahui langkah-langkah yang harus diambil bagi menyelesaikan sesuatu masalah dan juga dapat memupuk ilmu, kemahiran dan nilai supaya tabah menghadapi rintangan hidup.

Melalui kajian ini, pengkaji, penulis-penulis muda dan baru serta pembaca dapat mengenali sasterawan tempatan terunggul M.Ramaiah yang merentasi beberapa zaman,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



berpengalaman, penerima anugerah dan penghargaan bagi karya ciptaannya serta bersemangat dan masih aktif dalam bidang penulisan walaupun usianya sudah mencecah 84 tahun. Kajian terhadap koleksi cerpen-cerpen M.Ramaiah turut mempamerkan keinginan dan keazaman yang tinggi beliau terhadap bahasa ibunda. Beliau menonjolkan diri dalam bidang penulisan walaupun, tidak berpendidikan tinggi.

Selain itu, cerpenis M. Ramaiah dilihat agak istimewa kerana hasil karya beliau bukan sahaja tersiar dalam pelbagai wadah penerbitan tempatan malah telah memenangi anugerah dan hadiah dalam pelbagai sayembara peringkat kebangsaan. Berikutnya Jadual 1.2 mengutarakan anugerah dan hadiah yang diterima oleh cerpenis M.Ramaiah dari dunia kesusasteraan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Jadual 1.2

*Anugerah dan Hadiah yang Diterima Oleh Cerpenis M.Ramaiah*

| BIL | PENGHARGAAN | NAMA KARYA | TAHUN | ANJURAN |
|---|---|---|---|---|
| 01. | *Vairattotu* (Subang Berlian) | *Payanam* (Perjalanan) | 1950 | Akhbar Tamil *Muracu* |
| 02. | Johan | Citai (Sita Dewi) | 1956 | Perayaan *Tamilar* |
| 03. | Johan | *Tunpattin Ellai* (Kesedihan) | 1963 | Akhbar Mingguan *Malai Natu* |
| 04. | Johan | *Ummpph* | 1963 | Persatuan *Puthumai Pittan* Penang |
| 05. | Johan | *Kannit Tamil Entan Kan*(Bahasa Tamil matamu) - syair | 1965 | Majlis hari *tamilar Tirunal* di Taiping Perak |
| 06. | Naib Johan | *-Muttalaku*<br>*-Mana Onankal*<br>(Gelora hati) | 1975 – 1979 | Akhbar Tamil Muracu |
| 07. | Johan | *Manakkatavu* (Pintu hati) | 1990 | Majalah Tempatan *Mayil* |
| 08. | Hadiah ketiga | *Patippukku Erra Velai* (Kerja mengikut kelayakan pendidikan) | 1992 | Akhbar Tamil Ocai |
| 09. | Hadiah istimewa | *Alakin Aratanai* (Pemujian Kecantikan) - Novel | 1993 | Persatuan Pengarang Tamil Negeri Selangor |
| 10. | Hadiah istimewa | Cankoli Cirukkataikal | 1993 | Persatuan Kesusasterawan *Tamil Natu*, India |
| 11. | Johan | Verriyil Oru Tolvi (kekalahan dalam kemenangan) | 1994 | Persatuan Penulis Tamil di Malaysia. |
| 12. | 3 cerpen – Naib Johan<br>3 cerpen – tempat ketiga | Cerpen-cerpen terpilih | 1995 | Persatuan BahasaTamil Universiti Malaya |
| 13. | Pingat emas | *Aru Matankal* (Enam bulam) | 1975 | Akhbar Tamil Nesan |
| 14. | Dua pingat emas | *Ariviyal Pari* (sains) | 1976 – 1977 | -Persatuan Penulis Perak Selatan |
| 15. | PPTM menerbitkan semua cerpen M.Ramaiah. | Karya kesusasteraan tokoh *Ilakkiya Kurical* Doktor M.Ramaiah | 1967 | Persatuan Penulis Tamil Malaysia |
| 16. | *Cirukatai mannan* (Raja cerpen) | - | 1967 | Majalah bulanan *Ponni* |
| 19. | *Ilakkiya Kuricil* (sasterawan teragung) | - | 1978 | Chenai, India |
| 20. | P.I.S | - | 1979 | Hari Keputeraan Sultan Johor |
| 21. | Gelaran Dr. (D.Litt) | - | 1995 | Universiti Antarabangsa Amerika dalam majlis sambutan hari lahir penyair terkenal di India Kannatacan |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Pelbagai anugerah dan hadiah diterima oleh karyawan tempatan ini membuktikan bahawa beliau adalah sasterawan yang termahir dan amat dikagumi oleh dunia kesusasteraan. Sepatunya, generasi muda harus mengenali kehebatan beliau.

Pengkaji mendapati satu kajian terhadap cerpen-cerpen M.Ramaiah perlu dibuat untuk mendedahkan masalah sosial masyarakat India di Malaysia. Sememangnya kajian ini adalah kajian yang baru memandangkan kajian-kajian terhadap teks-teks sastera Tamil sebelum ini adalah hanya membincangkan struktur karya seperti tema, plot, perwatakan, latar dan sudut pandangan selain amanat dan wacana pemikiran pengarang. Setakat ini belum ada kajian khusus terhadap masalah sosial yang dipaparkan dalam karya cerpenis M.Ramaiah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, kewajaran pemilihan pengarang tersohor cerpenis Tamil Malaysia iaitu M.Ramaiah adalah berdasarkan pencapaian, kekuatan dan kecenderungan dalam bidang penulisan prosa, khususnya cerpen. Karya M.Ramaiah belum pernah dijadikan bahan kajian para pengkaji terdahulu. Oleh itu, adalah sangat wajar mengkaji karya M.Ramaiah untuk mengetahui masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India Malaysia. Kajian ini perlu untuk dijadikan dokumen penting yang memaparkan isu-isu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



sosial yang dihadapi masyarakat India. Ia juga boleh dijadikan bahan rujukan sejarah masyakarat India di Malaysia.

## 1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian sangat penting bagi memastikan supaya kajian yang dilakukan menuju ke hala tuju tepat tanpa keluar daripada tajuk perbincangan. Berdasarkan tesis yang bertajuk *Masalah Sosial Masyarakat India dalam Cerpen Karya M. Ramaiah*, pengkaji cuba menganalisis masalah-masalah sosial yang dipaparkan dalam karya cerpen M.Ramaiah. Dengan ini, pengkaji boleh mengenal pasti ruang lingkup yang jelas, teratur dan tepat supaya tidak terpesong daripada persoalan yang menjadi asas kajian. Dalam kajian ini juga, pendekatan sosiologi sastera digunakan iaitu pendekatan terhadap karya sastera yang mempertimbangkan aspek kemasyarakatan. Kajian ini berfokus kepada masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat terutamanya masyarakat India di Malaysia.

Kajian ini dibataskan kepada genre cerpen Tamil di Malaysia. Terdapat 12 kumpulan cerpen yang dibukukan oleh cerpenis M.Ramaiah. Setiap kumpulan cerpennya mengandungi 10 hingga 25 buah cerpen. Cerpen-cerpen yang terdapat dalam kumpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



cerpennya tidak disusun mengikut tahun. Cerpen-cerpen yang dikarang pada tahun-tahun yang berlainan dimasukkan dalam sesuatu kumpulan cerpen. Sebanyak tiga buah kumpulan cerpen dipilih bagi tujuan penyelidikan ini. Cerpen-cerpen yang terkandung dalam tiga buah kumpulan cerpen berikut lebih jelas membicarakan masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India. Selain daripada itu, tahun cerpen-cerpen ini dituliskan adalah di antara tahun 1950 hingga tahun 2002. Perkara ini dipertimbangkan kerana pengkaji ingin meneliti pelbagai masalah sosial dalam zaman yang berbeza bagi merenung tahap kesesuaian penggunaan masalah sosial dengan era moden kini. Jadual 1.3 menujukkan senarai kumpulan cerpen yang dipilih bagi tujuan penyelidikan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Jadual 1.3

*Kumpulan Cerpen yang Dipilih bagi Tujuan Penyelidikan.*

| Bil | Antologi/ Kumpulan cerpen | Bil | Tajuk cerpen | Muka surat | Tahun |
|---|---|---|---|---|---|
| 01. | *Parivum Pacamum* | 1. | *Citai* | 38 - 60 | 1957 |
| | (Keprihatinan dan | 2. | *Cumaitanki* | 111 - 116 | 1957 |
| | Kesayangan) -[1979] – | 3. | *Annan* | 117 -120 | 1958 |
| | {13 cerpen} | 4. | *Palappalam* | 17 - 28 | 1961 |
| | | 5. | *Maittuni* | 68 - 75 | 1962 |
| | | 6. | *Ummm....* | 24 - 28 | 1964 |
| | | 7. | *Parivum Pacamum* | 9 – 16 | 1967 |
| | | 8. | *Aciriyar Aiyakkannu* | 29 – 37 | 1968 |
| | | 9. | *Pecca Otti* | 61 - 67 | 1968 |
| | | 10. | *Muraiyita Oruvan* | 84 - 93 | 1973 |
| | | 11. | *Muttalaku* | 76 - 83 | 1975 |
| | | 12 | *Nermai* | 103 – 110 | 1975 |
| | | 13. | *Karaiyum Acaikal* | 94 - 102 | 1977 |
| 02. | *Ticai Mariya Paravaikal* | 1. | *Tataik karkal* | 9 – 16 | |
| | (Burung yang Berubah Hala | 2. | *Pari* | 17 – 29 | |
| | Tuju) - [1998] – | 3. | *Palavinam* | 30 – 33 | Tahun penerbitan |
| | {25 cerpen} | 4. | *Campattiyam* | 34 – 44 | cerpen tidak |
| | | 5. | *Patai Tavariya Payanankal* | 45 – 54 | dinyatakan. |
| | | 6. | *Pantayam* | 55 – 66 | |
| | | 7. | *Marupiravi* | 67 – 74 | |
| | | 8. | *Tirutti Elutiya Tirppu* | 75 – 87 | |
| | | 9. | *Campiratayankal* | 88 – 95 | |
| | | 10. | *Avalukkenru Orulakam* | 96 - 103 | |
| | | 11. | *Nlla Manacu* | 104 - 109 | |
| | | 12. | *Tunintu Vittal* | 110 - 116 | |
| | | 13. | *Vatikal* | 117 - 125 | |
| | | 14. | *Atutta Muraparkkalam* | 126 - 132 | |
| | | 15. | *Ponna Latcanama?* | 133 - 141 | |
| | | 16. | *Puriyata Cenmankal* | 142 - 149 | |
| | | 17. | *Manimekalai* | 150 - 159 | |
| | | 18. | *Camutaya Irul* | 160 - 168 | |
| | | 19. | *Ilappu* | 169 - 178 | |
| | | 20. | *Mulattanam* | 179 - 185 | |
| | | 21. | *Vairakkiyam* | 186 - 194 | |
| | | 22. | *Pattu Velli* | 195 - 200 | |
| | | 23. | *Ticai Mariya Paravaikal* | 201 - 210 | |
| | | 24. | *Ankikaram* | 211 - 221 | |
| | | 25. | *Pattarai* | 222 - 232 | |
| 03. | Avalum Oru Taytan (Dia juga | 1. | *Avar Varamattar* | 1 – 5 | 2001 |
| | Seorang Ibu) - [2008] – | 2. | *Kanavum Karpanaiyum* | 6 – 11 | - |
| | {11 cerpen} | 3. | *Kani Nilam Ventum* | 12 – 19 | - |
| | | 4. | *Purai* | 20 – 28 | 2002 |
| | | 5. | *Avalum Oru Taytan* | 29 – 39 | - |
| | | 6. | *Ani Ver* | 40 – 49 | 1974 |
| | | 7. | *Kaikku Ettiyatu* | 50 – 61 | 2002 |
| | | 8. | *Palam Nluvi…* | 62 – 68 | 1956 |
| | | 9. | *Vali* | 69 – 76 | 2002 |
| | | 10. | *Etir Vitu* | 77 – 83 | 1956 |
| | | 11. | *Aata Irakaciyam!* | 84 - 86 | - |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Cerpen-cerpen dalam tiga buah kumpulan tersebut bukan sahaja agak popular malah sering diperkatakan oleh pengkritik lain serta sebilangan cerpennya juga dipilih sebagai bahan pembelajaran dan penilaian di peringkat sekolah, maktab dan universiti.

## 1.8 Sumber Kajian

Dalam kajian ini, cerpen-cerpen Tamil yang dihasilkan oleh pengarang M.Ramaiah akan digunakan sebagai sumber kajian. Sebanyak tiga kumpulan cerpen Tamil yang dihasilkan oleh beliau pada tahun dan zaman berlainan telah dipilih untuk digunakan sebagai sumber asas kajian iaitu :-

1) *Parivum Pacamum* (Keprihatinan dan Kesayangan) - [1979] - {mengandungi 13 buah cerpen}

2) *Ticaimariya Paravaikal:* (Burung yang Berubah Hala Tuju) - [1998] - {mengandungi 25 buah cerpen}

3) *Avalum Oru Taytan* (Dia juga Seorang Ibu) - [2008] - {mengandungi 11 buah cerpen}

**Sumber primer -** Dalam kajian ini, sumber premier ialah tiga buah antologi cerpen yang mengandungi 49 buah cerpen. Kesemuanya dihasilkan oleh cerpenis M.Ramaiah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



**Sumber sekunder -** Karya-karya lain seperti buku kritikan sastera, buku-buku ilmiah, jurnal, majalah-majalah dan artikel-artikel yang diterbitkan turut dijadikan sebagai rujukan.

## 1.9 Definisi Operasional

Bagi memudahkan perbincangan dilakukan selaras dengan objektif, beberapa kata atau frasa akan didefinisikan dan dihuraikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.9.1 Cerpen

Genre cerpen boleh dikatakan menjadi asas kesusasteraan sesuatu bahasa selepas puisi dan novel. Pelbagai pendapat dan ulasan mengenai genre cerpen dikemukakan oleh para cendekiawan dan sasterawan, baik di negara ini mahupun di peringkat antarabangsa. Cerpen ialah genre sastera yang paling popular pada masa ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Menurut Puthumai Pitthan (2002) dalam artikel *kataikal* menyatakan cerpen adalah bentuk sastera orang barat. Beliau menyatakan bahawa cerpen berdasarkan isi cerita tersebut. Isi cerita yang digunakan dalam sebuah cerpen mestilah satu. Beliau juga tidak meletakkan had muka surat dalam memberi pengertian kepada cerpen. Puthumai Pitthan menyifatkan cerpen sebagai *valkkaiyn cirukataikal calarankal* yang membawa maksud tingkap kecil yang mengisahkan kehidupan. Ianya amat berbeza dengan sebuah novel.

Agilan (2002) pula mengulaskan dalam bukunya *katai kalai* mengemukakan batasan cerpen berdasarkan kejadian yang dimuatkan di dalam sebuah cerpen. Beliau menyatakan cerpen boleh bersifat mengetengahkan satu kejadian, satu masalah kehidupan ataupun menceritakan perwatakkan satu karektor dalam cerpen.

Wellek (1970) menerangkan bahawa, cerpen atau cerita pendek ialah rekaan (cereka) berbentuk prosa yang relatif pendek. Kependekannya pula masih tidak jelas ukurannya dan masih tidak tetap jumlah perkataannya. Genre cerpen berasal dari Eropah ataupun barat atas usaha tokoh-tokoh terkenal dan berwibawa seperti Edger Allan Poe, Nikolai Gogol Guy de Maupassant dan Anton Chekhov. Merekalah yang meletakkan batu asas, untuk cerpen khususnya berkaitan dengan definisi dan ciri-ciri penting

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



sesebuah cerpen. Kemudian, unsur-unsur ini menjadi amalan dan pegangan para penulis cerpen, terutama dalam penulisan cerpen yang berbentuk konvensional yang setia mengutamakan unsur dalaman.

Hallie,S Burnett (1983) turut mengatakan bahawa, cerita pendek bermula berasakan tradisi penceritaan lisan yang menghasilkan kisah-kisah terkenal seperti *Iliad dan Odyssey* karya Homer. Kisah-kisah tersebut disampaikan dalam bentuk puisi yang berirama dan berfungsi sebagai alat untuk menolong orang untuk mengingati sesuatu cerita. Bahagian-bahagian singkat daripada kisah-kisah ini dipusatkan pada naratif individu yang dapat disampaikan secara ringkas dan merangkumi jangka masa yang singkat tetapi membawa mesej yang bernas dan lengkap.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Muthu Shanmugan (1979) mengatakan bahawa, cerpen adalah penerangan sebahagian kehidupan seseorang atau penerangan tentang sesuatu perkara yang berlaku dalam kehidupan seseorang. Cerpen ditulis dalam bentuk wacana.

Forgacs,D (1988) memberi pendapatnya bahawa, cerita pendek yang kurang daripada 1000 patah perkataan tergolong genre fiksyen kilat (*flash fiction*) manakala, genre

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



yang melampaui batas maksimum parameter cerita pendek digolongkan dalam kategori novel. Cerpen berasal daripada anekdot sebuah situasi yang digambarkan secara singkat dan cepat tiba pada tujuannya, selari dengan tradisi penceritaan lisan.

Cerpen ialah prosa fiksyen yang popular pada masa ini. Dalam penyelidikan N.Subramaniam, beliau mengatakan bahawa Bernard Bergonzi dalam bukunya *The Situation of the Novel* menyatakan:

> *Short story is the most widely read genre today. For all it's popularity and apparent necessity to magazine editors, the short story in it's present location, seems to be unhealthyily limited, both in range of literacy experiences it offers and it's capacity to deepen our understanding of the world, or of one another".* (Subramaniam, N. 1980,1-3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Agilan (1976) mengatakan, cerpen merupakan genre sastera yang mempunyai ciri-ciri tertentu. Sasterawan Tamil yang teragung bernama Agilan menegaskan bahawa cerpen sebagai wadah sastera ringkas dalam bentuk yang mengisahkan sesuatu masalah tertentu yang dihadapi oleh individu atau masyarakat.

Cerpenis M.Ramaiah pula menyatakan bahawa pemilihan masalah sosial yang baik dan tepat sahaja dapat memberikan gambaran yang realistik dan menyeluruh tentang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



citra sesuatu masyarakat. Walaupun, sesebuah cerpen mempunyai ciri-ciri sebenar sebuah cerpen, namun cerpen tersebut tidak akan diakui sebagai karya yang baik sekiranya permasalahan hidup tidak ditonjolkan (Ramaiah, M. 1976:13).

Cerpen dipilih sebagai bahan kajian kerana genre ini boleh dijadikan alat sosial yang dapat mencerminkan masyarakat sesuatu zaman. Cerpen juga diguna pakai oleh tokoh-tokoh sastera untuk membaca pemikiran masyarakat. A.Samad Said (1975) mendefinisikan cerpen adalah seperti berikut:

> "Cerpen, bagi saya, bukanlah satu pelepas waktu kosong untuk menghiburkan hati. Cerpen ialah satu penterjemahan pengalaman yang dipindahkan daripada subjektif seorang cerpenis untuk dialami semula oleh seorang pembaca. Kita dimestikan menjengah ke sekeliling kita, kemudian ke dalam diri kita, sebab cerita yang dikemukakan itu sebenarnya ialah penterjemahan pengalaman cerpenisnya, pengalaman yang dipetik dari sekitar kehidupan kita seluruhnya".
> (A.Samad Said, 1975:4)

Berdasarkan pelbagai definisi yang diutarakan oleh para sasterawan, pengkaji dapat merumuskan bahawa cerpen ialah penceritaan lisan yang mengalami perubahan bentuk mengikut aliran zaman dan mengambarkan sesuatu situasi secara singkat. Cerpen menjadi wadah bagi penulis memindahkan atau menyampaikan pengalamannya kepada pembaca dan mengisahkan sesuatu masalah tertentu yang dihadapi oleh individu atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



masyarakat seperti mana yang dilakukan oleh M.Ramaiah iaitu menyampaikan pengalamannya melalui karya cerpennya.

### 1.9.2 Masalah Sosial

Dalam kehidupan bermasyarakat, manusia harus mengikuti nilai-nilai dan norma-norma yang diamalkan oleh masyarakat. Pembicaraan mengenai nilai dan norma masyrakat melibatkan fahaman *das sollen* iaitu sesuatu yang seharusnya, bukan *das sein* atau sesuatu yang sengaja terjadi. Apabila terdapat orang atau sekelompok individu dengan sengaja dan sedar melakukan hal-hal yang bertentangan dengan nila-nilai yang ada dalam masyarakat, perkara inilah yang akan menimbulkan masalah-masalah dalam masyarakat. Apabila masalah-masalah itu berlarutan, maka gejala atau kenyataan itu menjadi masalah sosial. (Hazil Abdul Hamid, 1990: 20).

Robert Merton (1938) mengklasifikasikan masalah sosial kepada dua segmen. Beliau membuat dua perbezaan antara masalah sosial *manifest* dan masalah sosial *latent*. Masalah sosial *manifest* sebagai masalah sosial yang objektif secara semulajadi dan dikenal pasti oleh masyarakat sebagai sesuatu yang telah diketahui bahaya dan kesan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



negatifnya. Masalah sosial *latent* pula ialah masalah yang lebih objektif secara semula jadi dan masyarakat belum menganggap masalah ini sebagai masalah sosial kerana dianggap belum atau tidak melanggar nilai, budaya dan norma sesuatu budaya.

Herbert Blumer (1997) pula menjelaskan bahawa kitaran hidup masalah sosial boleh dipecahkan kepada lima bahagian iaitu, menjumpai masalah sosial, mengenal pasti masalah sosial, langkah pencegahan diambil, penyediaan sebuah plan rasmi untuk membasmi masalah dan pelaksanaan keputusan.

Seterusnya, Hadden (1973) menjelaskan bahawa terdapat empat tahap yang perlu dilalui oleh setiap masalah sosial. Pada tahap pertama, masyarakat melihat masalah itu sebagai sesuatu yang normal dan tidak merasakan akan membawa impak yang dapat merosakkan masyarakat. Pada tahap kedua adalah apabila masyarakat menyedari bahawa terdapat masalah yang patut dilihat sebagai masalah sosial. Seterusnya, tahap ketiga ialah mobilisasi masyarakat ke arah menyelesaikan masalah tersebut. Pada peringkat akhir pula, masalah sosial telahpun diselesaikan dan diiktiraf oleh masyarakat.

Selain itu, akhbar-akhbar dan majalah-majalah sentiasa memaparkan masalah-masalah sosial seperti ini melalui cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh cerpenis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



tempatan bagi memupuk kesedaran masyarakat India pada umumnya. Secara tidak langsung, akhbar-akhbar menyarankan pihak-pihak tertentu untuk menghulurkan bantuan dan memberikan perhatian kepada masyarakat India demi membendung isu-isu semasa yang dihadapi.

Kajian ini khususnya mefokuskan masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia. Masalah sosial yang agak ketara adalah berkaitan dengan isu-isu sosial, ekonomi, kebudayaan, politik dan pendidikan. Masalah-masalah sosial ini dikaji berpandukan objektif yang terpilih bagi tujuan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.9.3 Kesesuaian

Ketika mengkaji kesesuaian penggunaan masalah sosial dengan cara hidupan moden masyarakat India, pengkaji akan melihat kesesuaian tersebut dalam dua tahap iaitu penggunaan yang sesuai dan penggunaan yang kurang sesuai. Masalah sosial yang masih ketara dalam masyarakat India dianggap sebagai penggunaan yang sesuai. Sebaliknya, masalah sosial yang agak kurang ketara atau semakin lenyap disebabkan perubahan pemikiran generasi moden dianggap sebagai penggunaan kurang sesuai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.10 Kesimpulan

Cerpen menjadi inti pati pengalaman dan juga catatan setiap insan yang cuba menikmati hidupnya pada suatu masa. Cerpen juga menjadi suara seseorang individu dalam menghadapi dan menjalani kehidupan pada sesuatu ketika. Bagi pengarang pula, cerpen merupakan reaksinya terhadap permasalahan yang telah dipertimbangkannya. Oleh itu, lazimya, pemikiran serta hasrat pengarang diterima umum. Daya fikir pengarang sentiasa merangkumi hujah, kritikan serta harapannya kepada masyarakat India di Malaysia.

Para penulis cerpen Tamil bertanggungjawab dalam menyampaikan mesej tertentu kepada pembaca cerpen. Kebanyakan cerpen M.Ramaiah berunsur humanis lazimnya, hasil karyanya menggambarkan perasaan hati yang menginginkan sesuatu perubahan daripada pembacanya.

Cerpen-cerpen M.Ramaiah dikategorikan dalam aliran realisme kerana cerpen-cerpennya mengarapkan aspek realiti atau senario yang sebenarnya berlaku dalam kalangan masyarakat India di Malaysia sejak 1950-an hinggalah sekarang. Oleh itu, pengarang bukan hanya berperanan sebagai penulis semata-mata malah ingin membetulkan kelemahan serta kepincangan masyarakat. Oleh itu, tujuan pemilihan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



sesuatu masalah sosial dalam penulisan cerpen dapat difahami dengan jelas. Kajian terperinci diteruskan bagi mencapai objektif dengan bantuan rujukan yang membina dan teori kajian yang sesuai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 2

# SOROTAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 2.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji membuat rujukan terhadap kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan masalah sosial yang dibincangkan dalam cerpen-cerpen Tamil. Kajian-kajian yang diteliti adalah berbentuk buku, tesis falsafah kodoktoran, tesis master dan artikel. Kajian terdahulu menjadi panduan bagi perbincangan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 2.2 Kajian-Kajian Terdahulu Berkaitan Dengan Cerpen

Tinjauan pada beberapa kajian yang berkaitan dengan penyelidikan ini telah dibuat oleh pengkaji. Walaupun jumlah kajian tentang masalah sosial dalam cerpen-cerpen bahasa Tamil tempatan agak kurang bilangannya, namun kajian-kajian lain yang berkaitan dengan sastera dan berkaitan dengan cerpen akan dijadikan rujukan dan diteliti oleh pengkaji sebagai panduan bagi menyiapkan penyelidikan ini. Sebagai permulaan, meninjau beberapa kajian tesis kedoktotan dan sarjana.

Saravanan Veeramuthu (2010) dari Universiti Malaya dalam tesis kedoktorannya yang bertajuk *Citra Identiti Budaya Masyarakat India: Satu Pembicaraan Cerpen Melayu Karya Cerpenis India* membicarakan perspektif citra identiti kebudayaan masyarakat India dalam dunia penulisan kesusasteraan Melayu serta mengenal pasti sumbangan yang dihulurkan oleh cerpenis-cerpenis India terhadap kesusasteraan Malayu. Citra identiti ini dilihat dengan menggunakan dua modul iaitu Modul Pembentukan Identiti Phinney dan Modul Tahap Akulturasi Sue dan Sue. Dalam skop identiti yang dibincangkan itu terdapat identiti luaran yang merangkumi identiti ekspresif (bahasa, perayaan dan sistem panggilan) dan identiti lahiriah (pakaian dan makanan), identiti dalaman yang melihat identiti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



normatif (bangsa, kasta, agama dan kepercayaan, unsur mitos, adat dan amalan serta perkahwinan) dan identiti nilai (ekonomi, gender dan isu-isu sosial).

Dalam tesis falsafah kedoktororan yang bertajuk *Key Concepts In Usman Awang's Short Stories: Developing A Critical Tradition,* Mohamad Mokhtar Abu Hassan membuat kajiannya dengan menumpukan pada karya cerpen Usman Awang. Kajian ini dibuat pada 1999 di Universiti Kebangsaan Australia. Pengkaji mengkaji cerpen-cerpen yang telah dihasilkan ketika masyarakat Melayu mengalami pelbagai masalah ekoran perubahan ketara dalam kehidupan mereka. Menurut beliau, terdapat lima jenis isu utama yang diperjuangkan oleh Usman Awang dalam cerpen-cerpenya, iaitu bangsa, kemiskinan, keadilan, kepimpinan dan kematian. Berdasarkan kajian beliau, Usman Awang ialah pejuang bangsa dan pembela kemiskinan bangsa Melayu. Beliau telah menggunakan teori Konseptual bagi menjayakan kajian ini.

Setelah meneliti kajian-kajian falsafah kedoktoran, pengkaji juga merujuk kajian-kajian tesis sarjana yang berkaitan dengan penyelidikan ini.

Pelajar sarjana Universiti Malaya yang bernama Ravindran,M telah menjalankan penyelidikan tentang *Penggambaran Citra Wanita dalam Cerpen Tamil Malaysia,*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



*1970-2010: Satu Kajian Berasaskan Teori Arketaipal* pada tahun 2012. Kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan cerpen-cerpen Tamil Malaysia menggambarkan citra wanita dalam penulisan cerpen. Pendekatan Teori Arketaipal digunakan sebagai dasar menilai hasil karya cerpenis tempatan. Kajian ini juga ingin memastikan sejauh manakah penggambaran citra wanita memainkan peranan dalam kehidupan masyarakat Tamil Malaysia dari segi karya-karya purana, epik, dewa-dewi serta dari segi cerita sastera rakyat dan pergerakan watak era moden. Pandangan ini memberi satu pendedahan baru tentang pemikiran wanita dalam perkembangan diri mereka dari kanak-kanak hingga akhir hayat dalam konteks mendukung terhadap konsep induk dalam diri manusia. Berikutan itu, penulisan cerpen yang berkembang mengikut peredaran masa dapat juga memberikan satu kajian yang tepat dalam mengkaji kepelbagaian watak Arketaipal dalam cerpen-cerpen Tamil Malaysia. Cara ini dapat menganalisis secara keseluruhannya perwatakan wanita-wanita zaman sekarang yang bersifat Arkeitaipal dalam masyarakat Tamil serta pengaruh pendekatan Arkeitaipal dalam kehidupan mereka dan secara lansungnya dapat membuktikan bahawa adanya perubahan terhadap citra wanita dalam cerpen Tamil Malaysia.

Umadevi Brabaharan (2011) dalam tesis sarjana dari Universiti Malaya telah membuat penyelidikan yang bertajuk *Isu-isu Semasa dalam Cerpen Malaysia dari Tahun*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



*1990-2006* membicarakan masalah sosial yang dipaparkan dalam cerpen Tamil dari tahun 1990 hingga 2006. Cerpen-cerpen yang disiarkan dalam akhbar Tamil Malaysia menjadi objek kajian beliau. Kaedah kajian yang digunakan ialah teori sosiologi Genetik Lucien Goldmann. Kajian beliau berfokus kepada tahap pemaparan isu-isu semasa masyarakat India dan tanggapan serta sikap penulis dalam menyampaian masalah sosial. Isu-isu sosial seperti isu-isu berkaitan dengan moral dan akhlak, tradisi serta ekonomi dikupas dalam penyelidikan ini. Menurut beliau, isu-isu yang diketengahkan dalam cerpen-cerpen ini merupakan cerminan reality di luar sastera.

Seterusnya, Jeyanthi A/P Palaniandy (2011) dari Universiti Malaya pula, membuat penyelidikan tentang genre cerpen Tamil Malaysia dari sudut tatabahasa. Sebanyak 93 buah cerpen Tamil yang diterbitkan dalam tiga akhbar tempatan iaitu *Tamil necan, Maleciya nanpan* dan *Makkal ocai* selama enam bulan mulai 1 September 2010 hingga 29 Februari 2010 digunakan sebagai bahan kajian. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji sejauh mana dan bagaimana pinjaman leksis Bahasa Inggeris digunakan dalam karya sastera Tamil di Malaysia. Kata pinjaman ini dikaji dari segi jenisnya dan juga pola-pola penbentukan leksis apabila proses pinjaman itu berlaku. Di samping itu, pengkaji turut dapat meninjau faktor-faktor yang mempengaruhi penulis menggunakan leksis Bahasa Inggeris dalam karya-karya tersebut dengan kaedah campuran iaitu kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



kualitatif dan kuantitatif. Dapatan kajian tersebut membuktikan bahawa jenis pinjaman leksis Bahasa Inggeris yang paling kerap berlaku dalam cerpen Tamil adalah melalui proses pengimportan dan pinjaman tulin dan pinjaman kacukan

Selain itu, Segaran Muthapan dari Universiti Melaya melalui tesis sarjananya yang bertajuk *Kajian Tema Karya-karya V.Munian* pada 2011 telah mengkaji isu-isu sosial, isu-isu budaya, pemikiran masyarakat dan corak kehidupan masyarakat Tamil di Malaysia. Pendekatan teori sosiologi yang menerapkan pendekatan analisis deskriptif dan analisis kritikan sastera digunakan sebagai metodologi kajian. Hasil kajian beliau, mendapati bahawa cerpen-cerpen V.Maniam yang meliputi aspek sosial, budaya, pemikiran dan corak kehidupan masyarakat Malaysia melambangkan gagasan yang perlu diteliti untuk membentuk masyarakat madani yang masih terikat kukuh dan berpegang teguh pada nilai kasih sayang dan adat masyarakat India walaupun semakin ditelan perubahan zaman. Kajian ini juga berjaya mengupas tema-tema dan isu-isu yang timbul dalam masyarakat India khususunya kaum Tamil di Malaysia. Hasil kajian ini membuktikan bahawa unsur-unsur sosial seperti tradisi, bahasa, budaya, sejarah, nilai, pengalaman, ideologi dan fahaman membantu pemikiran V.Munian dalam memperkayakan hasil kesusasteraan Tamil terutamanya genre cerpen Tamil di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Di samping itu, Ammini A/P Ayavoo dari Universiti Malaya dalam tesis sarjananya yang bertajuk *Kajian Tema Cerpen Karya Penulis-penulis Tamil Negeri Johor (1950-2010)* pada tahun 2010, menyatakan bahawa kajian ini dibuat secara terperinci untuk melihat akan objektif sosial sebagai mesej yang ingin disampaikan kepada warga pembaca. Teori Mimetik digunakan untuk mencerminkan kehidupan sesebuah masyarakat. Tema yang paling ketara dalam karya penulis-penulis negeri Johor ialah isu-isu kekeluargaan, masalah keruntuhan moral dalam kalangan masyarakat India dan isu-isu lain lagi. Secara keseluruhannya, boleh dirumuskan bahawa pelbagai tema yang digunakan telah memperlihatkan isi hati yang ingin disampaikan oleh penulis kepada golongan pembaca menerusi cerpen. Penyelidikan ini memberi peluang kepada masyarakat Malaysia untuk memahami kehidupan dan tradisi masyarakat India Johor serta perkembangan cerpen Tamil di Johor sejak tahun 1950-an hingga kini.

Jesuthas dari Universiti Malaya juga membuat kajian tesis sarjananya yang bertajuk *Cerpen-cerpen Karya M.Shanmugasiva; Satu Kajian Tema dan Struktur* pada tahun 2010. Dalam kajiannya beliau menyatakan bahawa cerpen-cerpen M.Shanmugasiva bercorak eksperimental. Melalui cerpen-cerpen tersebut diketahui cara pemikiran secara kritis mempengaruhi penciptaan sesebuah cerpen, prinsip-prinsip yang dominan dan pengaruh unsur luaran dalam menentukan corak pemikiran serta pelbagai teknik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



penceritaan dalam karya. Kajian ini membincangkan tema sebagai unsur yang mencerminkan peristiwa, pergolakan atau kepincangan masyarakat India di Malaysia. Kajian ini dibuat dengan menggunakan teori Analitikal untuk membincangkan tema dan isu-isu usaha membentuk masyarakat India yang berketerampilan dan maju. Hasil karya M.Shanmugasiva mempunyai unsur-unsur luaran seperti tradisi, sosial, budaya, sejarah, falsafah, pengalaman dan ideologi yang tetap berdialog dengan unsur-unsur dalaman pengarang ketika proses penciptaan cerpen. Pengkaji merumuskan bahawa cerpen-cerpen penulis dapat membaiki dan meningkatkan martabat serta kekayaan kesusasteraan Tamil di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, Kunaseelan A/L Subramaniam (2010) dari Universiti Malaya melalui tesis sarjananya yang bertajuk *Tema dan Persoalan dalam Cerpen M.A Ilanchelvan* membicarakan tema dan persoalan. Kajian ini juga telah memfokuskan isu-isu sosial yang dihadapi oleh masyarakat India Malaysia dari tahun 1960 hingga 1980. Jika diteliti kajian ini, perbincangan tentang isu-isu sosial tidak menyeluruh dan tumpuan utama hanya diberikan kepada tema dan persoalan sahaja. Selain itu, kajian ini turut menjelaskan tema-tema dan persoalan-persoalan yang timbul dalam masyarakat India khususnya kaun India Malaysia. Hasil kajian membuktikan bahawa unsur-unsur sosial seperti tradisi, bahasa, budaya, sejarah, nilai, pengalaman, ideologi dan fahaman mempengaruhi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



pemikiran M.A.Ilanchelvan dalam memperkaya hasil kesusasteraan Tamil terutamanya genre cerpen Tamil di Malaysia. Pendekatan kualitatif diskriptif dan teori sosiologi digunakan oleh pengkaji ini dalam menjalankan kajiannya.

Ilangkumaran,S (2009) dari Universiti Malaya telah membuat kajian tentang *Kedudukan Wanita dalam Karya-Karya Kreatif M.A.Ilanchelvan*. Dalam tesis sarjananya beliau membincangkan kedudukan wanita dari sudut pandangan masyarakat. Kajian beliau ini bukan berfokus kepada cerpen sahaja, malah lebih luas lagi. Karya-karya kesusasteraan Tamil seperti cerpen, puisi dan novel dijadikan objek kajian. Masalah penindasan terhadap wanita menjadi fokus utama kajian beliau. Penyelidik juga berhasrat untuk meneliti sejauhmana keberkesanan hasil sastera dalam menghasilkan karya yang lebih *Feminisme*. Hakikatnya, penindasan wanita berlaku lagi dalam kalangan masyarakat kita. Hal ini turut dapat dirasai melalui karya-karya M.A.Ilanchelvan. Masalah sosial yang dihadapi oleh golongan wanita juga menjadi pilihan kajian ini.

Di samping itu, Kalai Venthan (2008) dari Universiti Tamil Tanjavoor dalam tesis sarjananya yang bertajuk *Va.Muniyanin Cirukatai Pataippu Tiran* membuat kajian atas cerpen karyawan Va.Munian. Kajian ini memberi penekanan kepada sejarah perkembangan cerpen Tamil di Malaysia. Kajian ini berjaya menganalisis tema-tema dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



isu-isu yang timbul dalam masyarakat India khususnya kaum Tamil di Malaysia. Hasil analisis membuktikan bahawa unsur-unsur sosial seperti tradisi, bahasa, budaya, sejarah dan nilai serta pengalaman, ideologi dan fahaman penulis mempengaruhi pemikiran V.Munian dalam memperkayakan hasil kesusasteraan Tamil terutamanya genre cerpen Tamil di Malaysia. Cerpen-cerpen penulis ini dapat membaiki dan meningkatkan lagi martabat kesusasteraan Tamil di Malaysia

Seterusnya, Ramesh Kumar (2008) dari Universiti yang sama telah membuat kajian yang bertajuk *Ko.Punniyavanin Cirukatai Tiran: Peravai Kataikal*. Cerpen-cerpen Ko.Punniavaan telah diambil sebagai bahan kajian ini. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji berfokus kepada tiga aspek iaitu sejarah perkembangan cerpen Tamil di Malaysia, tema dan persoalan serta kajian stuktur cerpen. Hasil kajian mendapati bahawa cerpen Tamil mula berkembang di Malaysia pada tahun 1930-an. Tema-tema yang digunakan oleh penulis pada ketika itu banyak membincangkan masalah yang dihadapi oleh masyarakat Tamil di Tamil Nadu, India. Pengkaji ini juga mengkaji sturktur cerpen serta plot, tajuk, watak, perwatakan dan berpendapat bahawa Ko.Puniavanan merupakan cerpenis yang bersifat eksperimental.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Satu lagi kajian tesis dari Universiti Malaya yang bertajuk *Kata Pinjaman Bahasa Melayu dalam Bahasa Tamil di Malaysia: Satu Kajian Semantik dalam Antologi Cerpen (Peravai Kataikal: 1986-2004)* dibuat oleh Maniyarasan A/L Muniandy pada tahun 2007. Beliau mengkaji kata-kata pinjaman Bahasa Melayu yang terkandung dalam kesemua cerpen Tamil yang disenaraikan mengikut kategorinya. Kesemua kata pinjaman Bahasa Melayu tersebut dikategorikan sebagai kata pinjaman asimilasi penuh, kata pinjaman separuh asimilasi dan kata pinjaman tanpa asimilasi. Kemudian, kata pinjaman yang disenaraikan itu dianalisis mengikat teori komponen makna. Setelah diteliti berdasarkan teori tersebut, didapati bahawa banyak kata pinjaman Bahasa Melayu tersebut tidak mengalami sebarang perubahan makna. Masyarakat penutur Bahasa Melayu mengekalkan makna asal sesuatu perkataan tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kata pijaman Bahasa Melayu mengalami perubahan makna, iaitu peluasan makna dan penyempitan makna. Menerusi kajian ini, penyelidik membuktikan bahawa pengaruh semantik Bahasa Melayu sudah mula menjelma dalam bidang penulisan kreatif Bahasa Tamil di Malaysia. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kata pinjaman dari bahasa asing seperti Bahasa Inggeris dan Bahasa Sanskrit ke dalam Bahasa Tamil sudah berlaku sejak beberapa abad yang lalu .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Annadurai,M. (2007) dari Universiti Malaya dalam tesis sarjananya yang bertajuk *Cerpen-cerpen Peravai Kataikal (1986-2000): Satu Kajian Tema* telah membuat penyedilikan tentang tema-tema popular dalam cerpen-cerpen *Peravai Kataikal* yang diterbitkan dari tahun 1986 hingga 2000. Beliau memfokuskan kajiannya terhadap cerpen-cerpen yang memenangi hadiah sastera Tamil anjuran Persatuan Bahasa Tamil, Universiti Malaya. Kajian ini membincangkan tema sebagai unsur yang mencerminkan peristiwa, pergolakan atau kepincangan dalam masyarakat India. Hasil kajiannya menegaskan bahawa cerpen-cerpen *Peravai Kataikal* berjaya menonjolkan identiti yang tersendiri dan maksud membentuk satu warisan sejarah yang asli. Walaupun kajian beliau memaparkan isu-isu sosial tetapi tidak berfokus kepada masalah sosial secara menyeluruh dan terperinci.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat juga sarjana yang tidak ketinggalan dalam mengkaji unsur-unsur epik yang terkandung dalam karya cerpen. Veeramohan Veeraputhiran dari Universiti Malaya (2007) telah membuat kajian yang bertajuk *Pemaparan Unsur Ramayanam dan Makaparatam dalam Cerpen Tamil Malaysia (1957-1987).* Kajian ini meninjau kesesuaian dan keberkesanan penggunaan *unsur Ramayanam dan Makaparatam* dalam cerpen tempatan yang dihasilkan dalam tempoh masa tiga puluh tahun. Kajian ini berfokus kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



aspek nilai kehidupan dan falsafah kehidupan manusia zaman *Ramayanam dan Makaparatam* yang diselitkan dalam cerpen-cerpen Tamil Malaysia.

Seterusnya, Balu, S. (2007) dalam tesis sarjana dari Universiti Malaya yang berjudul *Cerpen Karya Puspaleelavathy (Paavai): Satu Kajian Tema* mendapati tema-tema yang dikemukakan oleh cerpenis agak berlainan. Tema-tema yang dipilih oleh cerpenis wanita ini agak unik dan jarang diketengahkan oleh cerpenis lain. Keunikan ini mengukuhkan kehebatan karya-karya beliau mendapat sambutan dalam kalangan pembaca. Kajiannya mendapati bahawa gambaran warisan masyarakat melalui cerpen telah menjadi suatu tradisi karyawan sehingga hari ini. Dengan itu, Paavai yang ingin akan perubahan dalam sistem sosial masyarakat India telah menyentuh aspek sosial dalam kebanyakan karya yang dihasilkannya.

Selain itu, Raja Rajeswari (2005) dari Universiti Putra Malaysia dalam tesis sarjana bertajuk *Pemikiran dalam Cerpen Uthaya Sankar SB dari Aspek Intertekstualiti* meneliti corak pemikiran, teknik penceritaan yang dominan serta pengaruh intertekstualiti yang ketara dalam cerpen-cerpen Uthaya Sankar. Melalui penerapan teori intertekstualiti dapat mengetahui tentang proses intertekstualiti yang mempengaruhi penciptaan sesebuah cerpen, prinsip-prinsip yang dominan serta pengaruh unsur-unsur luaran yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



menentukan corak pemikiran serta pelbagai teknik penceritaan yang terdapat dalam karya. Hasil analisis juga membuktikan bahawa karya bertindak sebagai cermin yang menonjolkan diri pengarang kerana unsur-unsur luaran dalam teori intertekstualiti seperti unsur tradisi, sosial, budaya, sejarah, falsafah, pembacaan, pengalaman dan ideologi tetap berdialog dengan unsur-unsur dalaman diri pengarang ketika proses penciptaan. Cerpen-cerpen Uthaya Sankar SB yang melengkapi pelbagai jaringan web dapat difahami melalui penerapan teori intertekstualiti.

Pengkaji Thayalasankar (2004) dari Universiti Tamil Tanjavoor dalam tesis sarjananya telah melakukan kajian yang bertajuk *Taimaikku Oru Tavam Satu Kajian Feminisme.* Dalam kajiannya beliau menerangkan kesengsaraan hidup yang dihadapi oleh golongan wanita. Teori fiminisme telah digunakan dalam kajian ini. Kaedah kajian analisis diskriptif dan kaedah kritikan sastera digunakan oleh pengkaji untuk menyiapkan kajian ini. Pengkaji juga meninjau persoalan-persoalan yang dipaparkan dalam cerpen-cerpen yang dijadikan sebagai bahan kajian. Antara persoalan yang diketengahkan ialah kegigihan wanita, kebebasan wanita, kemiskinan dan penderitaan, persoalan cinta dan kasih sayang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Premavathi A/P Nallapan dari Universiti Malaya dalam tesis sarjananya yang bertajuk *Stereotaip Watak Wanita dalam Cerpen Bahasa Tamil* pada tahun 2004 menyatakan bahawa diskriminasi terhadap kebebasan wanita dalam masyarakat berfahaman stereotaip dilihat dari sudut pandangan cerpenis lelaki dan wanita. Perbandingan dibuat untuk menentukan darjah kecenderungan gender cerpenis terhadap faktor stereotaip secara kolektif dan secara berasingan. Penyelidik juga berhasrat untuk meneliti sejauhmana keberkesanan cerpenis dalam mengasilkan karya yang lebih bercirikan 'bebas stereotaip'. Hasil kajian memberikan bukti yang cukup untuk menilai semula elemen stereotaip yang wujud hasil sentimen stereotaip budaya Tamil yang tidak dapat disesuaikan dengan masa kini. Cerpenis yang turut menjadi anggota masyarakat itu masih terikat dengan norma masyarakat itu. Kajian menunjukkan bahawa corak pemikiran dan bukannya gender seseorang cerpenis memainkan peranan dalam kecenderunannya terhadap penerimaan gejala stereotaip. Cerpenis boleh menjadi instrumen untuk merintis jalan ke arah nyalaan sentimen anti stereotaip yang mampu mengikiskan stereotaip negatif yang wujud pada masa ini.

Seterusnya, Krishanan A/L Maniam dari Universiti Malaya turut membuat kajian tentang cerpen-cerpen di Malaysia pada tahun 1989. Dalam tesis sarjana yang bertajuk *Cerpen Tamil dan Melayu (1957-1970): Satu Kajian Perbandingan Tema dan*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



*Struktur*, beliau telah membuat perbandingan antara cerpen Melayu dengan Tamil. Beliau menyatakan bahawa walaupun pada peringkat awal, kedua-duanya mengalami pengaruh luaran masing-masing dari Indonesia dan India, namun kedua-dua ini berjaya menonjolkan identiti yang tersendiri dan membentuk satu warisan sejarah yang asli. Selain itu, masyarakat Tamil dan Melayu turut mempunyai hubungan kebudayaan sejak zaman silam dan hal ini dibuktikan dengan adanya pengaruh Hindu yang kuat dalam kesusasteraan Melayu. Namun, hubungan kebudayaan ini menjadi renggang apabila orang-orang Tamil terkurung dalam ladang-ladang akibat polisi kerajaan penjajah. Selain itu, masyarakat India dan Melayu pernah mengalami situasi atau masalah sejagat seperti pergolakan rumah tangga, cinta, kemiskinan dan sebagainya. Pengalaman ini telah digambarkan dalam tema kedua-dua aliran cerpen. Namun demikian, terdapat juga tema-tema yang dikemukakan oleh kedua-dua golongan penulis Melayu dan Tamil yang memperlihatkan pelbagai tema yang merangkumi aspek-aspek tertentu. Justeru, terdapat beberapa tema yang agak sama dipilih oleh cerpenis-cerpenis ini, namun persembahan lebih meneliti kepada cita rasa masyarakat masing-masing. Perkara-perkara istimewa yang berkaitan dengan masyarakat Melayu dan Tamil juga ditonjolkan dalam karya-karya ini. Dalam kajian ini, seramai lima orang cerpenis daripada setiap aliran dikaji dan diteliti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Selain itu, Subramaniam,N. (1978) melalui tesis sarjananya dari Universiti Malaya menjalankan kajian P*enggambaran Masyarakat Malaysia dalam Cerpen-cerpen Tamil Malaysia dan Perkembangan Cerpen Tamil Malaysia Selepas Merdeka*. Beliau menyatakan bahawa persoalan cerpen pada masa itu tertumpu kepada isu sosial semasa berkaitan dengan isu-isu kemasyarakatan yang bersifat positif dan negatif dalam kalangan masyarakat India pada ketika itu. Isu-isu sekolah Tamil, kewarganegaraan, kepercayaan karut dan sebagainya menjadi pokok persoalan ketara yang diperbincangkan. Penyelidikan ini hanya membincangkan isu-isu sosial dalam ruang lingkup yang kecil, iaitu hanya isu-isu sosial yang popular pada ketika itu dibincangkan. Selain itu, kajian beliau juga menjelaskan peranan yang dimainkan oleh akhbar dan majalah tempatan serta Persatuan Penulis tamil Malaysia. Di samping itu, beliau turut menjelaskan bahawa kemerdakaan negara pada tahun 1957 telah membawa perubahan dalam pemilihan tema iaitu tema-tema berkaitan dengan keluarga dan sosial banyak dipaparkan.

Selain kajian tesis Ph.D dan tesis sarjana, pengkaji juga merujuk kepada beberepa jurnal yang berkaitan dengan penyelidikan ini.

Pengkaji merujuk kepada beberapa artikel yang berkaitan dengan penyelidikan ini. Dalam artikel *Trend in Malaysian Short Stories, Karthigesu,R. (1973-1974*) telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



membicarakan tentang cara penyampaian cerpen Tamil di Malaysia. Artikel beliau merupakan suatu lakaran sejarah dan penandaan tarikh-tarikh penulisan cerpen Tamil Malaysia. Selain itu, dalam artikel ini juga beliau menerangkan tema-tema popular yang digunakan oleh cerpenis-cerpenis Tamil Malaysia. Berdasarkan kajian beliau, cerpen-cerpen Tamil Malaysia mempunyai pelbagai tema yang berkaitan dengan isu-isu masalah sosial, namun tidak dibicarakan secara mendalam.

Dhandayutham,R. boleh dianggap sebagai pelopor kajian cerpen Tamil Malaysia. Kajian-kajian beliau lebih tertumpu kepada sejarah permulaan dan perkembangan cerpen Tamil di Malaysia. Dhandayutham,R. juga telah membuatkan kajiannya berjudul *Perkembangan Cerpen Tamil* dalam jurnal Tamil Oli yang diterbitkan oleh Persatuan Bahasa Tamil di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. (The Development of Tamil Short Story in Malaysia: Tamil Oli-vol. 10,1972/1973 ).

## 2.3 Kesimpulan

Dengan ini jelaslah bahawa sarjana-sarjana tempatan lebih bercenderung untuk mengkaji aspek-aspek tema dan persoalan serta sejarah perkembangan cerpen Tamil di Malaysia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



sebaliknya, isu-isu masalah sosial yang terdapat dalam cerpen Tamil yang mencerminkan masyarakat India kurang diberi perhatian. Sejarah sesebuah masyarakat dapat difahami dengan meneliti dan mengkaji masalah-masalah sosial yang membelunggu masyarakat tersebut. Sebenarnya, isu-isu sosial yang meliputi sesuatu masyarakat pada jangka masa yang tertentu mempunyai banyak mesej yang perlu dihayati oleh semua lapisan masyarakat di negara ini.

Kajian-kajian sebelum ini hanya meneliti sumbangan tokoh M.Ramaiah terhadap kesusasteraan Tamil Malaysia. Jika diteliti, setakat ini tiada kajian di peringkat sarjana dibuat terhadap karya cerpen M.Ramaiah. Oleh itu, pengkaji memilih karya cerpennya untuk membuat kajian dengan berfokus kepada masalah-masalah sosial dalam cerpennya. Penyelidikan ini akan dianggap sebagai landasan bagi pengkritik-pengkritik lain dalam menambahkan kritikan lagi dalam memartabatkan dan memajukan bidang kesusasteraan tanah air.

Kajian ini berbeza daripada kajian-kajian lain. Penyelidikan ini berfokus kepada masalah-masalah sosial seperti masalah-masalah dalam kalangan wanita, warga tua, remaja, pendidikan, keruntuhan moral, kebudayaan, kepercayaan, kecintaan terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



kemiskinan, politik dan sebagainya yang terdapat dalam kalangan masyarakat India di Malaysia.

Oleh itu, kajian ini merupakan kajian pelopor dalam bidang ini dan akan menjadi panduan kepada pengkaji-pengkaji tempatan yang ingin berkecimpung dalam bidang penyelidikan kesusasteraan Tamil kelak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 3

# METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 3.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan tatacara penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Dalam hal ini, beberapa perkara akan dijelaskan yang meliputi aspek kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji untuk menganalisis masalah sosial dalam cerpen karya M.Ramaiah. Aspek-aspek yang diberi penekanan dalam kaedah kajian ini ialah reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data serta pendekatan iaitu teori kajian yang digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 3.2 Reka Bentuk Kajian

Untuk memastikan perbincangan yang dilakukan selaras dengan objektif-objektif kajian, kajian ini dibuat dengan menggunakan kaedah kualitatif untuk menganalisis masalah sosial. Menurut Brown dan Dowling (1998), kajian kualitatif menekankan penghasilan makna (*production of meaning*). Kajian ini juga mengambil kira tentang pandangan subjektif seseorang, akibat yang dirancang dan tidak dirancang (*intended & unintended consequences*), keanehan seseorang (*idiosyncrasies*) dan sebagainya.

Kajian kualitatif memberi perhatian kepada penghasilan makna untuk memahami fenomena sosial. Untuk pengutipan data dan penjanaan teori, pengkaji telah menggunakan kaedah interaksi bersemuka dengan subjek kajian dan pendekatan induktif bagi menjana teori. Pada peringkat awal kajian, reka bentuk kajian akan ditentukan. Kajian ini juga menggunakan sampel yang kecil, mengutip data secara berfokus dan mendalam serta membuat analisis secara penghuraian dan interpretasi naratif.

Kajian ini memerlukan kaedah penghuraian data yang berbeza iaitu tidak menggunakan nombor untuk mewakilkan idea-idea tetapi menulis huraian naratif yang panjang yang kemudiannya disimpulkan dan dikelaskan mengikut variasi tertentu. Dalam mengkaji koleksi cerpen M. Ramaiah, pengkaji akan menggunakan kaedah penelitian kualitatif deskriptif.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Seterusnya, kerangka kajian dirangka berdasarkan Teori Sosiologi Sastera seperti yang dipaparkan dalam Rajah 3.1.

### 3.2.1 Kerangka Kajian




*Rajah 3.1.* Kerangka Kajian (Dirangka Berdasarkan Teori Sosiologi Sastera).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Teori ini digunakan landasan untuk analisis tiga objektif kajian. Berikunya, empat kaedah kajian turut digunakan untuk menganalisis subjek kajian yang telah dipilih. Jenis analisis kajian dan cara meneliti dapatan kajian turat mengambil tempat dalam kerangka ini.

## 3.3 Kaedah Kajian

Penyelidikan ini pada dasarnya adalah satu kajian analisis deskriptif. Kaedah ini digunakan untuk memberi gambaran yang menyeluruh mengenai kehidupan sosial masyarakat India di Malaysia. Sehubungan itu, kajian ini telah menggabungkan tiga kaedah secara bersepadu iaitu kaedah analisis teks, kaedah kajian perpustakaan dan kaedah temubual.

### 3.3.1 Kaedah Analisis Teks

Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah analisis teks yang meliputi analisis kandungan. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk mengkupas masalah-masalah sosial yang terpapar dalam cerpen. Oleh kerana kajian ini mengenai teks cerpen yang sudah diterbitkan, maka, kajian ini haruslah dilakukan berdasarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



sumber asal iaitu cerpen karya M.Ramaiah. Oleh itu, pengkaji akan meneliti cerpen-cerpen M.Ramaiah berdasarkan objektif kajiannya.

### 3.3.2 Kaedah Kajian Kepustakaan

Kajian ilmiah biasanya melibatkan dua cara penyelidikan sama ada kajian perpustakaan ataupun kajian lapangan. Oleh kerana kajian ini dibuat berdasarkan teks-teks serta bahan-bahan yang sudah diterbitkan dan yang masih dalam bentuk manuskrip dan untuk memastikan kajian yang dibuat berjalan dengan lancar dan bersistematik, maka kaedah perpustakaan dirasakan amat sesuai digunakan bagi tujuan penyelidikan ini. Antara bahan-bahan yang akan diperolehi adalah seperti buku, bahan ilmiah, tesis, majalah dan bahan-bahan rujukan daripada sumber yang lain. Kajian perpustakaan ini dijalankan untuk membuat rujukan tentang difinisi istilah yang terdapat dalam tajuk yang dikaji dan mencari kajian masa lampau oleh tokoh-tokoh yang berkait rapat dengan tajuk yang dikaji oleh pengkaji.

Sepanjang proses mencari maklumat di perpustakaan ini, beberapa perpustakaan akan dikunjungi oleh pengkaji. Tujuan utama pengkaji adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



mengumpulkan bahan-bahan lama dan baharu yang berguna untuk kajian ilmiah yang akan dijalankan. Kajian ini akan dijalankan di perpustakaan seperti Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Utama di Universiti Malaya, Perpustakaan Za'ba di Universiti Malaya, Perpustakaan Jabatan Pengajian India di Universiti Malaya, Perputakaan di Universiti Putra Malaysia, Perputakaan di Woodlands Singapura, Perpustakaan awam Jurung East Singapura, perpustakaan awam Bukit Panjang Singapura dan Perpustakaan awam Johor Bahru.

Selain itu, pengkaji juga akan turut menggunakan bahan-bahan rujukan sampingan yang terdapat dalam laman-laman web di internet. Pengkaji juga akan menggunakan pelbagai jenis buku dari tahun-tahun penerbitan yang terdahulu hinggalah sekarang. Pengkaji juga tidak terlepas daripada merujuk latihan ilmiah pengkaji-pengkaji yang terdahulu. Rujukan bahan-bahan tersebut banyak membantu pengkaji dari segi ilmu dan sebagai panduan dalam menyiapkan tesis ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 3.3.3 Kaedah Temubual

Kaedah temubual semi struktur digunakan bagi mengutip data daripada subjek kajian secara langsung. Untuk tujuan ini, pengkaji akan menemubual cerpenis M. Ramaiah sebanyak dua kali untuk mengumpul maklumat tentang latar belakang dan sejarah penulisannya. Dalam topik ini, aspek-aspek yang diberi tumpuan ialah latar belakangnya, tahap pendidikan, keluarga, kerjaya, khidmat sosial, penghormatan dan anugerah yang pernah diterima. Selain daripada itu, kaedah temu bual digunakan untuk mengumpul maklumat mengenai tujuan penggunaan sesuatu masalah sosial dalam cerpen M.Ramaiah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 3. 4 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data digunakan bagi tujuan mengumpulkan data manakala kaedah dokumentasi akan digunakan untuk meneliti sebanyak mungkin dokumen dan bahan bacaan bagi mendapatkan maklumat dan gambaran yang jelas serta menyeluruh berkenaan persoalan yang akan dikaji. Kaedah sintesis digunakan bagi tujuan menganalisis data. Melalui kaedah ini, data dan fakta yang diperoleh akan dianalisis berdasarkan tujuan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Berikutnya, penelitian data asal yang dipilih oleh pengkaji dilakukan secara teliti. Penyelidik telah membaca dan meneliti sebanyak 49 cerpen M.Ramaiah. Dalam proses penelitian data, pengkaji telah berusaha untuk mengenal pasti masalah sosial yang dipaparkan dalam setiap cerpen. Melalui proses pembacaan, pengkaji juga berusaha mengenal pasti tema bagi setiap cerpen untuk memastikan objektif pengarang menggunakan isu-isu sosial dalam cerpen-cerpennya.

## 3.5 Teori Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Stanovich (1992) mendefinisikan teori sebagai '... set konsep-konsep yang saling berkaitan dan digunakan untuk menjelaskan sesuatu data serta meramalkan keputusan kajian-kajian akan datang. Kajian ini mengguna pakai teori sosiologi sastera sebagai pendekatan dalam menganalisis cerpen-cerpen yang dikaji. Pemilihan teori sosiologi sastera adalah berdasarkan prinsip-prinsip penting yang mendasari pendekatan ini. Prinsip-prinsip ini difikirkan dapat dimanfaatkan bagi tujuan menganalisis dan seterusnya mencapai objektif kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Pendekatan sosiologi sastera digunakan bagi menganalisis koleksi cerpen yang dipilih dengan bantuan model pencerminan Georg Lukacs dan model Genetik Lucien Goldmann. Dua model teori sosiologi ini yang bersesuaian dengan objektif kajian dan bahan kajian dalam penyelidikan telah dipilih. Penyelidik meneliti cerpen-cerpen M. Ramaiah secara intrinsik yang menggambarkan masalah sosial dengan menggunakan pendekatan sosiologi sastera.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 3.5.1 Kerangka Teori




*Rajah 3.2* : Kerangka Teori
Dirangka berdasarkan Teori Sosiologi Sastera.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Kerangka Teori dapat dibentuk berdasarkan Teori Sosiologi Sastera dengan menggunakan dua jenis model iaitu Model Pencerminan Georg Lukacs dan Model Genetik Lucien Goldmann.

### 3.5.2 Teori Sosiologi Sastera Model Genetik (*Genetic*) Lucien Goldmann

Model Genetik Goldmann menawarkan pendekatan sastera yang menangani sesebuah karya sastera seperti cerpen sebagai satu dokumen masyarakat yang terhasil daripada perasaan, pengalaman dan pandangan alam pengarang yang kesemuanya dipengaruhi oleh cara hidup, fenomena dan kebudayaan masyarakat yang melingkungi pangarang. Dengan ini, memanfaatkan model Genetik Goldmann, kajian ini dijangka dapat menangani cerpen-cerpen yang dikaji sebagai satu dokumen sosial yang sah dan berautoriti bagi meneliti masalah sosial dalam sesuatu masyarakat khususnya masyarakat India.

Model Genetik dibina oleh Lucien Goldmann. Menurut Terry Eagleton (2002:30) penggunaan istilah strukturalisme genetik ini berdasarkan pandangan Golmann yang tidak memikirkan struktur linguistik dalam kesusasteraan tetapi berdasarkan pola

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



gagasan dan konsep. Manakala, genetik pula dianggap menyentuh soal asal-usul, sebab, akibat dan penentuan seperti dalam petikan berikut:

> *Structuralism, because he [Goldmann] is less interested in the contents of the particular world vision than in the structure of categories it displays. Two apparently quite different writers may thus be shown to belong to the same collective mental structure. Genetic, because Goldmann in concerned with how much mental structures are in theoretically produce concerned, that is to say with the relations between a world vision and the historical conditions which give rise to it.*
>
> (Eagleton, 2002: 30)

Model ini berasaskan prinsip yang memperakukan pengaruh masyarakat dan lingkungan seseorang pengarang. Menurut model ini, seorang pengarang dipengaruhi oleh status kelas, ideologi masyarakat, situasi ekonomi dan khalayak yang melingkunginya. Model ini berpendapat bahawa sastera ialah cerminan masyarakat dan bersifat mimetik. Goldmann berpendapat bahawa sesebuah karya itu mempunyai hubungan yang sangat akrab dengan konteks masa dan zaman, dengan sistem pemikiran dan pandangan hidup masyarakat selain mempunyai kaitan dengan sistem pemerintahan dan keadaan politik yang menyebabkan lahirnya karya-karya tersebut. Oleh hal yang demikian, karya sastera hasil nukilan seseorang pengarang dianggap dapat membayangkan citra masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Lanjutan itu, model ini menganalisis karya sastera sebagai satu reaksi peristiwa yang terjadi dalam masyarakat. Peristiwa-peristiwa dalam masyarakat itu, baik yang telah atau yang sedang berlaku, dianggap menggambarkan fenomena-fenomena sosial, budaya, ekonomi, politik dan dalam kehidupan masyarakat lain. Model Goldmann ini menumpukan perhatian terhadap hubungan antara teks sastera dengan realiti melalui struktur yang mengaitkan antara aspek isi dengan bentuk sesebuah teks sastera. Goldmann berpendapat bahawa karya sastera yang bernilai lahir daripada struktur yang bermakna yang dalamnya terjalin kedua-kedua aspek, isi dan bentuk. Melalui struktur teks, (aspek isi dan bentuk) pandangan alam pengarang sebagai wakil golongan masyarakatnya akan terjelma. Karya sastera dapat difahami asal terjadi genetiknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam hal ini, istilah genetik yang dijadikan sebagai nama model ini merujuk kepada asal-usul karya sastera, iaitu pengarang yang mencurahkan perasaan, pengalaman dan pandangannya terhadap kehidupannya dalam karya sastera yang dihasilkannya itu. Segala perasaan, pengalaman dan pandangan pengarang dianggap bertitik mula dan dipengaruhi oleh persekitaran yang melingkungi kehidupan pengarang tersebut. Hal ini termasuklah peristiwa, cara hidup, fenomena dan budaya yang berlaku dalam masyarakat yang melingkungi dirinya. Justeru, pengarang tersebut dianggap tidak bebas daripada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



pengaruh persekitaran dalam membentuk pengalaman, imaginasi, kreativiti dan intelektualnya.

Menurut model ini lagi, berasaskan pengaruh sedemikian, seseorang pengarang kemudiannya memanfaatkan karya sastera sebagai wadah yang merakamkan perasaan, pengalaman dan pandangannya tentang kehidupan berasaskan pengalaman, imaginasi, kreativiti dan daya intelektualnya yang membentukkan kesemuanya itu bermula daripada persekitaran masyarakatnya. Bertunjangkan pemahaman ini, Model Genetik Goldman secara jelasnya memperakukan kedudukan dan autoriti karya sastera sebagai satu dokumen sosial yang mencatatkan realiti sosial rakyat. Dalam konteks kajian ini, Model Genetik Goldmann dianggap bermanfaat bagi mewajarkan pendekatan kajian ini yang memaparkan cerpen-cerpen Tamil sebagai bahan atau dokumen sosial yang sah dan berautoriti untuk merungkaikan masalah kajian ini.

Hal ini berdasarkan prinsip model ini yang mempengaruhi perasaan, pengalaman dan pandangan seseorang tentang kehidupan. Berdasarkan perakuan terhadap pengaruh masyarakat, Model Genetik Goldmann dapat memungkinkan kajian ini dijalankan atascerpen-cerpen Tamil yang dikaji sebagai dokumen yang memanifestasikan perasaan, pengalaman dan pandangan tentang kehidupan para penulis cerpen seperti kejadian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



peristiwa, cara hidup, fenomena serta budaya masyarakat. Paparan masalah sosial masyarakat India dalam cerpen-cerpen karya M. Ramaiah yang dikaji, dapat dijadikan sebagai bahan yang sah daripada pelbagai aspek dan tatacara.

### 3.5.3 Teori Sosiologi Sastera Model Pencerminan George Lukacs

Model Pencerminan Lukacs pula menawarkan pendekatan yang menangani karya sastera seperti cerpen sebagai satu realiti masyarakat yang dibina berasaskan struktur tertentu. Dalam konteks cerpen yang menjadi bahan dalam kajian ini, struktur ini merujuk kepada cerita (*narrative*) dan alat-alat penceritaan (*narrative devices*) yang diakui oleh model ini mampu memaparkan realiti sesebuah masyarakat. Berdasarkan Model Pencerminan Lukacs, kajian ini dapat menjadikan aspek cerita serta pengembangan alat-alat penceritaan seperti watak dan perwatakan, aksi, konflik, plot, latar, gaya bahasa dan sebagainya, sebagai tumpuan dalam analisis-analisis cerpen yang dikaji. Dengan kata lain, pendekatan yang ditawarkan oleh kajian budaya serta perinciannya oleh Model Genetik Goldmann dan Modal pencerminan Lukacs, dijangka dapat menawarkan alat-alat analisis yang mencukupi untuk tujuan menganalisis bahan-bahan kajian dan sekaligus merangkaikan permasalahan yang dibangkitkan pada awal perbincangan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Model Pencerminan dibina oleh seorang pemikir Hungary yang bernama Georg Lukacs (Forgacs 1988: 204). Model Pencerminan juga dikenali sebagai model peniruan. Pada dasarnya, model ini melihat kesusasteraan sebagai lambang masyarakat. Justeru sesebuah karya sastera dianggap mencerminkan realiti sosial di luar karya kesusasteraan itu sendiri. Karya- karya sastera dianggap mengambil fenomena-fenomena sosial yang benar-benar berlaku untuk dijadikan persoalannya. Dalam hal ini, Lukacs melihat kesusasteraan sebagai cermin yang membalikkan objek atau realiti yang berada di hadapan pengarang.

Menurut beliau, kesusasteraan ialah pengetahuan tentang realiti yang kompleks dan saling berkaitan. Kompleksiti realiti ini, walau bagaimanapun dapat difahami apabila bentuk-bentuknya yang terperinci dapat disatukan dan dipaparkan dengan jelas. Untuk memungkinkan realiti tercermin dalam kesusasteraan, realiti dipancarkan melalui karya sastera dengan bentuknya yang eksplisit dan terperinci. Karya yang terbentuk dengan jelas dan tepat tanpa dikias-kias dianggap berupaya menghasilkan bentuk karya kesusasteraan yang mencerminkan bentuk dunia sebenar, sepertimana yang dipetik daripada tulisan Lukacs *The literature of realism, aiming at a truthful reflection of reality, must demonstrate both the concrete and abstract potentialities of human beings in extreme situations of this kind* (Lukacs, 1976:146).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Sehubung itu, "bentuk" mengikut Lukacs menunjukkan isi kandungan yang dimanifestasikan melalui ciri-ciri teknik. Bentuk yang betul menurut Lukacs ialah bentuk yang mencerminkan realiti secara objektif. Pandangan ini adalah berdasarkan tanggapan bahawa kesusasteraan bukan bersifat *autonomous* kerana kesusasteraan tidak terpisah daripada masyarakat. "Bentuk" bagi Lukacs ialah isi sesuatu karya kesusasteraan iaitu apabila "bentuk" mengambil satu konfigurasi atau bentuk yang bermakna. Menurut Lukacs lagi, "bentuk" yang betul itu adalah jelas dan realistik, mencerminkan realiti secara paling objektif.

Model Pencerminan Lukacs ini dengan jelas menggariskan kepentingan sesebuah karya sastera untuk memaparkan realiti kehidupan dalam masyarakat secara jelas dan terperinci. Menurut Lukacs, realiti masyarakat dapat dijelmakan dengan jayanya dalam sesebuah karya sastera melalui manipulasi bentuk (*form)* yang sesuai dan tepat (*precise).*Merujuk kepada cerpen, iaitu genre yang menjadi bahan penelitian kajian ini, dapat dikatakan bahawa pemaparan realiti masyarakat menurut model ini menuntut sesebuah cerpen untuk memanipulasi aspek bentuknya dengan sebaik-baiknya.

Aspek bentuk sesebuah cerpen di sini merujuk kepada struktur asas cerpen iaitu cerita (*narrative*). Struktur cerita ialah alat penceritaan *(narrative devices*) seperti watak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



dan perwatakan, aksi, plot, gaya bahasa, latar dan konflik yang kesemuanya menyumbang kepada pembinaan sesebuah cerita. Dengan kata lain, dalam konteks genre cerpen yang menjadi bahan analisis dalam kajian ini, bentuk karya sastera yang dimaksudkan oleh Lukacs ini merujuk kepada alat-alat penceritaan. Alat-alat penceritaan ini digabung sepenuhnya oleh seseorang pengarang dalam usahanya untuk memaparkan realiti masyarakat yang melingkunginya.

Berdasarkan penekanan dalam Model Pencerminan Lukacs ini, analisis terhadap cerpen-cerpen yang dikaji nanti akan memberikan tumpuan terhadap penggembangan aspek bentuk termasuk alat-alat penceritaan seperti watak dan perwatakan, aksi konflik, plot, gaya bahasa, latar dan konflik. Hubungan akrab ini dimungkinkan oleh kedudukan pengarang sebagai pihak yang terlibat (*participant*) yang terlibat secara langsung dalam kebudayaan masyarakat yang melingkunginya. Berdasarkan kedudukannya ini, seseorang pengarang dapat merakamkan dengan sebaik-baiknya kebudayaan masyarakat, melalui perjalanan, kreativiti, daya intelektual serta imaginasinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 3.6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pendekatan kajian sosiologi yang diguna pakai dalam kajian ini mengiktiraf karya-karya sastera seperti cerpen sebagai satu dokumen kebudayaan yang sah dan berautoriti. Model Genetik Goldmann memperkukuhkan lagi pendekatan kajian sosiologi yang mendedahkan pengalaman dan pandangan alam pengarang melalui kejadian, cara hidup, fenomena dan kebudayaan serta masyarakat yang melingkunginya yakni pengarang itu sendiri. Model Pencerminan Lukacs pula melengkapkan pendekatan kajian ini melalui pendekatan yang sesuai dengan karya sastera seperti cerpen sebagai satu realiti masyarakat yang dibina berasaskan struktur tertentu. Oleh itu, pengkaji mengenal pasti bahawa kedua-dua model yang digunakan untuk menganalisis masalah sosial dalam cerpen-cerpen karya M. Ramaiah adalah amat sesuai dan bertepatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 4

# DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 4.1 Pengenalan

Bab ini dianggap sebagai isi utama kajian ini. Selain itu, pengkaji membentangkan hasil kajian yang telah dianalisis. Dalam bab dapatan kajian ini, data yang diperoleh melalui sumber premier terlebih dahulu dikumpul dan kemudian dianalisis. Maklumat daripada sumber sekunder turut membantu kajian ini. Masalah sosial yang dipaparkan dalam karya cerpen M. Ramaiah telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



dianalisis dan dikategorikan kepada lima jenis masalah sosial. Seterusnya, pengkaji menganalisis tujuan penggunaan masalah sosial dalam cerpen karya M.Ramaiah. Akhirnya, pengkaji turut menilai kesesuaian masalah-masalah sosial yang dibincangkan dalam cerpen-cerpen M.Ramaiah dengan cara kehidupan moden masyarakat India di Malaysia. Masalah sosial dalam cerpen-cerpen M.Ramaiah dikaji berdasarkan panduan dua jenis model teori sosiologi iaitu Model Pencerminan Georg Lukacs dan Model Genetik Lucien Goldmann.

## 4.2 Masalah Sosial Dalam Cerpen M. Ramaiah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Media massa kini sering memaparkan dengan berita tentang masalah-masalah sosial seperti gangsterisme, merokok, vandalisme, maksiat dan banyak lagi yang mungkin akan merosakkan masa depan genarasi muda. Masalah sosial ini perlu dibendung untuk kepentingan masa depan masyarakat. Oleh itu, nilai-nilai murni perlu ada pada diri setiap anggota masyarakat supaya masalah-masalah sosial ini dapat dikurangkan ke tahap yang minimum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Masalah sosial yang dikenal pasti dari cerpen M.Ramaiah dibahagikan kepada lima kategori iaitu berkaitan dengan sosial, ekonomi, budaya, pendidikan dan politik. Masalah-masalah sosial yang dipilih itu telah disenaraikan dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1
*Senarai Masalah Sosial Dalam Cerpen*


| Bil | Masalah sosial | Judul cerpen | Kumpulan cerpen | Muka surat |
|---|---|---|---|---|
| 01. | Penderaan | *Vairakkiyam* | TMP | 186-194 |
| | | *Avar varamattar* | AOT | 1-5 |
| | | *Vairakkal* | TMP | 117-125 |
| | | *Umm....* | PP | 24-28 |
| 02. | Gangguan seksual | *Purai* | AOT | 20-28 |
| | | *Manimekalai* | TMP | 150-156 |
| | | *Nhalla manacu* | TMP | 104-109 |
| 03. | Tanggapan negatif masyarakat | *Avalum oru taytan* | AOT | 29-39 |
| | | *Pattarai* | TMP | 222-232 |
| | | *Nhermai* | PP | 103-110 |
| 04. | Penipuan | *Tataik karkal* | PP | 9-16 |
| | | *Tirutti elitiya tirppu* | TMP | 75-87 |
| 05. | Cinta sehala | *Palam nluvi...* | AOT | 62-68 |
| | | *Etir vitu* | AOT | 77-83 |
| 06. | kecurangan dalam hubungan | Citai | PP | 38-60 |
| | | *Maiththuni* | PP | 68-75 |
| 07. | Lari dari rumah | *Cumaitanki* | PP | 68-75 |
| 08. | Pelacuran | *Campattiyam* | TMP | 34-44 |
| 09. | Pertukaran agama | *Ticai mariya paravaikal* | TMP | 201-210 |
| 10. | Pengabaian tanggungjawab | *Ilappu* | TMP | 169-178 |
| 11. | Tidak menjaga ibu bapa | *Kani nilam ventum* | AOT | 12-19 |
| 12. | Dowry (mas khawin) | *Tunintu vittal* | TMP | 110-116 |
| 13. | Orang kurang upaya | *Parivum pacamum* | PP | 9-16 |
| 14. | Pendapatan rendah (isi rumah) | *Pattu velli* | TMP | 195-200 |
| | | *Aniver* | AOT | 40-49 |
| 15. | Perbezaan ikuiti antara kaum | *Atutta muraiparkkalam* | TMP | 126-132 |
| 16. | Bekerja sendiri | *Vali* | AOT | 69-76 |
| | | *Patai tavariya payanankal* | TMP | 45-54 |
| 17. | Rasuah | *Pantayam* | TMP | 55-66 |
| | | *Ankikaram* | TMP | 211-221 |
| 18. | Kehilangan pekerjaan | *Mulattanam* | TMP | 179-185 |
| 19. | Cara berpakaian | *Ponna latcanama* | TMP | 133-141 |
| 20. | Kasta | *Camutaya irul* | TMP | 160-168 |
| 21. | Anti adat resam | *Campiratayam* | TMP | 34-44 |
| 22. | Tiada kesedaran terhadap pelajaran | *Palavinam* | PP | 30-33 |
| | | *Muttalaku* | PP | 76-83 |
| 23. | Pengaruh filem (cinema) | *Puriyata cenmankal* | TMP | 142-149 |
| 24. | Janji kosong pemimpin politik | *Karaiyum acaikal* | PP | 94-102 |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Peratus pembahagian masalah-masalah ini dipaparkan dalam Rajah 4.1 mengikut 5 kategori iaitu sosial, ekonomi, budaya, pendidikan dan politik.




*Rajah 4.1.* Pengagihan masalah sosial dalam peratus

Jika direnung Carta 4.1, didapati bahawa masalah yang berkaitan dengan sosial mencatat tahap yang dominan iaitu 54%, diikuti oleh masalah ekonomi sebanyak 21%, masalah budaya 13%, masalah pendidikan 8% dan masalah politik sebanyak 4% sahaja. Kajian menunjukkan bahawa masalah sosial mencecah jumlah peratus yang paling tinggi berbanding dengan masalah-masalah lain. Dengan ini jelaslah bahawa cerpenis M.Ramaiah lebih selesa membincangkan masalah tersebut dalam karya cerpennya kerana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



masalah jenis ini masih menjadi penghalang dalam kemajuan masyarakat India di Malaysia.

## 4.3 Masalah Berkaitan Dengan Sosial


Secara umunya, masalah sosial merangkumi pelbagai perlakuan negatif anggota masyarakat yang tidak membawa sebarang sokongan dan manfaat kepada kekuatan sistem dan struktur sosioekonomi yang diamalkan dalam sesuatu masyarakat dan negara. Lebih jelas lagi, keadaan inilah pencetus pelbagai jenis masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat dalam kehidupan harian mereka. Masalah berkaitan dengan sosial akan mengalami perubahan mengikut peredaran zaman (Ronal,Smith & Adrea Fontana, 1981:12).

Selepas dikaji, tiga belas jenis masalah dikenal pasti yang melibatkan aspek sosial ialah masalah penderaan, gangguan seksual, tanggapan negatif masyarakat, penipuan, cinta sehala, kecurangan, lari dari rumah, pelacuran, pertukaran agama, pengabaian tanggungjawab, tidak menjaga ibu bapa, *dowry* (mas kahwin) dan masalah orang kurang upaya. seterusnya, 13 jenis masalah berkaitan dengan sosial dipaparkan dalam Rajah 4.2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi






*Rajah 4.2*. Masalah berkaitan dengan sosial

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 4.3.1 Masalah Penderaan

Penderaan merupakan masalah sosial yang agak ketara. Masalah ini dianggap sebagai salah satu masalah sosial yang agak serius. Manusia merupakan ciptaan Tuhan yang mempunyai perasaan yang tinggi dan paling halus. Penderaan secara fizikal dan mental mewujudkan pelbagai masalah sosial. Orang yang menganggap dirinya kuat akan mendera insan yang lemah (Thayalasankar, 2004: 9). Penderaan ibu mentua, bapa mentua dan anak angkat dipaparkan dengan jelas dalam karya-karya cerpen M. Ramaiah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



#### 4.3.1.1 Masalah Penderaan Mentua

'Rumah bukanlah lagi satu tempat yang selamat' (Jal Zabdi Mohd Yusoff, 2004:26). Ungkapan ini diperkukuhkan lagi dengan berlakunya keganasan terhadap warga tua yang pada lazimnya merupakan ibu atau bapa, ibu atau bapa mentua kepada pendera. Penderaan warga tua dikenali sebagai *granny-bashing* (Burston GR, 1975:3). Terdapat kes-kes yang dilaporkan tentang warga tua yang diabaikan atau dicederakan sehingga ada yang meninggal dunia (Kayoko Akaze, 2003: 70). *National Center on Elder Abuse* di Amerika Syarikat telah memberi definisi yang luas kepada penderaan warga tua yang mana terdapat 7 kategori iaitu penderaan fizikal, mental, seksual, eksploitasi kewangan, pengabaian, peninggalan langsung (*abandonment*) dan pengabaian (NCEA, 2009).

Cerpen yang berjudul *Vairakkiyam* (Ketabahan) mengisahkan kekejaman anak menantu perempuan yang mendera ibu mentuanya. Watak Thanamma merupakan ibu tunggal dan membesarkan anaknya, Manivelan sehingga berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti. Manivelan berkahwin dengan Vetha lalu tinggal di bandar. Thanamma yang suka akan persekitaran estet tetap tinggal di situ walaupun banyak kali dipujuk oleh anaknya supaya tinggal bersama-sama mereka. Thanamma telah ke rumah Manivelan semasa Vetha melahirkan anaknya pertama. Thanamma menjaga cucunya. Perkara ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



tidak disukai oleh Vetha kerana Thanamma berasal dari estet. Vetha sengaja mencari kesalahan pada setiap perlakuan Thanamma. Dia mengkasari Thanamma dengan mengatakan bahawa,

> "Emak mandikan anak saya dengan cara lama seperti di estet. Kami memandikannya dan juga membesarkannya mengikut cara moden. Jika, emak tak faham cara kami janganlah masuk campur', kata Vetha kepada ibu mertuanya". (M.Ramaiah, 1998:189)

Vetha tidak membenarkan Thanamma menyentuh anaknya. Dia juga memperkenalkan Thanamma sebagai orang gajinya kepada sahabat handainya. Thanamma yang tersinggung perasaan meninggalkan rumah Manivelan lalu pulang ke estetnya.

Masalah sosial yang agak sama dibincangkan dalam cerpen *Avar Varamattar* (Dia Tidak akan Kembali). Dalam cerpen ini, bapa mentua pula menjadi mangsa penderaan. Watak Kuppusamy ialah seorang pesara. Isterinya sudah meninggal dunia. Dia tinggal bersama-sama anak lelakinya, Amuthan. Isteri Amuthan, Maatavi sentiasa menyakitkan perasaan Kuppusamy. Dia melarang suaminya melayan bapa mentuanya itu. Pada suatu hari, Kuppusamy telah ke bank untuk mengeluarkan wang pencennya lalu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



mendermakan RM10 kepada seorang pengemis yang cacat dan membelanjakan RM40 bersama-sama kawannya. Oleh sebab dia membelanjakan wang pencennya sebanyak RM50 daripada wang RM250 yang diperolehnya, anak menantunya berasa sangat marah lalu menghalaunya dari rumah dengan mengeluarkan kata-kata kesat.

> " Dengan wang pencen inilah kami menjaga makan minum bapa. Berani bapa membelanjakan wang pencen bapa. Cepat ambil kain baju lalu beredar dari sini. Di rumah ini tidak ada tempat untuk bapa lagi." (M.Ramaiah, 2001: 4)

Amuthan tidak mengetahui perkara ini. Selepas beberapa minggu kemudian, gambar Kuppusamy disiarkan dalam surat khabar. Menurut berita itu, dia telah meninggal dunia lalu pihak hospital telah mengebumikannya kerana tiada maklumat tentang sanak-saudaranya. Maatavi telah terbaca berita kematian bapa mentuanya tetapi dia menyembunyikan daripada pengetahuan suaminya.

Cerpenis M.Ramaiah juga mempunyai tujuannya tersendiri untuk memilih dan memaparkan masalah penderaan jenis ini dalam karyanya. Beliau ingin memaparkan masalah yang tidak banyak diheboh-hebohkan kepada orang ramai. Sebenarnya, M.Ramaiah melalui cerpennya berpesan kepada warga tua supaya membuat perancangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



awal bagi menghadapi zaman tua mereka. Sekiranya gagal membuat berbuat demikian, mereka akan mengalami nasib malang yang menimpa watak Kuppusamy dan Thanamma.

Kes penderaan atau pengabaian warga tua jarang dilaporkan kerana kurangnya kesedaran tentang berlakunya kejadian penderaan atau pengabaian warga tua di kalangan masyarakat dan juga penderaan atau pengabaian warga tua dianggap sebagai hal kekeluargaan serta ketiadaan instrumen-instrumen yang sesuai untuk mengukur kejadian penderaan atau pengabaian warga tua (Burston GR, 1975:31).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masyarakat India turut mementingkan kesejateraan dan nama baik keluarga sehinggalah jenis penderaan seumpama ini jarang dilaporkan. Mereka juga menganggap peselisihan faham antara mentua dengan anak menantu adalah sesuatu hal remeh seperti peribahasa Tamil *Vittukku vitu vacappati* yang bermaksud setiap rumah mempunyai masalah masing-masingnya. Cerpen *Avar Varamattar* (Dia Tidak akan Kembali) juga diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia dengan tujuan memyampaikan seruannya kepada pembaca berbilang kaum. (M.Ramaiah, 2013:94-98)

Pengarang M.Ramaiah menyalurkan perasan, pandangan dan pengalamannya sebagai warga emas dalam cerpen-cerpen tersebut seperti yang diterangkan oleh Lucien

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Goldmann dalam Model Genetik iaitu pengarang akan mencurahkan pengalaman, perasaan dan pandangan terhadap kehidupannya dalam karya sastera yang dihasilkannya. Oleh itu, pengalaman hidupnya yang menyebabkan M.Ramaiah memandang masalah jenis penderaan ini agak serius. Beliau berharap agar genarasi muda menyedari tanggungjawab mereka terhadap warga tua yang bertungkus lumus membesarkan mereka. M.Ramaiah melalui cerpennya berpesan kapada anak menantu supaya menghormati pengorbanan mentua untuk membesarkan pasangan mereka seperti yang dilakukan oleh ibu bapa mereke sendiri.

Jika diteliti, kejadian penderaan warga tua masih berlaku dalam masyarakat India. Baru-baru ini, Menteri Besar negeri Johor Datuk Seri Mohamad Hasan berasa kesal kerana jumlah warga emas yang dihantar ke rumah orang tua semakin meningkat berikutan hilangnya rasa kasih sayang anak-anak terhadap ibu bapa mereka. Menurut beliau perkara yang lebih menyedihkan ialah warga emas itu dibiarkan tinggal bersendirian di rumah masing-masing tanpa pengawasan dan penjagaan daripada anak-anak mereka (Utusan Malaysia, 30Jan2012:5). Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat, berdasarkan bilangan kemasukan warga emas ke sembilan buah Rumah Seri Kenangan bilangan warga tua yang ditinggalkan oleh keluarga mereka meningkat sebanyak 1% setiap tahun, antara tahun 2008 hingga 2011(Utusan Malaysia, 30Jan2012:7).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Berdasarkan maklumat tersebut dapat menyimpulkan bahawa manusia kini adakah bersifat liar kerana mendera spesiesnya sendiri tanpa hati perut. Warga emas ialah harta pusaka yang dianugerahkan oleh Tuhan Maha Kuasa. Namun, tindakan membiarkan orang tua tanpa dijaga banyak berlaku dalam kalangan masyarakat India, khususnya golongan berada seperti yang dibincangkan oleh M.Ramaiah dalam dua buah cerpennya (Stuart,C.1973:21). Perlakuan yang tidak perikemanusiaan ini selalunya dilakukan oleh individu yang mempunyai pertalian yang rapat dengan warga emas. Oleh itu, masalah yang dibicangkan dalam dua buah cerpen amatlah sesuai dengan era moden kini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

#### 4.3.1.2 Masalah Penderaan Kanak-Kanak

Coleman dan Cressey (1993), mengkategorikan penderaan anak-anak sebagai kes keganasan rumah tangga. Penderaan ini berlaku akibat gangguan emosi yang dialami oleh ibu bapa akibat tekanan emosi(*stress).* Biasanya, orang yang menjadi mangsa ialah anak sendiri, adik, kakak, abang, saudara mara dan anak angkat tinggal bersama dengan keluarga tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Penulis M.Ramaiah dapat memaparkan masalah penderaan kanak-kanak dalam Cerpen *Vatikal* (Tempat disanjungi) yang mengisahkan kekejaman seorang wanita terhadap anak angkatnya. Watak Booma merupakan anak angkat kepada pasangan Mathubala dan Thangadurai. Booma terpaksa membuat segala kerja rumah setiap hari. Bapanya Thangadurai sangat sayang akan anak angkatnya. Perkara ini tidak disukai oleh Mathubala. Dia sentiasa mendera anaknya secara fizikal dan mental. Dia memukul Booma dengan menggunakan bakul raga apabila Booma balik lambat dari pasar. Dahi Booma tercedera dan darah mengalir keluar. Mathubala tidak mempedulikannya lalu mengherdiknya,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "Awak seorang anak yang berdosa dan membawa malang dalam keluarga ini. Saya tak suka darah orang yang berdosa menitis di dalam rumah ini. Keluar dari rumah saya." (M.Ramaiah, 1998: 122)

Mathubala merekakan cerita bahawa anak angkatnya seorang yang pemalas. Dia sentiasa menjatuhkan air mukanya di hadapan tetamu.

Keharmonian berkeluarga dipupuk melalui hubungan baik antara semua ahli keluarga. Oleh itu, institusi keluarga ialah institusi yang terpenting dalam proses pembentukan individu yang sihat rohani, jasmani, berilmu dan bermoral. Ramai anggota

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



masyarakat tidak menggangap anak angkat sebagai anak kandung sendiri. Watak Mathubala mengambil anak angkat untuk menyembunyikan sifat kemandulannya. Dia tidak mempunyai perasaan kasih sayang terhadap anak angkatnya itu kerana motifnya adalah hanya memiliki anak itu untuk menyembunyikan hal ketidakupayaannya. Apabila Booma mengetahui hal tentang ibu kandungnya, dia terus mengikutinya. Mathubala kesal akan perbuatannya itu tetapi sudah terlambat.

Melalui cerpen *Vatikal* (Tempat Disanjungi), cerpenis M.Ramaiah menasihati ibu bapa yang merelakan anak kandung dijadikan anak angkat oleh orang lain kerana kemiskinan keluarga haruslah berwaspada. Mereka harus merancang keluarga supaya mampu membesarkan anak sendiri bagi mengelakkan penderaan seumpama ini daripada terus berlaku. Beliau juga ingin memberi kesedaran kepada pasangan yang ingin mengambil anak angkat supaya berperasaan kasih sayang dan prihatin terhadap anak angkatnya. Mereka bertanggungjawab membesarkan anak angkat dengan penuh kasih sayang seperti anak kandungnya sendiri bukanlah mendera tanpa belas kesihan. Sebenarnya, Jadual 4.2 menunjukan kejadian kes penderaan kanak-kanak yang dilakukan oleh ibu dan bapa angkat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Jadual 4.2

*Penderaan Kanak-Kanak yang Dilakukan oleh Ibu dan Bapa Angkat dari Tahun 2012 hingga 2014*

| Pendera | Tahun | | |
|---|---|---|---|
| | 2012 | 2013 | 2014 |
| Ibu angkat | 39 | 44 | 11 |
| Bapa angkat | 35 | 35 | 10 |

Sumber: Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat 2014.

Jika diteliti, cerpenis M.Ramaiah berjaya mereaksikan masalah penderaan anak angkat yang berlaku dalam kalangan masyarakat India melalui cerpennya yang berjudul *Vat:ika:l* (Tempat Disanjungi) seperti yang diterangkan dalam Model Genetik Goldmann iaitu karya sastera sebagai satu reaksi peristiwa yang terjadi dalam masyarakat.

Walaupun penderaan jenis ini semakin berkurangan, namun masih terdapat segelintir manusia yang tidak perasaan belas kesihan terhadap kanak-kanak dan sanggup melakukan perbuatan kejam ini. Laporan daripada *My Health,* Kementerian Kesihatan Malaysia pula mengesahkan bahawa sekurang-kurangnya 2000 kanak-kanak di Malaysia dilaporkan menjadi mangsa penderaan setiap tahun (Laporan Tahunan Kementerian Kesihatan Malaysia, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Selain itu, pada 11 Ogos 2013 pula, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim telah memaklumkan statistik laporan yang dikumpulkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berkenaan kes penderaan kanak-kanak di negara ini yang menunjukkan peningkatan, iaitu sejumlah 3,831 orang menjadi mangsa pada tahun 2012. Jumlah ini merupakan pertambahan sebanyak 403 orang berbanding dengan tahun sebelumnya. Manakala bagi tempoh Januari hingga Mac 2014 ini pula, terdapat 1,023 orang kanak-kanak dilaporkan menjadi mangsa penderaan (Laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2013).

Seterusnya, bilangan kes penderaan kanak-kanak mengikut etnik yang dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dari tahan 2001 hingga 2008, Jadual 4.3 turut menunjukkan peningkatan kes penderaan kanak-kanak.

Jadual 4.3

*Penderaan Kanak-kanak Mengikut Etnik di Malaysia dari Tahun 2001 hingga 2008*

| **Tahun/ Etnik** | **2001** | **2002** | **2003** | **2004** | **2005** | **2006** | **2007** | **2008** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Melayu | 622 | 803 | 887 | 1,045 | 1,116 | 1,378 | 1,606 | 1,962 |
| India | 194 | 226 | 186 | 257 | 263 | 248 | 318 | 441 |
| Cina | 151 | 161 | 188 | 224 | 245 | 219 | 248 | 299 |
| Lain-lain | 69 | 52 | 129 | 130 | 171 | 154 | 107 | 66 |
| **Jumlah** | **1,036** | **1,242** | **1,390** | **1,656** | **1,800** | **1,999** | **2,279** | **2,780** |

Sumber : Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2009.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Maklumat dan data ini merupakan bukti yang kukuh bagi menunjukkan bahawa masalah penderaan kanak-kanak masih berleluasa dalam kalangan masyarakat termasuk masyarakat India. Etnik India merupakan etnik kedua terbesar yang terlibat dalam penderaan kanak-kanak.

Selain itu, undang-undang seksyen 31AKK melibatkan kesalahan penganiayaan, pengabaian, pembuangan atau pendedahan kanak-kanak. Hukuman denda yang tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali dibawah undang-undang Malaysia Akta 61 membuktikan bahawa masalah ini masih ketara dan perlu dibendung (Akta kanak-kanak, 2001).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perlakuan penderaan yang dilakukan oleh manusia yang berkuasa atas manusia yang lemah bukankah suatu perkara yang baru. Fonemena ini berlaku sejak zaman prasejarah hinggalah kini. Peribahasa Tamil *Valiyavan eliyavanai velvan* yang bermaksud orang yang berkuasa akan memenangi orang yang lemah turut membuktikan kenyataan ini. Walaupun semua agama menentang sebarang bentuk penderaan bukan sahaja atas manusia malah apa-apa jua sebarang hidupan dunia yang lain namun perbuatan ini masih berterusan secara berleluasa justeru masalah penderaan kanak-kanak yang dipaparkan dalam cerpen-cerpen M.Ramaiah memang sesuai dengan keadaan semasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 4.3.2 Masalah Gangguan Seksual

Farley,L (1978) menganggap gangguan seksual sebagai tingkah laku lelaki yang tidak diundang. Gangguan seumpama ini termasuklah perlakuan merenung, memberi komen atau menyentuh badan, meminta kerelaan untuk hubungan seks, mencadangkan temu janji secara berulang kali, mendesak untuk mengadakan hubungan seks dan perbuatan merogol.

Pertubuhan *Alliance Against Sexual Coercion* yang menentang gangguan seksual di tempat kerja mendefinisikan gangguan seksual sebagai apa-apa amalan yang berorientasikan seksual dan membahayakan kerjaya wanita. Panduan amalan untuk mencegah dan membasmi gangguan seksual di tempat kerja (1997) yang dihasilkan oleh Kementerian Sumber Manusia mentakrifkan gangguan seksual sebagai sebarang tingkah laku berbentuk sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal yang mendatangkan gangguan terhadap fizikal, emosi dan sosial seseorang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



#### 4.3.2.1 Gangguan Seksual Ugutan (*Sexual Coercion*)

Wanita melalui pelbagai peringkat umur dalam kehidupannya. Setiap peringkat umurnya mempunyai tanggungjawab yang istimewa. Oleh itu, wanita terpaksa menghadapi berbagai-bagai cabaran untuk menunaikan tanggungjawabnya sebagai anak, kakak, adik, isteri, balu, ibu, nenek, pekerja dan sebagainya.

Cerpen yang berjudul *Umm....* (bunyi mengeluh) mengisahkan kemelut hidup seorang wanita muda yang bernama Kanagam yang kehilangan suaminya dalam suatu kemalangan. Dia terpaksa melakukan pengorbanan untuk membesarkan anak lelakinya. Kanagam sering diganggu oleh Sangaran Pillai yang merupakan pembantu pegawai perubatan di ladang tersebut. Maruahnya sentiasa dicabar. Semasa anaknya sakit tenat, Kanagam memohon pertolongan Sangaran Pillai untuk menyembuhkan anaknya. Sangaran Pillai yang memang menunggu peluang keemasan tersebut berkata,

> "Saya ini sentiasa bersedia tapi bagaimana pula dengan awak....?" (M.Ramaiah, 1964: 28)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Kanagam faham akan maksud pertanyaan itu. Demi menyelamatkan nyawa anaknya, dia sanggup mengorbankan maruah dirinya. Namun, pengorbanannya sia-sia sahaja apabila anaknya meninggal dunia sebelum menerima rawatan.

Tujuan M.Ramaiah memaparkan masalah tersebut melalui cerpen yang berjudul *Umm....* (bunyi mengeluh) adalah untuk menasihati golongan wanita supaya tidak mudah tunduk kepada kaum lelaki yang sentiasa mengambil kesempatan atas kelemahan wanita. Wanita harus menyedari bahawa lelaki yang menghulurkan bantuan adalah tidak ikhlas dan mempunyai niat tertentu sebaliknya hanya ingin memuaskan hawa nafsu mereka semata-mata.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cerpenis juga menyeru kepada kaum lelaki agar menyedari kesengsaraan dan pengorbanan kaum wanita kerana tanpa mereka tiada kehidupan di dunia. Wanita sentiasa ditindas oleh orang yang mempunyai kedudukan dari segi kewangan, pangkat dan sebagainya. Mereka juga harus menghormati kesucian hati wanita yang sanggup mengorbankan apa-apa jua bagi menyelamatkan keluarga. Bahkan ada ungkapan yang menyatakan bahawa hati ibu bagaikan tempat ibadat Tuhan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Menurut M.Ramaiah, sebenarnya beliau berhasrat memilih masalah sosial tersebut untuk digarap dalam cerpennya apabila berpeluang membaca cerpen *Ponnakaram* yang dikarya oleh Putumai Pitthan pada tahun 1934. Beliau menyedari bahawa masalah demikian patut dipaparkan kerana pada zaman 1960-an masalah gangguan seksual jenis ini ketara dalam kalangan masyarakat ladang (Menemubual M.Ramaiah, 10 Jan 2014).

Masalah sosial seumpama ini yang dibincangkan dalam cerpen ini dapat diterangkan berdasarkan model Genetik Lucian Golmann iaitu karya sastera sebagai satu reaksi peristiwa yang terjadi dalam masyarakat. Oleh itu, M.Ramaiah ialah seorang cerpenis yang mahir memaparkan peristiwa yang berlaku sekelilingnya melalui karya cerpennya.

Seterusnya, kesesuaian masalah ini pula dikaji berdasarkan zaman moden sekarang. Cerpen *Umm.*. (bunyi mengeluh) ini dihasilkan pada tahun 1964, iaitu sebahagian besar masyarakat India masih menetap di ladang-ladang getah. Pada masa itu, masalah sosial seperti ini sering berlaku di ladang-ladang getah. Segelintir pembantu jururawat lelaki memperkenalkan dirinya sebagai doktor lalu melakukan gangguan seksual terhadap kaum wanita ladang bersikap harapkan pagar, pagar makan padi. Ramai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



penulis tempatan zaman tersebut juga turut membincangkan masalah ini dalam karya ciptaan mereka (N.Sagar, 2009: 39).

N.Sagar, (2009) juga membincangkan masalah ini dalam tesis kedoktorannya. Menurut beliau, kira-kira 32 buah novel Tamil yang dihasilkan dalam tempoh masa antara tahun 1957 hingga1987, iaitu di negara kita mendukung tema yang memaparkan masalah gangguan seksual. Sekitar tahun 1960-an, 70-an dan 80-an, masalah gangguan seksual yang dilakukan oleh pihak pentadbir ladang terhadap pekerja-pekerja ladang, khususnya wanita muda menjadi tema hangat dibincangkan dalam novel-novel Tamil (N.Sagar, 2009: 51).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun masalah ini agak ketara pada zaman itu namun, pada masa sekarang masalah ini dianggap sebagai kurang serius. Hal iniaalah sedemikian kerana pada zaman moden ini di negara kita telah disediakan dengan kemudahan perubatan percuma di klinik dan di hospital kerajaan. Selain itu, pelbagai bantuan kerajaan seperti 1Malaysia dan klinik 1Malaysia (1Msia) iaitu klinik komuniti mula beroperasi sejak tahun 2010. Klinik 1Malaysia juga menawarkan kemudahan rawatan yang hampir percuma kepada semua rakyat Malaysia. Klinik ini beroperasi tujuh hari seminggu dari 10.00 pagi hingga 10.00 malam termasuk hari cuti awam. Empat puluh lapan buah klinik 1Malaysia telah dibina

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



berhampiran dengan kawasan perumahan untuk meningkatkan kualiti penjagaan kesihatan rakyat Malaysia (Portal Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia).

Oleh itu, pekerja-pekerja ladang sekarang tidak perlu bergantung pada pihak perubatan ladang seperti zaman dahulu. Mereka mempunyai banyak pilihan lain untuk mendapatkan rawatan. Selain itu, kerajaan memandang berat tindakan pegawai perubatan yang melakukan kesalahan gangguan seksual. Pegawai perubatan yang melakukan kesalahan gangguan seksual di tempat bertugasnya akan dikenakan hukuman berat di bawah peruntukan 4(2)(d), peraturan-peraturan pegawai awam (kelakuan dan tatatertib 1993). Jika didapati pegawai berkenaan bersalah, perkhidmatannya boleh ditamatkan atau diturunkan pangkatnya. (Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, 2009)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

#### 4.3.2.2 Gangguan Seksual Tempat Kerja

Menurut Abd Rahim Abd Rashid (1998), gangguan seksual, ialah perlakuan lucah yang tidak direlakan oleh mangsa. Gangguan seksual ialah suatu keadaan yang tidak boleh diterima, baik secara lisan, fizikal atau isyarat seksual, pernyataan yang bersifat menghina secara tegas atau keterangan secara seksual bersifat diskriminasi dibuat oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



seseorang yang mengganggu pekerja lain, menyebabkan pekerja tersebut berasa terancam, dihina, dipermalukan, diperbodohkan, dicabuli maruah atau melemahkan situasi suasana kerjanya atau memberi ancaman atau intimidasi di persekitaran tempat bekerja. Gangguan seksual memberi kesan secara langsung terhadap suasana pekerjaan seseorang.

Cerpen yang berjudul *Purai* (Pendustaan) mengisahkan isu gangguan seksual yang agak berbeza. Watak Devi tidak dapat melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah kerana masalah pengangkutan. Oleh itu, keluarga Devi terpaksa berpindah ke bandar. Di bandar, keluarganya menghadapi krisis kewangan. Ibunya Malliga menyuruh anaknya bekerja atas galakan jiran tetangganya Sinthamani. Devi bekerja sebagai pembantu rumah Tauke Tam Kor. Dia menghadapi gangguan seksual daripada majikannya. Dia mengadu tentang perkara terkutuk ini kepada Sinthamani namun dia pula menasihatnya,

> "Devi, fikirkan tentang situasi keluarga awak. Awak nak hapuskan kegembiraan keluarga awakkah?"
> (M.Ramaiah, 2002: 27)

Dia meminta Devi supaya bertolak ansur dengan majikannya. Devi pula tidak berpuas hati dengan nasihatnya. Dia mengambil keputusan untuk berhenti kerja demi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



menyelamatkan maruah dirinya. Cerpen ini membincangkan gelora kehidupan yang dialami oleh seorang gadis muda daripada keluarga miskin. Majikannya pula mengambil kesempatan itu untuk menjadikan Devi sebagai perempuan simpanan.

Jika dikaji, cerpenis mempunyai tiga tujuan untuk menonjolkan masalah sosial ini dalam cerpen *Purai* (Pendustaan). Beliau ingin memuji watak Devi yang tidak tunduk kepada nafsu majikannya walaupun dipujuk oleh jirannya Sinthamani. Devi juga membuat keputusan yang tepat iaitu berhenti bekerja walaupun keadaan ekonomi keluarganya agak kritikal. Cerpenis turut membuat perbandingan antara dua jenis kelakuan baik dan buruk dengan membandingkan watak Devi dengan Sinthamani. Akhirnya, beliau ingin menyindir majikan yang berperangai buruk seperti watak Tauke Tan Kor yang berkhayal bahawa boleh mendapatkan apa jua dengan kekayaannya. Cerpen Purai (Pendustaan) juga diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia (Ramaiah, 2013:61-69) dengan tujuan memyampaikan seruannya kepada pembaca berbilang kaum.

Dengan ini, boleh disimpulkan bahawa karyawan M.Ramaiah berjaya memaparkan seruannya dalam cerpen *Purai* (Pendustaan) dengan menggunakan alat-alat penceritaan yang kukuh iaitu watak dan perwatakan seperti yang diterangkan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



model pencerminan Lukacs iaitu alat-alat penceritaan mampu memaparkan realiti sesebuah masyarakat.

Masalah ganguan seksual jenis ini masih berlaku atas pembantu rumah dari negara luar. Peluang pekerjaan adalah lebih luas. Wanita India tidak lagi bekerja sebagai pembantu rumah. Namun, wanita dari luar negara seperti Indonesia, Thailand, Filipina dan sebagainya bekerja sebagai pembantu rumah dan turut menghadapi masalah gangguan seksual (*Makkal Osai,* 24 Jun 2013:6).

Berikutan peningkatan kes ini, Garis Panduan Penggajian Pembantu Rumah Asing (PRA) dilakarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja Kementerian Sumber Manusia Malaysia untuk membanteras gejala ini daripada terus berlaku. Salah satu agensi utama yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga hal ehwal pekerja asing ialah Polis Diraja Malaysia (Garis Panduan Pengajian Pembantu Rumah Asing,1982). Dengan wujudnya garis panduan ini, kita mengetahui bahawa masalah gangguan seksual atas pembantu rumah masih berterusan dan mencerminkan satu realiti dalam kehidupan zaman moden.

Seterusnya, cerpen yang berjudul *Manimekalai* (nama seorang wanita) juga membincangkan perihal kaum lelaki yang ingin mengambil kesempatan terhadap kaum wanita yang miskin. Watak Manimegalai telah mengambil bahagian dalam pertandingan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



nyanyian di kampungnya. Dia telah memenangi hadiah pertama sebanyak RM300 lalu meminta kebenaran daripada ibunya untuk mendapatkan hadiah wang tunai yang dimenanginya. Dengan hati yang berat, ibunya membenarkan dia pergi mendapatkan hadiahnya. Seorang lelaki muda yang mempengerusikan majlis tersebut ingin mengambil kesempatan terhadap Manimegalai setelah mengetahui kemiskinan keluarganya. Dia berkata,

> "....ambillah RM300 ini. Wang ini untukmu.....Saya tidak buat tawaran atas maruah diri awak. Saya ikhlas dan ini ialah hadiah bagi permulaan hubungan kita."
> (M.Ramaiah, 1998: 158)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dia ingin menjalinkan hubungan yang tidak sah bersamanya. Manimegalai terus menampar lelaki tersebut dan memakinya sepuas hati. Dia menyedari akan sebab ibunya tidak membenarkannya keluar dari rumah. Kini, walaupun masalah sedemikian agak kurang berlaku namun masih terdapat pengurus atau pegawai atasan yang bernafsu tinggi ingin menghancurkan kehidupan pekerja wanitanya dengan melakukan gangguan seksual.

Cerpenis agak terharu dengan masalah sosial ini. Oleh itu, melalui cerpen *Manimekalai* beliau ingin menasihati wanita muda supaya sentiasa berwaspada dan tidak mudah mempercayai sesiapa. Beliau juga ingin memberi kesedaran kepada segelintir

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



kaum lelaki yang mengganggu, mendera, tidak menghormati dan tidak menghargai maruah kaum wanita supaya insaf akan perbuatan terkutuk mereka. Sebagai wakil golongan wanita hasrat cerpenis M.Ramaiah untuk menjelmakan kepahitan yang dihadapi oleh para wanita dalam karyanya memang diperakui oleh Model Genetik iaitu pandangan alam pengarang sebagai wakil golongan masyarakatnya.

Negara kita memang mempunyai kod amalan untuk mencegah dan membasmi gangguan seksual di tempat kerja yang berkuatkuasa mulai tahun 1999. Kod amalan ini bertujuan memberi garis panduan kepada majikan mengenai penubuhan mekanisme dalaman pada peringkat organisasi bagi mencegah dan membasmi gangguan seksual di tempat kerja (Garis Panduan Majikan, 1999). Garis panduan ini juga menjadi salah satu bukti yang kukuh bahawa masalah ini masih terus berlaku di negara kita.

Seterusnya, bilangan kes gangguan seksual di tempat kerja yang dilaporkan kepada pihak polis pada tahun 2012 yang dipaparkan dalan Jadual 4.4. turut mengesahkan kejadian seksual di tempat kerja.

Jadual 4.4

*Bilangan Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja pada Tahun 2012*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



| Jenis Kes | Cabul | Rogol | Jumlah |
|---|---|---|---|
| Kes gangguan seksual oleh majikan | 48 | 27 | 75 |
| Kes gangguan seksual oleh rakan sekerja | 42 | 114 | 156 |

Sumber: Polis Diraja Malysia, Bukit Aman

Perangkaan yang ditunjukkan dalam jadual 4.4 menunjukkan bahawa tempat kerja tidak lagi selamat untuk para wanita kerana mereke menghadapi gangguan seksual daripada para majikan dan rakan sekerja. Walaupun dunia telah melangkah masuk abad ke-21, namun kaum wanita masih menghadapi masalah gangguan seksual.

### 4.3.3 Masalah Tanggapan Negatif Masyarakat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemikiran negatif akan menghancurkan diri sendiri. Sikap ini merupakan racun yang membunuh nilai-nilai moral yang ada dalam diri individu. Sikap prasangka dan salah faham antara sesama manusia adalah punca berlakunya peperangan, perang saudara, rusuhan, pembunuhan beramai-ramai dan serangan berani mati (bom manusia) yang mengancam keselamatan, keamanan dan kedamaian masyarakat, negara dan dunia (Herbert Blumer, 1997:301.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



#### 4.3.3.1 Tanggapan Negatif Terhadap Kawan

Penulis memilih masalah tanggapan negatif sebagai masalah sosial yang harus dititikberatkan dalam karya. Beliau memaparkannya dalam cerpen *Nlla Manacu* (Baik Hati). Watak Khairudin telah menanam pokok koko di tanahnya. Tuan tanah bersebelahan dengan tanahnya, Kannan juga turut menanam koko. Khairudin menyimpan perasaan dendam terhadap Kannan kerana 10 tahun yang lalu Kannan telah mengadu kepada mandor di ladang bahawa Khairudin tidak mahir menoreh pokok getah. Isterinya Fatimah menasihati Khairudin agar tidak bersikap negatif tetapi dia tetapi marah lalu mengatakan,

> "cukuplah tu...Fatimah jangan bercakap tentang dia. Dia seorang pengkhianat yang mendedahkan rahsia saya. Saya tidak akan lupa perbuatannya walaupun sudah 20 tahun berlalu. Satu hari nanti saya nak kenakan dia." (M.Ramaiah,1998: 106)

Akhirnya, kebakaran yang berlaku menyebabkan kebun koko Kairudin terbakar. Jirannya telah mengadaikan nyawanya untuk memadam api. Kairudin sedar akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



kesilapannya lalu menyesal atas tanggapan negatifnya terhadap Kannan selama ini. Sikap Khairudin yang ingin membalas dendam terhadap jirannya membawa padah atas dirinya.

Penulis ingin menitikberatkan kepentingan menyedari kesalahan diri sebelum menyalahkan orang lain. Sikap ingin mengancurkan kehidupan orang lain walaupun musuh kita adalah berdosa. Beliau juga berharap agar pembaca harus menyedari bahawa tanggapan negatif tanpa mengetahui kebenaran merupakan sikap yang paling bahaya. Perasaan ini dianggap sebagai api dalam sekam yang boleh menimbulkan pelbagai kesan buruk serta boleh membakar tuannya sendiri.

M.Ramaiah turut memberi peringatan kepada kaum India bahawa sikap berdendam yang disebabkan oleh tanggapan negatif adalah salah dari segi agama Hindu Orang yang suka membalas dendam sentiasa mencari helah untuk melunaskan hasratnya sehingga memudaratkan sifat peribadi diri mereka sendiri. Jika dikaji, sebab utama serangan dan peperangan antara negara berlaku adalah disebabkan sikap sedemikian. Sikap negatif ini dipaparkan juga dalam cerita kesusasteraan klasik Tamil *Nalavenpa* Watak *Kali* menyimpan dendam terhadap watak *Nalan* selama 14 tahun. *Kali* telah mencetuskan berbagai-bagai masalah sehinggalah *Nalan* merana dan hilang segala-galanya dalam kehidupan. Walaupun masyarakat India maju dalam berbagai-bagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



bidang namun ramai orang masih berfikiran sempit dan tidak mahu memaafkan kesalahan orang lain.

Pengarang telah berani memilih watak daripada berbilang kaum dan berjaya membincangkan masalah sosial ini tanpa menyentuh isu perkauman serta mengakhiri cerpen ini dengan baik seperti diterangkan dalam Teori Marxisme, Modul Georg Lukacs bahawa dalam pembentukan sesebuah struktur cerita, alat penceritaan (*narrative devices)* seperti watak dan perwatakan, aksi, plot, gaya bahasa, latar dan konflik menyumbang kepada pembinaan sesebuah cerita. Alat-alat penceritaan ini digabungkan sepenuhnya oleh seseorang pengarang dalam usahanya untuk memaparkan realiti masyarakat yang melingkunginya.

Pada era moden ini, sikap berdendam turut menjadi salah satu punca utama wujudnya masalah perselisihan, permusuhan dan pergaduhan. Baru-baru ini, masalah sosial yang mendukacitakan dalam kalangan remaja India ialah pergaduhan antara kumpulan kongsi gelap. Menurut Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan pihak polis bahawa penglibatan kaum India dalam kegiatan samseng agak mengejutkan. Sedangkan, kaum India ialah etnik yang paling kecil berbanding dengan kaum Melayu dan Cina. Penglibatan kaum remaja India dalam kumpulan kongsi gelap adalah yang paling tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Kaum India mencatatkan jumlah ahli kongsi gelap yang tertinggi iaitu seramai 28,926 orang ahli diikuti oleh Cina sebanyak 8,214 orang ahli, kaum Melayu mencatatkan 1,923 orang ahli, Sarawak 921orang ahli dan Sabah 329 orang ahli (Laporan Jenayah PDM, 2011).

Orang yang menjadi ahli dalam kumpulan sesat ini suka mengambil tindakan yang salah dari segi undang-undang. Masalah tanggapan negatif antara kumpulan menjadi punca mereka bertindak secara ganas. Oleh itu, tanggapan negatif tanpa usul periksa memang menjadi masalah yang sesuai dipaparkan dan satu realiti dalam kehidupan serba moden sekarang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

#### 4.3.3.2 Tanggapan Negatif Terhadap Jiran

Satu lagi cerpen yang bertajuk *Avalum Oru Taytan* (Dia juga Seorang Ibu) mengisahkan masalah tanggapan negatif antara jiran tetangga. Jiran Tirumalai ialah sebuah keluarga Melayu. Anak-anak jiran sentiasa mengejek anak-anak Tirumalai dengan menggunakan kata-kata kesat. Penggunaan kata-kata ini sangat sensitif dan boleh mencetuskan masalah perkauman. Tirumalai meminta isterinya supaya mengadu perkara itu kepada jiran mereka. Isterinya, Kogilawani berkata,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



> "Saya sudah sampaikan kepada mereka abang tetapi apa gunanya? Ibu bapa mereka juga suka menggunakan perkataan kesat itu. Agaknya pemikiran jiran kita ini sangat sempit. Mereka ini tak sedarkah perkataan itu telah dinyahkan daripada kamus." (M.Ramaiah, 2008: 35)

Pada suatu pagi, anak jiran mereka Noraini dilanggar motosikal ketika ibu bapa Noraini pergi melawat datuknya yang sakit tenat. Kogilawani membawa Noraini ke hospital walaupun dia tahu bahawa perbuatannya tidak disukai oleh suaminya. Dia menderma darahnya sendiri bagi menyelamatkan Noraini. Jiran Kogilawani berasa malu akan tanggapan negatif mereka selama ini.

Matlamat M.Ramaiah mengutarakan masalah sosial ini adalah memperingatkan kepentingan hubungan baik antara jiran tetangga. Beliau juga mengharapkan setiap orang menghormati jiran mereka bukannya menghina khususnya menyentuh isu-isu negatif yang berkaitan dengan sesuatu kaum. Perkara ini bukan sahaja menimbulkan perselisihan dan permusuhan antara jiran malah boleh mencetuskan pertelingkahan antara kaum majmuk di Malaysia. Cerpen ini dimuatkan dalam koleksi cerpen penterjemahan M.Ramaiah untuk renungan pembaca berbilang kaum (M.Ramaiah, 2013: 27-36).

Sebagai seorang warganegara, beliau juga berharap perlakuan negatif seumpama ini seharusnya dicegah awal sebelum terlambat. Harapan inilah menjadi tujuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



utama beliau mengutarakan masalah sosial ini dalam cerpennya. Berdasarkan peribahasa yang berbunyi, bersatu teguh bercerai diroboh, beliau cuba membawa perubahan pemikiran dan kesedaran kepada generasi akan datang agar hidup bersama dengan berpegang kepada Gagasan 1Malaysia.

Oleh itu, penulis M.Ramaiah ialah seorang pegawai Pos Malaysia (S.Matyathevan, 1975: 23) Disebabkan urusan pekerjaan, beliau terpaksa berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain atas urusan pekerjaan. Oleh itu, beliau mempunyai peluang untuk menyaksikan fenomena sosial yang benar-benar berlaku di depan matanya. Maka, fenomena sosial inilah dijadikan masalah sosial yang dikisahkan dalam cerpen nukilannya sepertimana yang diterangakan dalam model pencerminan Georg Lukacs iaitu kesusasteraan ialah cermin yang membalikkan objek atau realiti yang berada di hadapan pengarang.

Jika diteliti, perlakuan negatif seumpama ini tidak wajar dan kurang sesuai dimanifestasikan pada era moden ini. Kini, jiran yang terdiri daripada pelbagai kaum adalah satu perkara yang biasa berbanding dengan corak kehidupan zaman dahulu, iaitu jiran kita adalah sama kaum. Masyarakat Malaysia jarang menjadikan kaum sebagai ukuran untuk memilih jiran mereka. Penghuni taman perumahan di negara kita adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



bercampuran dan berbilang kaum. Masyarakat Malaysia kini lebih suka berjiran dengan kaum lain supaya anak-anak mereka membesar sebagai anak Malaysia sejati yang mampu bergaul dengan kaum majmuk.

Selain itu, ibu bapa pada era moden ini agak peka terhadap isu-isu sensitif berkaitan dengan kaum lain. Oleh itu, mereka sentiasa memupuk nilai-nilai moral dalam diri anak-anak mereka sejak kecil lagi. Pemerintah negara juga memperkenalkan pelbagai rancangan yang bertemakan perpaduan supaya rakyat Malaysia sentiasa menyedari kepentingan perpaduan demi memelihara keamanan negara Malaysia. Sambutan 'Hari Malaysia' pada 16 September 2010 yang dilancarkan oleh Perdana Menteri YAB. Dato Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak sebenarnya bertujuan untuk menghapuskan masalah pemikiran sempit ini dalam kalangan kaum majmuk. Oleh demikian itu, pemaparan masalah pemekiran negatif ini dalam cerpen M.Ramaiah memang kurang sesuai dengan kehidupan arus moden ini.

#### 4.3.3.3 Tanggapan Negatif Terhadap Majikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Cerpen *Pattarai* (Bengkel) pula memaparkan tanggapan negatif seseorang pekerja terhadap majikannya. Watak Samikannu bekerja di bengkel membaiki kereta Lim Peng Kuah. Dia bertekad untuk membuka bengkelnya sendiri. Lim tidak menghalang Samikannu malah memberikan hadiah dan sekeping sampul surat kepadanya. Samikannu pun memulakan perniagaan baharunya. Pada hari pembukaan bengkel itu, dia menunggu kehadiran tuan lamanya namun Lim tidak muncul. Dia berasa agak kecewa. Setelah majlis selesai, Samikannu mula membuka hadiah dan sampul yang diberi oleh kawan-kawannya. Dia ternampak sampul yang diberikan oleh Lim. Dia membuka sampul itu lalu terkejut kerana terdapat wang tunai sebanyak RM5000 dalam sampul itu. Dia sedar akan Lim merestui tindakannya membuka perniagaan sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cerpen ini memaparkan cabaran dan rintangan yang dihadapi oleh seorang pemuda yang ingin membuka bengkel keretanya sendiri. Walaupun menghadapi pelbagai rintangan untuk membuka bengkel kereta, akhirnya dia mendapat bantuan daripada majikan lamanya. Cerpenis ingin memberi galakan kepada generasi muda supaya berusaha dengan sungguh-sungguh untuk memperoleh kejayaan yang sama seperti watak pemuda dalam cerpen *Pattarai* (Bengkel). Cerpen ini juga diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia dengan tujuan memyampaikan hasratnya kepada pembaca berbilang kaum (M.Ramaiah, 2013: 8-15).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Sebagai penulis, M.Ramaiah sangat memahami tanggungjawabnya iaitu mewujudkan kesedaran tentang kepentingan menanam nilai-nilai murni seperti bersatu padu dan tolong-menolong dalam kalangan masyarakat majmuk di negara kita. Beliau juga turut bertujuan Memuju manusia yang bersifat prihatin seperti majikan Samikannu iaitu Lim Peng Kuah. Oleh itu, masalah sosial ini sebagai persoalan dalam cerpen ini adalah sangat wajar bagi membuka minda orang ramai supaya mengikiskan prasangka seumpama ini.

Kini, terdapat pelbagai bantuan kewangan diberikan bagi memulakan perniagaan berbanding dengan zaman dahulu. Ketika itu peluangnya sangat tipis dan perlu memenuhi syarat-syarat ketat serta karenah birokrasi menjadi penghalang untuk mendapatkan pinjaman. Pada masa sekarang, bahagian pinjaman perniagaan Majlis Amanah Rakyat (MARA) menganjurkan beberapa program seperti pembangunan usahawan, pembangunan industri dan perniagaan, pembiayaan perniagaan serta mendirikan premis perniagaan. Selain itu, pada tahun 2010 di bawa projek 1Azam yang dilancarkan oleh *National Key Results Area* (NKRA) juga menghulurkan bantuan pinjaman kepada perniaga kecil (*Tamil Malar*, 2014: 6). Justeru, masalah sosial yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



dibincangkan dalam cerpen *Pattarai* (Bengkel) kurang sesuai pada era moden kerana banyak disediakan bantuan dan peluang perniagaan.

### 4.3.4 Masalah Penipuan

Manusia suka menipu antara satu sama lain. Sikap ketidak jujuran ini selalunya menjadi amalan pihak yang terlibat dalam dunia perniagaan. Pengguna dan pembeli akan menjadi mangsa kepada pelabur, pembekal, pemborong dan peniaga yang tidak jujur. Dr. Thomas Stanley (2000) dalam bukunya, *The Millionaire Mind* menyatakan bahawa antara faktor utama yang menyebabkan seseorang itu memperoleh kejayaan dalam perniagaan adalah sikap jujurnya terhadap semua orang. Beliau membuat rumusan ini berdasarkan individu-individu pernah ditemubualnya yang berjaya menjadi jutawan kerana bersikap jujur.

Kejujuran merupakan salah satu nilai moral yang sangat penting dan harus dimiliki oleh setiap individu. Sikap menipu adalah ekoran sifat manusia menurut kata hati tanpa memikirkan kerugian dan kesakitan orang lain. Sikap negatif ini ialah perlakuan yang mudah merosakkan jati diri manusia. Pengarang telah memaparkan sikap ini sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



masalah sosial dalam cerpennya. Walaupun, seseorang itu pada asalnya berkelakuan jujur namun selalunya situasi yang melibatkan urusan wang akan mencabar keimanannya. Pepatah Tamil yang berbunyi *Panam Pattum Ceyyum* bermaksud wang boleh memungkinkan sebarang perlakuan negatif turut memperkukuhkan pendapat ini.

#### 4.3.4.1 Penipuan Dalam Perniagaan

M.Ramaiah mengungkapkan masalah penipuan dalam cerpen yang berjudul *Nermai* (Kejujuran). Watak Kanagasundram yang bekerja di Pejabat Majlis Perbandaran sebagai pegawai atasan seperti biasa pada hari Ahad, pergi ke pasar untuk membeli sayur-sayuran. Harga sayurnya ialah RM1.50. Dia menghulurkan RM2.00 kepada penjual. Setelah mendapat baki wang Kanagasundram agak terkejut kerana penjual itu telah memberi wang baki yang lebih dari sepatutnya. Secara diam dia terus beredar dari tempat itu. Dalam perjalanannya dia ternampak kawannya Duraiappan dalam keadaan berkelam-kabut menuju ke pasar. Kanagasundram ingin mengetahui sebab kawannya agak kelam-kabut. Kawannya berkata,

> " Tadi... saya telah membeli ikan daripada seorang penjual ikan berbangsa Cina. Dia memulangkan wang baki kurang 10 sen. Setelah sampai di rumah, baru saya menyedarinya. Apa jenis manusia dia itu.....Dia langsung tidak jujur." (M.Ramaiah, 1975: 110)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Kanagasundram berasa insaf dan sedar akan tidak kejujurannya lalu kembali semula ke gerai sayur-sayuran tadi. Dia memulangkan wang baki yang berlebihan ini kepada penjual sayur tetapi peniaga tersebut mengatakan bahawa dia juga tidak jujur kerana menipu Kanagasundram dengan mengenakan harga yang tinggi.

Manusia tidak menyedari kebenaran bahawa hal-hal duniawi dikuasai oleh Tuhan. Tuhan Maha Kuasa akan mengenakan hukuman yang sewajarnya kepada seseorang yang bersikap tidak jujur dan tamak haloba. Sikap menipu adalah antara sikap negatif yang tidak digemari oleh masyarakat dan dimurkai oleh Tuhan (Manikavasagam, 1998: 15).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penulis telah memilih masalah sosial ini demi memberi kesedaran kepada masyarakat supaya tidak menipu. Beliau juga ingin memberi peringatan kepada orang yang tidak jujur dan ingin menipu orang lain bahawa akan menerima hukumannya iaitu akan tertipu tanpa disedarinya. Manusia yang bersifat demikian pasti akan mengalami kerugian yang lebih besar ekoran tindakan mereka. Tuntasnya, cerpenis menyeru agar pembaca sentiasa bersikap jujur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Jika diselidik, walaupun cerpen ini berjudul *Nermai* (Kejujuran) namun masalah sosial yang digarapkan adalah sikap ketidak jujuran. Oleh itu dapat memahami bahawa M.Ramaiah ialah seorang pengarang yang kreatif kerana pembaca tidak dapat menjangka pemikirannya berdasarkan judul cerpen sahaja tanpa meneliti isi kandungan cerpennya. Walau bagaimanapun, masalah jenis penipuan dalam perniagaan memang sesuai dengan cara kehidupan zaman era moden kerana amalan seumpama ini menjadi satu kelaziman dalam kalangan peniaga di negara ini dan turut menjadi rugutan masyarakat.

Sikap negatif ini masih mencetuskan berbagai-bagai masalah dalam kalangan manusia. Cerpen *Nermai* (Kejujuran) memaparkan kisah seorang pembeli dan penjual yang sama-sama menipu semasa menjual-beli di pasar. Pengarah Urusan KPMG Malaysia En.Johan Idris berdasarkan, Laporan Tinjau Selidik Penipuan, Sogokan dan Rasuah mengatakan bahawa 83% responden menyatakan bahawa penipuan adalah masalah ketara dalam kalangan perniaga tempatan. Separuh daripada responden mengakui bahawa isu ini dihadapi organisasi mereka. (Laporan KPMG Malaysia, 2014) Oleh itu, masalah ketidakjujuran masih menjadi isu sosial yang tidak dapat selesaikan sehingga hari ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



#### 4.3.4.2 Menipu Untuk Mengekalkan Jawatan

Masalah sosial yang berkaitan dengan sikap penipuan ini dipilih oleh M.Ramaiah untuk turut menjadikan isu perbincangan dalam cerpen *Tataik Karkal* (Batu Penghalang). Arus ilmu pengetahuan mula dijana di sekolah. Sekolah ialah tempat membentuk seorang insan yang sempurna dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Guru besar atau pengetua dianggap sebagai pentadbir utama di sekolah. Oleh itu, tanggungjawab berat ini mesti dipikul dengan sepenuh hati dan dedikasi tanpa sikap tidak mementingkan diri menggila kuasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Watak Manickam merupakan seorang guru besar yang berkhidmat selama 20 tahun di sebuah sekolah Tamil yang berada di ladang getah. Pada awalnya, terdapat 200 orang murid yang menuntut disekolah itu. Lama-kelamaan bilangan murid mula berkurangan sehingga tinggal 45 orang murid sahaja. Oleh itu, Jabatan Pendidikan mengambil keputusan untuk mengabungkan 5 buah sekolah Tamil di kawasan tersebut. Tindakan pihak pendidikan mencetuskan perasaan gelisah dalam diri Manickam kerana risau akan kehilangan jawatannya. Hatinya berbisik,

> “Apa akan terjadi kepada jawatan saya sebagai Guru Besar jika wujudnya sekolah bergabung? Panggilan guru besar....

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



> guru besar.....yang saya banggakan selama ini adakah akan hilang begitu sahaja....? ”
> (M.Ramaiah,1998: 12)

Walaupun terdapat banyak kebaikan dalam usaha penggabungan sekolah, Manickam sangat gila akan kuasa sehinggalah dia sanggup menghasut Pengerusi PIBG iaitu Thangavelu untuk mengadakan mesyuarat tergempar bagi membantah rancangan tersebut tetapi Thangavelu menolak permintaannya dengan menyatakan bahawa penggabungan sekolah tersebut membolehkan anak-anak mereka mendapat segala kemudahan asas seperti bilangan guru yang secukupnya serta kemudahan bilik darjah dan perpustakaan yang selesa. Thangavelu bersetuju dengan rancangan Jabatan Pendidikan lalu meminta semua ibu bapa bersetuju dengan rancangan tersebut demi kebaikan dan masa depan anak-anak mereka.

Kata pepatah Melayu sepandai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh ke tanah juga. Walaupun Manickam merancang untuk menggagalkan rancangan Jabatan Pendidikan dengan melakukan pelbagai tipu muslihat seperti mengapi-apikan pengerusi PIBG untuk menentang Jabatan Pendidikan tetapi akhirnya impian dia tidak tercapai apabila pengerusi PIBG meminta semua ibu bapa supaya bersetuju dengan keputusan Jabatan Pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



M.Ramaiah ingin menasihati pembacanya bahawa jika keinginan terhadap sesuatu adalah tinggi meluap, seseorang itu akan lebih serius dalam usahanya untuk menunaikan keinginannya. Oleh itu, akan berusaha apa-apa jua cara pun bagi memenuhi keinginannya. Watak guru besar dalam cerpen *Tataik Karkal* (Batu Penghalang) ialah seorang yang menggilai kuasa. Dia sanggup menghasut pengerusi PIBG supaya bersubahat dengannya demi mengekalkan pangkatnya. Manusia yang menggilai kuasa tidak akan mempedulikan kebajikan dan kepentingan orang lain. Oleh itu, sentiasa mementingkan diri daripada memelihara kebajikan orang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cerpenis juga ingin memupuk kesedaran para pembaca bahawa orang yang berpangkat dan berpelajaran tinggi juga menggilai kuasa sehinggalah tidak mempedulikan kepentingan masyarakat. Cerpenis menyeru agar masyarakat sentiasa berwaspada dan tidak cepat mempercayai kata-kata orang yang ingin mempergunakan mereka demi kemajuan dan kepentingan diri mereka. Menurut model Genetik, karya sastera hasil nukilan seseorang pengarang dapat membayangkan citra masyarakat. Dengan itu jelaslah bahawa M. Ramaiah seorang karyawan yang mahir menukilkan masalah sosial ini supaya masyarakat India menilai kebaikan dan keburukan setiap perlakuan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Jika direnung, masalah sosial yang dibincangkan dalam cerpen ini agak kurang sesuai dengan sistem pendidikan semasa. Pada zaman sekarang, pemogokan seperti yang dibincangkan dalam cerpen ini sama sekali dilarang dari segi undang-undang Malaysia. Selain itu, sistem kenaikan pangkat juga telah mengalami pelbagai perubahan baru-baru ini. Kini, AJK persatuan PIBG dilarang sama sekali masuk campur dalam urusan pentadbiran sekolah. (SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 5/2001: Batasan Kuasa Persatuan Ibu Bapa dan Guru).

Kini, para guru besar juga tidak berani menentang keputusan Kementerian Pendidikan Malaysia kerana tindakan tatatertib akan dikenakan jika bersalah. Mereka turut bimbang bahawa tindakan tatatertib tersebut akan memudaratkan prospek kerjaya mereka. Sebenarnya, baru-baru ini tindakan tatatertib telah diambil terhadap seorang guru besar dari daerah Rawang yang salah gunakan peruntukan Rancangan Makanan Tambahan sekolahnya (*Dinak Kural,* 9 Oktober 2014: 3). Tuntasnya, penjawat awam yang yang menjadi batu penghalang pada rancangan kerajaan pasti tidak akan terlepas daripada tindakan kerajaan. Oleh itu, masalah sosial yang dibincangkan dalam cerpen ini kurang sesuai dengan sistem pendidikan semasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



#### 4.3.4.3 Menipu Untuk Mendapatkan Anak

Seterusnya, satu lagi cerpen yang mengisahkan masalah penipuan yang agak luar biasa dalam cerpen yang berjudul, *Tirutti Elutiya Tirppu* (Menukar Keputusan yang Ditulis) yang dikarya oleh penulis tempatan ini. Watak William David ialah seorang bekas tentera yang dihantar ke Vietnam. Ketika berada di situ kapal terbangnya jatuh ditembak. Pihak tentera Amerika mengumumkan bahawa David telah terkorban dalam kejadian itu sedangankan dia masih hidup dan diselamatkan oleh orang kampung Vietnam. Dia menjalani hubungan cinta dengan seorang wanita Vietnam yang menjaganya. Setelah tiga bulan berlalu dia laporkan diri di kem tentera yang terdekat dan selepas tamatnya tempoh tugas dia dihantar balik ke *San Francisco*. Di sana dia membina sebuah kandang lembu dan membuat perniagaan. Pada suatu hari, dia menerima sepucuk surat yang mengatakan bahawa dia mempunyai seorang anak perempuan bernama Mui Nam. Dia ingin mendapatkan anaknya tetapi tiba-tiba seorang lelaki lain yang memperkenalkan dirinya sebagai William David telah berjumpa dengan penghulu kampung lalu membawa Mui Nam bersama-samanya. Oleh sebab lelaki tersebut mementingkan keinginan sendiri, dia sanggup melakukan tipu muslihat dengan membohongi pihak tertentu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



> "Memang betul. Dia ialah anak saya. Selama ini dia bersama ibunya. Selepas kematian ibunya saya ingin membawanya ke Amerika. " (M.Ramaiah,1998: 83)

Masalah ini dibawa ke mahkamah di *San Francisco.* Oleh sebab tiada bukti yang kukuh, mahkamah mengarahkan Mui Nam tinggal di rumah kebajikan. David iaitu bapa kandung kanak-kanak itu tidak sanggup melihat anaknya dihantar ke rumah kebajikan lalu meminta mahkamah menyerahkan anaknya kepada lelaki yang menyamar sebagai David William serta mewasiatkan segala hartanya kepada Mui Nam. Akhirnya mahkamah membuat keputusan bahawa David ialah bapa kandung Mui Nam yang sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Plot cerpen ini mempunyai persamaan dengan cerita dalam *Bible Yunani Kristian (bi7): The first Book of the Kings*. Cerita yang mempunyai tema yang sama ini terdapat dalam senarai cerita *Wise King Solomon (Kings Chapters 3).* Walaupun kedua-dua cerpen membincangkan masalah sosial yang agak sama tetapi cara pemilihan watak, latar, struktur, gaya bahasa dan sebagainya menunjukkan ciri-ciri kelainan. Cerpenis M.Ramaiah mahir memilih tema daripada cerita pendek yang bermotif untuk mengajar nilai-nilai murni dan suci kepada pembaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Beliau menyedari bahawa penulis mempunyai tanggungjawab tersendiri iaitu menyampaikan nilai-nilai murni melalui ciptaannya kepada pembaca dari latarbelakang yang berbeza. Oleh yang demikian, cerpen *Tirutti Elutiya Tirppu* (Menukar Keputusan yang Ditulis) juga diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia dengan tujuan memyampaikan hasratnya kepada pembaca berbilang kaum (M.Ramaiah, 2013:108-117).

Beliau juga mempunyai tujuan tertentu untuk membuat perbandingan antara dua jenis nilai yang bertentangan. Penulis terhormat ini membandingkan hakikat nilai positif dengan nilai negatif iaitu sikap tidak jujur berdasarkan dua watak yang berbeza. Individu yang mementingkan diri iaitu orang yang menipu sentiasa cuba merampas sesuatu tanpa memikirkan perasaan orang lain. Sebaliknya, individu yang jujur pula, menggorbankan apa-apa sahaja demi kesejateraan, keamanan dan kebaikan orang yang disayanginya.

Pada hakikatnya, kebenaran sahaja akan menang kerana unsur kebenaran itu mempunyai kuasa ajaib. Realiti inilah yang ditegaskan oleh M.Ramaiah melalui cerpennya. Cerpen ini mencerminkan secara jelas masalah sosial yang berkaitan dengan penipuan seperti yang diterangkan dalam Model Pencerminan Lukacs iaitu sastera adalah lambang masyarakat bagi sesuatu zaman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Masalah seperti ini memang berleluasa pada zaman moden ini. Sikap manusia yang mementingkan diri mencetuskan pelbagai masalah yang serius dalam kehidupan orang lain. Ahli keluarga yang menipu akan menbantutkan kemajuan ahli lain. Pekerja yang menipu tidak dapat menyumbangkan tenaganya ke arah kemajuan syarikatnya. Perlakuan pentadbir atau ahli politik negara yang selalu mengabai rakyat dan berunsur fitnah akan menjadi perosak masyarakat dan negara. Dengan itu, masalah sosial tersebut amat sesuai dibincangakan pada zaman sekarang yang penuh dengan manusia yang sering melakukan tipu muslihat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 4.3.5 Masalah Cinta Sehala

Persoalan percintaan menjadi wadah perbincangan genre sastera sama ada penulis hikayat, kitab, novel, sajak ataupun cerpen (Sagar,N. 2009: 127). Cinta merupakan perasaan yang sangat murni yang dikurniakan Tuhan kepada semua hidupan di dunia. Pengalaman bercinta membawa kenangan yang berbeza di antara satu sama lain. Penyair Mahakavi Bharathiyar turut mengukirkan kemurnian cinta dalam sajak seperti berikut,

"*Katal katal*
*Katal poyin....*
*Catal catal"*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



{Cinta, cinta, cinta
Terputusnya cinta....
Meragut nyawa}

(*Barathiyaar Kavitai tokuppu*, 2010).

Melalui sajak yang bertajuk *Kuyil Pattu* ini, kita dapat menghayati kemurnian cinta. Walaupun demikian, hanya segelintir pasangan yang bercinta akan bersatu pada akhir alam percintaan mereka. Sebaliknya, kebanyakan pasangan yang tidak bernasib baik akan menghadapi pelbagai cabaran dan halangan lalu percintaan mereka terhancur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

#### 4.3.5.1 Cinta Sehala Kekasih Perempuan

Cinta adalah sesuatu aspek yang sangat suci dalam peradaban India sejak zaman sangam. Oleh itu, cinta telah menjadi suatu tema yang utama dalam kehidupan serta kesusasteraan masyarakat Tamil. Dalam zaman sangam, cinta terbahagi kepada dua iaitu aham (rohani) dan puram (fizikal). Cinta merupakan asas kepada semua kewujudan dan perbuatan. Seperti tanggapan orang ramai cinta bukanlah sesuatu yang berhubung dengan nafsu (Selvanathan,M. 2012: 113). Malah, ia merupakan perhubungan yang baik antara dua hati yang mempunyai sifat dan perasaan yang serupa. Thiruvalluvar telah menjelaskan perkara ini dalam Thirukkural seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



"Udampoodu uyiridai ennamdru anna
Madanthaiyoodu emmidai nadpu". ( Kuplat : 1122 )

(Cinta antara saya dan wanita ini merupakan perhubungan jasad dan nyawa.)

Tema cerpen berikutnya ialah cinta sehala. Watak utama cerpen *Palam nluvi*.....(Hampir Tercapai) ialah Mangalam, Dia seorang jururawat. Dia sangat kurus dan mukanya cengkung. Matanya juling dan giginya pula jongang. Ibu Mangalam memilih beberapa orang lelaki sebagai jodohnya. Walaupun, dia menolak semua cadangan ibunya namun dia tetap mempunyai keinginan untuk berkahwin mengikut pilihannya. Pada suatu hari, dia berjumpa dengan seorang pesakit *pneumonia* yang bernama Sundar. Keadaan kesihatannya sangat kritikal. Mangalam tertarik padanya. Dia bertungkus-lumus menjaga Sundar tanpa menghiraukan keselamatan dirinya.

Sundar yang pulih daripada penyakitnya sangat menghormati Mangalam yang rela menjaganya dengan penuh prihatin. Dia mengucapkan selamat tinggal kepadanya dan berasa sangat sedih kerana tidak dapat membalas budinya. Seterusnya, Mangalam dengan pantasnya berbalas,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



> " Kalau awak ingin membalas budi saya, ada satu cara tapi.... (suara gementar). "Apa yang saya boleh beri?" tanya Sundar. Berilah dirimu Sundar..." (M.Ramaiah,1956: 67)

Manggalam berasa sangat malu kerana meluahkan isi hatinya tanpa mengetahui perasaan Sundar. Walaupun Sundar agak terkejut mendengar luahan perasaan Mangalam, demi membalas budinya, dia turut meluahkan perasaan cintanya kepada Mangalam. Mangalam berasa terharu dan gembira kerana akhirnya jodohnya telah sampai. Dengan perasaan bangga, Mangalam memeluk Sundar lalu pengsan menghembuskan nafas terakhirnya disebabkan jangkitan *pneumonia.* Impian Mangalam hampir tercapai namun tidak menjadi kenyataan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui cerpen ini, penulis ingin menonjolkan gadis seperti Mangalam yang sanggup menggadaikan nyawa demi cinta. Beliau juga menasihati genarasi muda supaya tidak membuta tuli semasa bercinta. Sikap terlalu mengikut perasaan akan membawa padah kepada kehidupan seseorang. Menurut model Genetik, karya sastera hasil nukilan seseorang pengarang dapat membayangkan citra masyarakat. Dengan itu jelaslah bahawa M.Ramaiah seorang karyawan yang mahir menukilkan masalah sosial ini untuk membuka minda orang yang bermabuk cinta.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Peribahasa Tamil *Alavukku mincinal, amirtamum nnci* yang bermaksud keinginan yang berlebihan akan memudaratkan diri sendiri. Beliau juga membuktikan bahawa manusia hanya mampu membuat perancangan tetapi penentunya ialah Tuhan yang Maha Kuasa.

Generasi muda boleh mengambil tema cerpen ini sebagai iktibar dalam kehidupan mereka. Cerpenis berharap agar mereka harus berwaspada semasa memilih pasangan hidup. Walaupun manusia telah maju dalam pelbagai bidang namun masalah bertindak mengikut hawa nafsu dengan mengabaikan kebajikan diri ini masih berlaku dalam kalangan pasangan yang bercinta. Oleh yang demikian, masalah cinta seumpama ini pasti boleh dijadikan masalah yang sesuai dengan cara kehidupan moden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

#### 4.3.5.2 Cinta Sehala Kekasih Lelaki

Cerpen berikutnya turut membicarakan tentang kegagalan cinta. Golongan pemuda mudah membuat keputusan sendiri tentang perhubungan yang mereka jalinkan dengan jantina lain. Andaian yang dibuat oleh satu pihak akan membawa kekecewaan dan boleh memutuskan perhubungan yang baik di antara mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Dalam cerpen yang bertajuk *Etirvitu* (Rumah Hadapan) pula, seorang pemuda mencintai anak jirannya Elilarasi, tanpa mengetahui status perkahwinannya. Mereka sentiasa menukar pandangan dan senyuman lalu pemuda itu jatuh cinta pada Elilarasi. Dia mengambil keputusan untuk menyampaikan isi hatinya melalui surat. Elilarasi berasa terkejut dan marah setelah mengetahui isi hatinya lalu mengatakan,

> "Beginikah cara menulis surat kepada seorang perempuan....salahkah jika seorang perempuan tersenyum kepada lelaki? Kalau seseorang perempuan itu senyum kepada lelaki adakah itu bermaksud dia sudah jatuh cinta terhadap lelaki tersebut...Apa jenis lelaki ini?"
> (M.Ramaiah, 2011: 82)

Sebenarnya, Elilarasi berpisah dengan suaminya. Dia tidak memakai simbol-simbol yang menunjukkan dia sudahpun berkahwin. Wanita Hindu sentiasa menunjukkan status perkahwinan dengan memakai simbol-simbol perkahwinan seperti *Pottu* (Tanda merah di dahi), *Tali* (Tali kuning) dan *Mincu* (cincin jari kaki) untuk senang mengenali seorang wanita yang sudah berkahwin. Namun, pada zaman moden ini sebahagian wanita Hindu kurang mengamalkannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Dalam masyarakat India, simbol-simbol perkahwinan adalah sangat penting dan istimewa. Kini, generasi muda tidak lagi menghiraukan amalan ini sehinggalah wujudnya masalah percintaan terhadap orang yang sudahpun berumahtangga. Melalui cerpen ini, pengarang membuktikan bahawa perasaan cinta itu buta kerana seseorang tidak berusaha menyiasat status, latar belakang dan umur seseorang yang menjadi idamannya sebelum mengambil keputusan untuk mencintainya. Secara tidak langsung M.Ramaiah memberi peringatan kepada golongan muda supaya mengamalkan adat resam yang ditetapkan oleh masyarakat supaya dapat mengelakkan kekeliruan dan kekusutan dalam soal percintaan.. Pengarang turut menasihati mereka supaya tidak terburu-buru dalam hal percintaan sebelum mengenali seseorang seperti gagal dilakukan oleh watak pemuda.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

M.Ramaiah juga berjaya merakamkan perubahan adat tradisi yang pesat berlaku dalam masyarakat India. Pernyataan dalam Model pencerminan Lukacs iaitu kedudukan pengarang sebagai pendukung watak (*participant)* yang terlibat secara langsung dalam kebudayaan masyarakat yang melingkunginya adalah benar dalam konteks kehidupan moden masyarakat India yang banyak meninggalkan adat tradisi akibat putaran zaman moden.

Cinta ialah suatu perasan yang tiada penghujungnya sehinggalah pupus hidupan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



dunia. Masalah cinta bukanlah sesuatu yang baru. Sebenarnya, dalam kalangan masyarakat India isu ini wujud sejak zaman purba lagi. Kini, kita dapat melihat pelbagai jenis masalah cinta contohnya, cinta monyet yang tidak kekal dan terdapat juga cinta dijalankan menerusi media sosial *facebook* , *twitter*, *SMS*, telefon dan sebagainya. Hanya masa dan cara bercinta sahaja berbeza tetapi masalahnya agak sama. Dengan ini dapatlah memehami bahawa persoalan cinta jenis ini menjadi masalah yang sesuai berdasarkan cara kehidupan serba moden semasa.

### 4.3.6 Masalah Kecurangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perkahwinan menyatukan seorang pemuda dan seorang gadis secara rasmi. Hubungan mereka direstui oleh masyarakat sekeliling dalam sebuah majlis perkahwinan. Mereka digelar sebagai suami isteri yang boleh membentuk sebuah keluarga. Sebagai pasangan yang bakal hidup di bawah satu bumbung, mereka harus mempraktikkan ciri-ciri seperti bertolak ansur, berkerjasama, persefahaman dan sebagainya demi mengekalkan keutuhan keluarga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Sikap kejujuran adalah salah satu sifat sangat mustahak demi memelihara hubungan sehati sejiwa ini. Sejak Zaman *Sangam* (300SM) hinggalah zaman teknologi sekarang, masyarakat India sangat mementingkan hubungan suci sesama suami isteri seperti yang diterangkan dalam Hikayat *Ramayanam* tentang keistimewaan perhubungan suami isteri. Terdapat pepatah *Oruttikku oruvan; oruvanukku orutti* yang bermaksud seorang teruna harus mengahwini seorang gadis sahaja dan seorang gadis juga harus berbuat demikian. Setiap perkara mempunyai dua sifat yang berbeza iaitu pro dan kontra. Kehidupan rumah tangga juga tidak terlepas daripada dua perkara ini. Ada kalanya kehidupan rumahtangga adalah sesuatu yang sangat indah dan menggembirakan manakala ada ketikanya kehidupan berupa penderitaan bagi seseorang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

#### 4.3.6.1 Masalah Kecurangan Suami

Sikap kejujuran antara pasangan suami isteri adalah sangat penting untuk membina kehidupan keluarga yang sempurna dan bahagia. Perasaan tidak puas hati, perasaan ingin akan kemewahan, nafsu yang melampau adalah antara punca utama berlakunya perbuatan curang. Perlakuan curang ialah sesuatu perkara yang biasa dalam kalangan lelaki. Oleh itu, ketidaksetiaan seseorang individu terhadap pasangannya dengan menjalin hubungan cinta atau seks dengan orang lain dianggap sebagai perlakuan curang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Sejak zaman dahulu, segala karya sastera sering menegaskan aspek moral. Kadang kala nilai moral seseorang diukur berdasarkan adat resam dan kepercayaan kaumnya.

*"Olukkam vzhuppam taralaan ozhukkam*
*Uyirinum oombap padum",*

(Kuplat : 131)

(Kelakuan suci membawa kemuliaan kepada manusia. Kesucian harus dipelihara dan dihargai lebih daripada nyawa sendiri.)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Demikian kata Thiruvalluvar tentang disiplin diri. Oleh itu, manusia perlu berjuang dalam mengekalkan nilai-nilai mulia dalam kehidupan dan membimbing generasi akan datang.

Cerpen *Maittuni* (Adik Ipar) karya M. Ramaiah memaparkan masalah hubungan sulit seorang suami untuk memuaskan hawa nafsunya. *Maittuni* (Adik Ipar) ialah kisah yang sinonim dengan simpulan bahasa 'pagar makan padi'. Watak Kamala membawa adik kandungnya Vimala, ke rumahnya. Kamala menyuruh suaminya Murugan mencarikan jodoh untuk Vimala tetapi dia pula mengambil kesempatan ini lalu menyebabkan Vimala mengandung. Setelah mengetahui situasi sebenar, Kamala

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



menanyakan suaminya akan sebab dia sanggup melakukan perkara terkutuk itu. Tanpa perasaan menyesal suaminya berkata,

> "Ia berlaku disebabkan awak. Bukan kesalahan saya. Awak yang mewujudkan situasi ini." (M.Ramaiah,1962: 75)

Kamala terus meninggalkan suaminya lalu menasihatinya supaya memelihara rumah tangga agar hidupnya bahagia dengan Vimala. Cerpenis ini mengutuk watak abang ipar yang tidak bertanggungjawab. Lazimnya, lelaki yang melakukan kecurangan menyalahkan pasangan wanitanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cerpenis menasihati kaum wanita supaya mengenali perangai kaum lelaki yang sentiasa mempergunakan kelemahan golongan wanita. Beliau juga menyeru agar tidak muda tertipu dengan muslihat lelaki dan kata-kata manis yang mencairkan kaum wanita. Wanita harus mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang boleh menghancurkan rumah tangga wanita lain.

Oleh yang demikian, dalam aliran penerangan cerpen ini, beliau menyalahkan watak Kamala. Beliau mengatakan bahawa tindakan Kamala membawa masuk adik perempuannya ke rumah walaupun suaminya membantah serta sikapnya membiarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



adiknya melayan suaminya adalah salah. Beliau juga menegur tindakan meletakkan kapas dan api bersama, kerana kapas pasti akan terbakar.

Jika diteliti, cerpenis M.Ramaiah sebagai seorang lelaki bersifat cauvinis, iaitu menyalahkan kaum wanita sepertimana yang diterangkan dalam Model Genetik Goldman iaitu seorang pengarang tidak bebas daripada pengaruh persekitaran terutamanya masyarakat yang membentuk pengalamannya sebagai sesorang lelaki. Mary Ellmann dalam bukunya *Thinking About Women* (1968: 210) juga menegaskan bahawa pengarang lelaki lebih bercenderung untuk mengkritik penampilan diri wanita. Pengarang lelaki sering memanifestasikan watak wanita dengan imej yang stereotaip, pengalaman wanita dipinggirkan, suara wanita dibisukan dan bentuk-bentuk paparannya yang hanya menyerlahkan kelakian (*male-centeredness)*.

Zaman dahulu, masyarakat India menggalakkan adik ipar dijadikan isteri jika kakaknya meninggal dunia supaya anak-anaknya dapat dijaga oleh ibu saudaranya dengan penuh prihatin dan kasih sayang. Namun, amalan ini disalahgunakan oleh abang ipar yang tidak dapat menahan nafsu serakahnya. Dalam masyarakat India, seseorang kakak ipar harus menganggap adik iparnya sebagai anak lelakinya sendiri tetapi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



penetapan lain pula ditetapkan oleh masyarakat India kepada kaum lelaki, iaitu membenarkan seseorang abang ipar memperisteri adik iparnya.

Seterusnya, keputusan watak Kamala meninggalkan rumah tanpa mengambil apa-apa tindakan atas suaminya pasti tidak akan berlaku pada zaman sekarang. Wanita sekarang tidak akan mendiamkan diri lalu membiarkan suaminya memulakan kehidupan baru dengan perempuan lain. Mereka akan mengambil tindakan undang-undang terhadap suami yang mengabaikan tanggungjawabnya terhadap diri mereka. Kaum lelaki juga tidak berani menuduh isterinya yang menjadi punca kecurangan berlaku. Pada zaman moden ini, perlakuan curang dalam kalangan lelaki yang sudah mendirikan rumah tangga adalah sangat ketara. Maka, masalah ini sesuai dipaparkan berdasarkan kehidupan arus moden ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

#### 4.3.6.2 MASALAH KECURANGAN ISTERI

Dalam masyarakat India, wanita dianggap sebagai nadi dalam sesebuah keluarga. Wanita harus menjadi contoh yang baik kepada generasi sekarang dan akan datang. Harapan masyarakat terhadap wanita India ialah mereka mesti menuruti adat resam dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



norma-norma yang ditetapkan oleh masyarakat dan menurunkan segala amalan itu kepada anak-anaknya (Sarathambal, 2005: 32).

Cerpen yang berjudul *Citai* (Sita Dewi) membincangkan masalah sosial tentang sikap wanita yang melakukan kecurangan. Watak Citai ialah seorang isteri yang suka akan hidup mewah dan boros. Suaminya Ganapathi tidak dapat memenuhi segala kehendak Citai. Pada suatu hari, Citai telah lari dari rumah meninggalkan suami dan anaknya. Dia berkahwin dengan Paranthaman setelah menceraikan suaminya. Citai menjalani hidup mewah bersama-samanya. Selepas 2 bulan, Paranthaman telah jatuh sakit lalu dimasukkan di hospital tentera. Ketika itu, kawannya Arumugam menjaga Citai. Mereka menyalahgunakan kebebasan dan kepercayaan yang diberi oleh Paranthaman. Citai sekali lagi lari meninggalkan rumah bersama dengan Arumugam. Setelah balik dari hospital, Paranthaman menerima berita bahawa Citai telah meninggalkannya.

Dengan hati yang berat, Paranthaman menyewa sebuah bilik di hotel. Semasa di dalam bilik, dia terdengar suara seorang perempuan dan lelaki. Suara perempuan itu ialah suara Citai. Dengan perasaan marah, Paranthaman menunggu sehingga lelaki tersebut keluar dari bilik. Selepas itu, dia masuk ke dalam bilik Citai. Citai terkejut dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



menjerit apabila melihat Paranthaman. Pada keesokan harinya, tersiar berita dalam suratkhabar bahawa seorang pelacur yang bernama Ci:ththa dijumpai mati di sebuah bilik Hotel Tong San.

Si isteri yang tidak bermoral dan tidak mempunyai prinsip hidup mampu melakukan perbuatan curang. Oleh itu, penulis M. Ramaiah menyeru kepada kaum lelaki agar berwaspada terhadap wanita seperti watak Citai. Menurutnya, kecantikan dalaman harus dititikberatkan semasa memilih pasangan hidup dan bukan terpikat dengan kecantikan luaran sahaja. Kaum wanita pula harus berfikir sebelum bertindak. Oleh itu, beliau menasihati kaum wanita harus mengikuti norma dan nilai masyarakat agar dihormati oleh masyarakat.

Seterusnya, judul cerpen ini turut menimbulkan kontroversi dengan memaparkan nama watak utama sebagai *Citai*. Dalam karya klasik sastera Tamil *Ramayanam* , watak C*ita Dewi* dicipta sebagai seorang wanita yang ikhlas dan bermaruah tinggi. Beliau tidak pernah meninggalkan suaminya *Seri Rama* walaupun menghadapi pelbagai ujian, dugaan dan rintangan dalam kehidupaannya (Walmiki, 400SM) sedangkan cerpen M. Ramaiah menggambarkan watak Citai sebagai wanita yang tidak bermoral. Sebenarnya, kemungkinan besar cerpenis berniat baik untuk memberi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



kesedaran kepada individu yang memiliki nama yang sama seperti watak wanita istimewa dalam kesusasteraan Tamil agar sentiasa memelihara martabat dirinya. Sebaliknya niatnya juga mencetuskan satu kontroversi dengan mengaitkan watak Citai yang rendah moral dengan watak klasik yang memperlihatkan sifat murni.

Jika merenung, watak Citai ialah kategori wanita yang tidak dapat menahan hawa nafsu dan sedia melakukan apa-apa sahaja demi menikmati hidup yang senang dan mewah. Watak Citai dalam cerpen ini sudahpun berumah tangga dan beranak, suka menukar-nukar pasangan hidupnya. Citai Cerpenis M.Ramaiah menampilkan watak Citai untuk menyindir golongan wanita yang mudah menuruti kata hati mereka serta mengingatkan mereka bahawa akan mengakhiri jiwa mereka dengan label sebagai pelacur.

Sebenarnya, masalah sosial seumpama ini masih berleluasa dalam kalangan wanita (Sarathambal,S. 2005: 8). Oleh sebab, masyarakat Indian sangat memandang berat nilai kesetiaan dalam hubungan antara suami dan isteri. Kaum wanita jarang terperangkap dalam perlakuan curang. Namun demikian, masih terdapat segelintir wanita yang tidak mampu menahan hawa nafsunya sama seperti watak *Citai* yang berani melanggar tradisi masyarakat lalu melakukan perlakuan berdosa ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Pendapat ini dapat dibuktikan berdasarkan dapatan kajian yang dibuat sekitar Wilayah Persekutuan pada tahun 1999 dan 2000. Berdasarkan kajian ini, kes perlakuaan curang adalah lebih ketara dalam kalangan isteri berbanding dengan kaum suami pada tahun 1999.

Jadual 4.5

*Perbandingan Perlakuan Curang antara Kalangan Suami Isteri pada Tahun 1999 dan 2000 di Wilayah Persekutuan*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

| Tahun | Suami | Isteri |
|---|---|---|
| 1999 | 52 | 55 |
| 2000 | 81 | 24 |

Sumber: Buku Rekod Unit Perunding dan Perpaduan Keluarga.

Tuntasnya, Persoalan kecurangan isteri yang dipaparkan oleh M.Ramaiah adalah satu masalah sosial relevan dan satu realiti dalam kehidupan moden ini.

### 4.3.7 Masalah Lari Dari Rumah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Sindrom remaja lari dari rumah mengikut kekasih semakin ketara dan telah menggugat aspirasi pembentukan golongan remaja yang berdedikasi serta berwawasan. Masalah lari dari rumah telah mencabar unit-unit kekeluargaan, merosakkan nilai-nilai tradisional, nilai-nilai agama dan sebagainya.

Cerpen *Cumaitanki* (Pendukung) mengisahkan kegagalan cinta disebabkan oleh sikap materialistik. Watak Vasantham ialah seorang gadis yang tidak pernah merasai kehidupan bandar. Walaupun banyak lamaran tiba namun semua lamaran itu ditolak oleh bapanya. Akhirnya, bapa Vasantham bersetuju menerima lamaran seorang pemuda yang bernama Aravaali. Dia berpelajaran dan kacak tetapi miskin. Vasantham juga telah jatuh cinta padanya. Kemudian, bapa Vasantham tidak bersetuju kerana dia ingin akan kekayaan. Vasantham sanggup meninggalkan keluarganya lalu lari ke bandar. Di sana, dia dibantu oleh bapa saudaranya. Vasantham menulis sepucuk surat kepada Aravaali mengatakan dia bahawa masih mencintainya. Aravaali membalas suratnya yang mengatakan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



> "Ini bukan kesalahan saya. Semuanya kesalahan masyarakat yang tidak bertanggungjawab. Saya fikir awak sama seperti wanita lain yang akan melupai saya setelah keluarga awak tidak setuju dengan perkahwinan kita. Jika saya sudah tahu lebih awal, saya sudah berkahwin". (M.Ramaiah,1957: 114)

Hidup Vasantham musnah kerana oarng yang dicintai sudahpun mendirikan rumah tangga. Cinta telah memusnahkan kehidupan seseorang atau pasangannya. Bapa Vashantham telah menghancurkan kehidupan anaknya demi kekayaan.

Penulis memilih masalah sosial ini untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa yang lebih mementingkan kekayaan daripada kebajikan anak mereka sendiri. Sememangnya, kekayaan sangat penting dalam kehidupan seseorang tetapi kekayaan tidak dapat membeli kegembiraan hidup.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Beliau juga menasihati wanita supaya berdikari dan berani membuat keputusan sendiri demi masa depan mereka. M. Ramaiah berani mengutarakan masalah sosial ini pada tahun 1957 lagi untuk menggalakkan wanita lebih berani memberi pandangan mereka tanpa ragu-ragu demi kesejahteraan hidup mereka. Gadis muda juga harus berwaspada dan berfikir dengan teliti sebelum membuat keputusan, khususnya perkara seperti hal perkahwinan yang melibatkan masa depan mereka. Penulis menegaskan bahawa tidak terlalu mempercayai kata-kata kekasih dan meninggalkan keluarga yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



selama ini menjaga dan mendidik mereka kerana ingin memenangi hati lelaki pujaannya semata-mata.

Tindakan ibu bapa memilih pasangan hidup untuk anak-anak mereka perkara biasa dalam tradisi masyarakat India. Sejak zaman klasik sehinggalah millenium ini amalan tradisi ini masih diikuti oleh masyarakat India. Mereka juga mempunyai kepercayaan bahawa tanpa restu orang tua sesuatu perkahwinan itu tidak akan sejahtera. Amalan tradisional inilah dihormati oleh Vasantham dan memaksanya mendiamkan diri apabila bapanya menolak lamaran daripada pemuda yang dicintainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika diteliti, masalah lari dari rumah dalam kalangan golongan remaja sesuai dibincangkan pada era moden ini. Kini, golongan remaja yang melarikan diri dari rumah kerana mengikut kekasih semakin meningkat. Ramai remaja kini terlalu mengikut perasaan mereka. Kebanyakan mereka melangkah ke alam percintaan pada usia yang terlalu muda. Masalah akan timbul apabila hubungan mereka tidak direstui oleh ibu bapa lalu mereka mengambil jalan mudah untuk lari dari rumah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Menurut laporan Polis Diraja Malaysia golongan remaja lari dari rumah disebabkan empat alasan utama. Jadual 4.6 menunjukkan sebab-sebab remaja lari dari rumah.

Jadual 4.6

*Statistik Remaja Lari dari Rumah pada Tahun 2013*

| Sebab-sebab | Jumlah |
|---|---|
| Lari bersama teman lelaki | 2540 |
| Pengaruh kawan | 1857 |
| Masalah keluarga | 1592 |
| Ingin akan kebebasan | 1371 |

Sumber: Laporan Polis Diraja Malaysia, 2013: 20

Jadual 4.6 menegaskan bahawa bilangan remaja lari dari rumah bersama dengan teman lelaki adalah paling ramai berbanding dengan katogeri lain. Pasangan yang lari dari rumah jarang hidup bersama untuk jangka masa yang lama. Terdapat juga pasangan yang hidup bersama tanpa menjadi suami-isteri yang sah.

Jika pasangan seperti ini dikurniakan cahaya mata, keadaan akan menjadi lebih parah kerana anak mereka akan digelar sebagai anak di luar nikah. Terdapat juga kekasih meninggalkan pasangannya begitu sahaja kerana sudah mempunyai kekasih baru, masalah kewangan, mengikuti desakan keluarga, menolak tanggungjawab dan sebagainya. Masalah sosial ini membawa kemudaratan kepada kehidupan kedua-dua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



pihak lelaki dan perempuan. Namun, pihak yang paling menderita ialah kaum wanita. Kata pepatah Tamil *Celaiyil mulil viluntalum, mul celaiyil viluntalum patippu celaikkutan* yang bermaksud sebarang tindakan buruk seseorang wanita akan mendatangkan penderitaan dan kemudaratan diri sendiri. Oleh sebab itu, kaum wanita muda sentiasa berwaspada sebelum bertindak.

### 4.3.8 Masalah Pelacuran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Golongan yang memilih untuk melacurkan diri menganggap bahawa perbutan tersebut merupakan jalan mudah untuk mendapatkan kehidupan mewah tanpa perlu bekerja keras. Tidak dinafikan bahawa terdapat juga mangsa yang terpaksa melacur akibat terpedaya, tertipu atau dipaksa. Perbuatan melacur juga sering melibatkan golongan remaja yang berdarah panas yang sentiasa mencari sesuatu yang baru dan mencabar. Keadaan menjadi lebih buruk, sekiranya remaja tersebut masih tidak mempunyai pemikiran yang matang, lahir dalam keluarga yang bermasalah dan sebagainya (Sarathambal,S. 2005: 97).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Cerpen yang berjudul *Campattiyam* (Pendapatan) membincangkan pula tentang kelemahan dan kesengsaraan yang dihadapi oleh perempuan yang diperguna oleh orang yang berada. Watak Kannagi yang berasal dari India berhijrah ke Singapura. Dia yang ingin mencari wang telah bekerja sebagai tukang tilik. Dia mengambil keputusan ini kerana mempercayai kata-kata manis kawannya, Bavani yang memberitahunya bahawa dia boleh mendapat pendapatan yang lumayan jika bekerja sebagai tukang tilik di Singapura. Di Singapura, dia berjumpa dengan Naina Muhamathu. Naina menawarkan pekerjaan dengan menyatakan,

> " .....saya yang menguruskan untuk Bavani. Saya kenal pelbagai jenis pelanggan. Sekurang-kurangnya boleh mendapat $300, ia akan tambah mengikut masa. Awak sangat muda dan jelita. Takkan awak balik ke negara asal dengan tangan kosong. Setuju... sahajalah, awak boleh mencari wang beribu-ribu pada masa yang singkat. Malam ini juga kita boleh bermula" (M.Ramaiah,1998: 43)

Kannagi agak terperanjat dan menyedari bahawa Naina ialah seorang bapa ayam. Baru dia tersedar bahawa selama ini Bavani menjalankan kerja pelacuran untuk mendapatkan wang. Sebaik sahaja diasedar akan perkara tersebut, dia terus pulang ke negara asalnya untuk menyelamatkan maruah dirinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Melalui cerpen ini karyawan M.Ramaiah ingin menasihati kaum wanita agar tidak cepat mempercayai kata-kata kawan tanpa menyelidik secara mendalam seperti watak Kannagi. Beliau sangat arif akan cita rasa dan memelihara martabat diri mereka. Pemikiran masyarakat India yang sangat menekankan kepentingan kaum wanita. Gadis-gadis diwajibkan menjaga kehormatan diri.

Sebagai seorang lelaki yang dewasa, cerpen beliau sangat memahami kesulitan yang dihadapi oleh kaum wanita jika terlibat dalam masalah sosial seperti ini. Oleh itu, cerpenis mencurahkan perasaan, pengalaman dan pandangan kehidupannya dalam cerpen ini sepertimana yang diterangkan dalam modul Genetik Goldman iaitu seseorang pengarang memanfaatkan karya sastera sebagai wadah yang merakamkan perasaan, pengalaman dan pandangannya tentang kehidupan berasaskan daya intelektualnya.

Masalah seperti ini masih berlaku dalam kalangan wanita-wanita yang ingin bekerja di luar negara. Menurut laporan PDRM, ejen yang memegang pasport wanita negara asing menawarkan tiga pilihan kepada mereka untuk membayar balik pinjaman kos perjalanan mereka iaitu memilih bekerja sebagai gadis pelayan pelanggan (GRO), berkahwin lelaki tua tempatan atau berkerjasama dengan ‘bapa ayam’ untuk menjadi pelacur (Laporan Polis Diraja Malaysia, 2012: 34)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Statistik PDRM juga menunjukkan pihak mereka berjaya menahan seramai 11,832 orang wanita warga asing yang terlibat dalam aktiviti pelacuran pada tahun 2012 berbanding dengan 11,919 orang wanita pada tempoh yang sama tahun sebelumnya iaitu tahun 2011. (Laporan Polis Diraja Malaysia, 2012: 37). Keselamatan mereka diancam oleh kaum lelaki yang tidak berperut hati. Berita tentang masalah seperti ini juga sering menjadi paparan media massa.

Selain itu, pada 16 Jun 2014 seramai 6,275 orang wanita warga asing telah ditahan oleh pihak berkuasa di Kuala Lumpur untuk membanteras kegiatan perjudian haram, gengsterisam dan pelacuran. Jumlah wanita yang ditahan mengikut negara adakah seperti yang dipaparkan dalam Jadul 4.7

Jadul 4.7

*Bilangan Wanita Warga Asing yang Terlibat dalam Aktiviti Pelacuran dari Januari hingga April 2014 di Malaysia*

| Bil | Nama Negara | Bilangan Pelacur |
|---|---|---|
| 1. | Vietnam | 2,113 |
| 2. | China | 1,661 |
| 3. | Thailand | 1,369 |
| 4. | Indonesia | 485 |
| 5. | Filipina | 212 |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



| | | |
|---|---|---|
| 6. | India | 94 |
| 7. | Laos | 28 |
| 8. | Bangladesh | 23 |
| 9. | Uganda | 16 |

Sumber : *Malaysia Nanban* 16 Jun 2014: 2

Jadual 4.7 membuktikan bahawa aktiviti pelacuran yang melibatkan wanita warga asing masih tinggi sehinggalah mencecah jumlah yang besar dan semakin meningkat. Menurut statistik ini sebanyak 94 orang wanita dari negara India juga turut terlibat dalam aktiviti terkutuk ini.

Akhbar *Malaysia Nanban* pada1 Jun 2014:4, juga menyiarkan berita tentang penipuan ejen atas wanita Sri Lanka yang ingin bekerja di neraga-negara Asia. Pada mulanya, ejen berjanji kepada wanita-wanita muda untuk mendapatkan pekerjaan sebagai penbantu rumah, kedai dan sebagainya tetapi apabila tiba di negara tersebut, mereka dipaksa menjadi pelacur.

Akhbar ini juga menerbitkan kisah tentang dua orang penari wanita dari negara India ke Singapura yang dipaksa melibatkan diri dalam pelacuran. Setelah menerima

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



aduan daripada mangsa, mereka diselamatkan oleh pihak polis Singapura dan dihantar pulang ke negara asal (*Malaysia Nanban*, 06 Julai 2014: 9). Kejadian seumpama ini yang mencemarkan nama baik sesebuah negara harus dicegah sama sekali. Oleh itu, pelacuran yang diutarakan sebagai masalah sosial dalam cerpen tersebut adalah satu realiti dalam kehidupan zaman moden sekarang yang penuh dengan pelbagai gejala negatif yang mengugut kedudukan dan martabat kaum wanita.

### 4.3.9 Masalah Pertukaran Agama

Negara Malaysia memberi hak kepada rakyat menganuti agama yang dipilih oleh mereka. Hak ini adalah sesuatu keistimewaan kepada rakyat Malaysia seperti yang diterangkan dalam Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan "Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkan agamanya". Hak kebebasan asasi lain terkandung dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan Perkara 5-13 (Helwa Mohammad Zainal Jasri Jamal, 2014: 13).

Walaupun demikian, jika seseorang itu memeluk agama lain tanpa kerelaan dirinya sendiri atau atas desakan faktor lain adalah dianggap sebagai perbuatan yang salah di sisi undang-undang. Cerpen *Ticai mariya paravaikal* (Burung yang Mengalih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Hala Tuju) menonjolkan kisah seorang budak miskin yang memeluk agama Kristian kerana kemiskinan.

Watak Velamma ialah seorang janda yang mempunyai empat orang anak. Beliau bersusah payah meneruskan kehidupannya. Anak sulungnya, Gurumurthy belajar dengan bersungguh-sungguh lalu mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan LCE. Susan Mei, kawan sekelasnya mula mempengaruhi Gurumurthy dengan mengajaknya tinggal di gereja. Dia menyatakan bahawa Gurumurthy akan mendapat bantuan dan segala kemudahan bagi meneruskan pelajarannya. Gurumurthy yang tertarik dengan tawaran Susan Mei menyampaikan hasratnya kepada ibunya dan meminta kebenaran,

> " Ya...lah emak. Mereka ini memberi peluang kepada pelajar miskin untuk tinggal dan makan serta belajar di gereja secara percuma."(M.Ramaiah,1998:204)

Setiap minggu Gurumurthy akan pulang ke pangkuan keluarganya. Namun, Lama-kelamaan Gurumurthy jarang balik ke rumahnya. Setelah peperiksaannya tamat, Velamma ke bandar untuk berjumpa dengan anaknya. Anaknya menyatakan bahawa dia sudahpun memeluk agama Kristian dan ingin membuat kerja-kerja sosial untuk *Jesus*, Tuhannya. Velamma terkejut dengan kata-kata Gurumurthy. Apabila Susan Mei melihat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Gurumurthy berbual-bual dengan ibunya, dia menyatakan bahawa Gurumurthy tidak perlu bercakap dengan orang yang rendah status. Gurumurthy pun mengikut Susan tanpa menghiraukan panggilan ibunya.

Tujuan cerpenis mengutarakan masalah ini adalah memberi kesedaran kepada golongan yang cepat melupakan pengorbanan ibu bapa mereka demi kesenangan hidup mereka. Beliau juga memberi peringatan bahawa sebagai manusia, kita harus mempunyai pengangan hidup yang tidak muda dipengaruhi oleh kata-kata manis, kemewahan dan kekayaan. M.Ramaiah juga turut menyindir golongan yang memeluk agama lain tanpa memikirkan kesan tindakan mereka terhadap keluarga, kebudayaan dan adat istiadat agama asal. Golongan yang mempergunakan kelemahan atau kemiskinan seseorang bagi memenuhi tujuan mereka sepertimana yang dilakukan oleh watak Susus Mei juga disindir oleh penulis.

Sebernarnya, kemiskinan hidup memaksa seseorang meninggalkan agama asalnya bagi mendapatkan bantuan dan perlindungan seperti yang dilakukan oleh watak pemuda dalam cerpen *Ticai mariya paravaikal* (Burung yang Mengalih Hala Tuju). Walaupun demikian, generasi muda tidak sepatutnya mudah melupakan pengorbanan orang tua mereka kerana tindakan mereka umpama kacang melupakan kulitnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Menurut M.Ramaiah, salah seorang daripada anaknya turut menghadapi masalah pertukaran agama oleh seorang guru (Temubual M.Ramaiah,10Jan 2014). Oleh itu, watak-watak yang digunakan dalam cerpen ini benar-benar wujud dalam kehidupan beliau. Justeru, beliau menggunakan cerita *(narrative)* dan alat-alat penceritaan *(narrative devices)* yang dijumpai dalam kehidupannya bagi mencerminkan masalah sosial ini untuk tatapan masyarakat India seperti yang diakui oleh Model Pencerminan Lukacs iaitu kedua-dua aspek ini mampu memaparkan realiti sesebuah masalah sosial yang terdapat dalam masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, cerpenis M.Ramaiah memang mahir dalam memilih masalah sosial yang sensitif lalu membincangkannya dengan cara tersendiri tanpa menyinggung perasaan pembaca. Masalah kemiskinan menjadi punca seseorang memeluk agama lain yang mampu menghulurkan berbagai-bagai jenis bantuan seperti bantuan keperluan asas, pendidikan, kemudahan penginapan dan bantuan-bantuan lain yang mempengaruhi remaja dari keluarga yang miskin memeluk agama lain.

Seterusnya, pada 31 Mei 2014: 6, akhbar *Malaysia Nanban* telah memaparkan berita tentang kes pertukaran agama. K.Patmanathan (Muhamad Riduan Abdullah- nama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Islam) seorang lelaki yang beragama Hindu telah memeluk agama Islam tanpa pengetahuan isterinya, Indra Ghandi. Dia juga memaksa anak-anak mengikut jejaknya tanpa persetujuan ibu mereka. Kes ini telah menjadi satu isu yang sensitif dalam kalangan masyarakat umum pada tahun 2008. Makahmah Tinggi Ipoh telah mengarahkan si bapa itu supaya menyerahkan anak-anaknya kepada ibu kandung.

Selain itu, pada 08 Jun 2014:5 pula, akhbar yang sama menerbitkan berita tentang kes Jabatan Pendaftaran Hal Ehwal Islam yang membatalkan perkahwinan Syarina yang memeluk agama Hindu selepas mengahwini seorang suaminya beragama Hindu. Oleh itu, jelaslah bahawa masalah sosial ini masih berleluasa dan sesuai dibincang pada masa sekarang. Walaupun masalah pertukaran agama masih berlaku pada abad ini, kerajaan Malaysia sentiasa sedia mengambil tindakan yang wajar atas sesiapa yang melanggar undang-undang yang berkaitan dengan hal pertukaran agama (Helwa Mohammad Zainal Jasri Jamal, 2014: 14)

.

### 4.3.10 Masalah Pengabaian Tanggungjawab

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Aspek kebendaan ialah sesuatu yang sangat penting dalam kehidupan dunia ini. Kini, sikap materialistik atau perlakuan mengejar kebendaan semakin menguasai minda manusia. Orang yang kaya akan menjadi pemerintah kepada orang miskin. Manusia juga mengejar kebendaan untuk memperoleh status kehidupan yang tinggi kerana setiap manusia secara umumnya tidak dapat lari daripada nafsu mengejar harta. Keinginan memiliki harta juga dianggap sebagai nafsu manusia yang sukar dikawal (Sapardi Djoko Damono, 1978: 67). Golangan yang mempunyai harta yang banyak dianggap sebagai golongan yang berstatus tinggi dan patut dihormati. Masyarakat India juga mempunyai konsep yang sama terhadap harta.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cerpen seterusnya membincangkan sikap ibu bapa yang mengejar kebendaan sehinggalah melupakan tanggungjawab mereka hakiki. Watak Thannimalai dan Paanchalai tinggal di ladang bersama-sama tiga orang anaknya. Paanchalai ingin bekerja kilang di bandar tetapi suaminya tidak membenarkannya kerana dia pun bekerja di bandar sebagai pengawal keselamatan. Paanchalai beranggapan bahawa sekiranya dia bekerja di kilang, dia dapat membeli barangan kemas dan menyimpan wang. Dia berjaya memujuk suaminya supaya membenarkannya bekerja di bandar. Setiap hari, Paanchalai bekerja hingga larut malam. Dia tidak dapat meluangkan masa bersama anak-anaknya. Anak bongsunya mengadu bahawa kakaknya lambat pulang setiap hari kerana keluar dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



kawan-kawannya. Paanchalai mengadu hal ini kepada suaminya. Mereka menegur dan menasihati anak perempuan mereka tetapi dia tidak mempedulikannya. Pada satu malam anak perempuan mereka ditahan oleh polis kerana berada di kawasan kelab malam. Paanchalai sedar akan kesilapannya lalu berhenti kerja.

Melaluli cerpen ini, cerpenis ingin mencetuskan kesedaran kepada para ibu bapa tentang kepentingan mendidik anak. Sebagai bapa kepada empat orang anak, cerpenis M.Ramaiah menyedari tugas mendidik anak-anak adalah antara tanggungjawab yang penting ibu bapa. Pada masa dahulu, wanita digalakkan menjadi suri rumah tangga supaya anak-anak diasuh oleh ibu. Dengan ini, anak-anak dipupuk dengan nilai-nilai murni semenjak kecil lagi kerana melentur buluh biarlah daripada rebungnya. Melalui cerpen *Ilappu* (Kerugian) penulis ingin memberi nasihat kepada ibu bapa yang suka mengejar kebendaan dengan mengabaikan tanggungjawab utama mereka sebagai ibu bapa.

Sehubungan dengan itu, M.Ramaiah dalam cerpen-cerpennya berazam untuk menyedarkan ibu bapa akan tugas mereka kerana remaja yang dibiarkan tanpa pengawasan ibu bapa akan terdedah kepada pelbagai gejala sosial. Watak anak perempuan dalam cerpen ini ditangkap oleh pihak polis kerana berada di kawasan kelab

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



malam. Anak-anak, khususnya kaum remaja pastinya memerlukan pengawasan orang tuanya supaya masalah sosial seperti ini tidak berulang. Cerpenis M.Ramaiah memilih masalah sosial yang ketara berlaku dalam kehidupan harian untuk menyalurkannya dalam karya sasteranya seperti yang digambar oleh Georg Lukacs dalam model pencerminannya iaitu, kesusasteraan sebagai cermin yang membalikkan objek atau realiti yang berada di hadapan pengarang.

Jika dikaji, masalah sosial ini satu realiti dalam masyarakat India. Kini, kaum wanita menceburi dalam semua bidang pekerjaan. Permintaan pekerja wanita semakin meningkat lalu wanita yang menjadi suri rumahtangga semakin berkurangan. Oleh sebab itu, permintaan untuk pembantu rumah agak meningkat baru-baru ini terutamanya untuk menjaga dan mengurus anak-anak di rumah.

Akhir sekali, Presiden Majikan Amah Malaysia (MAMA) Engku Ahmad Fauzi Engku Muhsein berkata bahawa golongan yang terdesak untuk mendapatkan pembantu rumah sanggup membayar kos yang lebih tinggi dituntut oleh beberapa agensi. Menurutnya kebanyakan orang tidak mempunyai pilihan lain dan terpaksa membayar sejumlah besar wang yang diminta oleh agensi. Jika tidak mempunyai pembantu rumah, hal ini akan menjejaskan produktiviti mereka di tempat kerja dan kehidupan mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



secara umum. Beliau turut menyatakan bahawa terdapat sebanyak 200,000 orang rakyat Malaysia berada dalam senarai yang menunggu pembantu rumah sehingga kini (Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia). Keadaan sedemikian membuktikan masalah sosial ini sesuai dengan zaman sekarang.

### 4.3.11 Masalah Tidak Menjaga Ibu Bapa

Banyak faktor menyebabkan orang tua diabaikan sehingga ada anak yang sanggup menghantar ibu atau bapa mereka ke rumah orang-orang tua atau membiarkan mereka tinggal bersendirian. Kecacatan, penyakit nyanyuk, tidak bersefahaman antara anak atau menantu dengan ibu bapa, kesibukan anak dengan tugas seharian dan masalah kewangan antara sebab berlakunya gejala ini dalam masyarakat hari ini.

Gelaran istimewa diberikan kepada keluarga yang menjaga orang tua iaitu *Kukuttuk kutumpam* (Keluarga Bersatu). Masalah tidak menjaga ibu bapa dibincangkan dalam cerpen *Kani nilam ventum* (Memerlukan Sebidang Tanah). Watak Arasu membeli sebuah rumah di kampung *Kurinci*. Ibu, isteri dan adik perempuannya pergi ke rumah tersebut sebelum berpindah ke situ. Di kawasan perumahan tersebut terdapat sebuah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



rumah agak usang. Penghuninya ialah seorang warga tua. Dia mempunyai lima orang anak. Selepas suaminya meninggal dunia, dia ditinggalkan oleh anak-anaknya. Anak-anaknya memintanya,

> "Emakkan mendapat pencen ayah. Buat apa duduk seorang di rumah ini....jual sahajalah. Bahagikan wang jualan tanah ini kepada kami semua. Emak boleh ke rumah orang-orang tua." (M.Ramaiah, 2008: 17)

Dia sangat kesal mempunyai anak-anak seperti ini. Akhirnya, anak perempuan dan dua orang cucunya yang telah pulang dari Amerika tinggal bersama-samanya kerana menantunya meninggal dunia. Dalam kehidupan berkeluarga, ibu bapa sentiasa menunaikan keperluan dan permintaan anak-anak mereka sebaliknya, anak-anak itu bersikap kacang melupakan kulit, setelah sudah besar dan boleh berdikari lalu orang tuanya ditinggalkan begitu sahaja.

Cerpenis M.Ramaiah ingin memberi kesedaran tentang tanggungjawab anak-anak terhadap orang tua mereka yang bertungkus-lumus dan bersengkang mata membesarkan anak-anak. Cerpenis yang berumur ini sudah banyak makan garam dan sangat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



berpengalaman adalah sangat memahami masalah-masalah warga emas yang diabaikan oleh waris-waris mereka.

Oleh itu, beliau mencurahkan perasaan, pengalaman dan pandangan hidupannnya dalam karya ciptaannya sepertimana yang diterangkan oleh model Gentik oleh Lucien Goldmann iaitu segala perasaan, pengalaman dan pandangan pengarang dianggap bertitik mula dan dipengaruhi oleh persekitaran yang melingkungi pengarang tersebut. Cerpen *Tirutti elutiya tirppu* (Menukar Keputusan yang Ditulis) juga diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia dengan tujuan memyampaikan hasratnya kepada pembaca berbilang kaum (M.Ramaiah, 2013:88-93).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masyarakat India memupuk pelbagai nilai murni dalam diri anak-anak mereka sejak kecil lagi supaya anak-anak ini menghormati dan menghargai ibu bapa mereka. Sikap menjaga ibu bapa adalah sesuatu tanggungjawab yang sangat penting seperti yang ditegaskan oleh ayat *Atticcuti* yang berbunyi *tantai tay pen* (Menjaga Ibu Bapa). Selain itu, pepatah yang berbunyi *mata:*, *pita:*, *kuru*, *teyvam* (emak, bapa, guru, Tuhan) juga menekankan bahawa ibu bapa dianggap sebagai Tuhan yang hidup bersama-sama kita.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Beliau turut memberi peringatan kepada gologan yang bersikap mementingkan diri sendiri dan melupakan tanggungjawab mereka terhadap orang lain harus sedar. Perlakuan mengabaikan ibu bapa tanpa melaksanakan tanggungjawab sebagai anak adalah semakin meningkat pada era moden ini.

Selalunya warga tua yang dibiarkan ini akan ke rumah orang tua. Rumah Sri Kenangan yang menjadi pelindung setia kepada warga emas di seluruh negara seperti yang disenaraikan dalam Jadual 4.8 yang membuktikan bahawa gererasi muda mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap orang tua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.8

*Bilangan Penghuni Orang Tua Mengikut Institusi dan Jantina dari Tahun 2012 hingga 2014 di Malaysia*

| Institusi | 2012 | | 2013 | | 2014 | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | L | P | L | P | L | P |
| RSK Bedong | 176 | 100 | 193 | 99 | 204 | 96 |
| RSK Cheng | 96 | 81 | 103 | 84 | 93 | 85 |
| RSK Cheras | 71 | 51 | 97 | 78 | 100 | 76 |
| RSK Pengkalan Chepa | 64 | 53 | 73 | 62 | 71 | 64 |
| RSK Johor Bahru | 148 | 105 | 176 | 102 | 190 | 103 |
| RSK Seramban | 171 | 89 | - | - | - | - |
| RSK Taiping | 83 | 69 | 94 | 79 | 92 | 77 |
| RSK Tanjung Malim | 152 | 72 | 164 | 81 | 165 | 79 |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



| | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Jumlah | 1,014 | 681 | 1,695 | 972 | 659 | 1,631 | 984 | 652 | 1,636 |

Sumber: PPe Jabat Kebajikan Malaysia, 2014

Oleh itu, maklumat dalam Jadual ini menjadi bukti yang kukuh bahawa masalah tidak menjaga ibu bapa masih berleluasa dan sesuai dibincangkan pada zaman sekarang.

### 4.3.12 Masalah *Dowry* (Mas Kahwin)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

*Dowry* merupakan penyerahan (hadiah) berbentuk barangan atau sejumlah wang daripada keluarga isteri kepada pihak keluarga suami. *Dowry* perlu disediakan oleh pihak isteri. Umum mengetahui bahawa *Dowry* sering dikaitkan dengan masyarakat India. Kadangkala amalan ini boleh disalahgunakan dan situasi ini telah membawa kepada fenomena *dowry death* apabila si isteri dibunuh atau membunuh diri akibat gangguan atau deraan daripada pihak suami kerana keluarga si isteri gagal membayar dowry yang lebih tinggi seperti yang dikehendaki oleh pihak suami (Sarathambal,S. 2005: 91).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Persoalan mengejar kebendaan dalam cerpen *Tuninti vittal* (Memberanikan dirinya) memaparkan keinginan seorang lelaki memiliki harta pusaka keluarga tunangnya. Watak Shanmugam ialah tunang Suguna. Suguna dibesarkan oleh ibu tunggal. Suguna dan ibunya begitu lama mendesak Shanmugam supaya mengadakan majlis perkahwinan. Namun, Shanmugam sengaja berdiam diri. Akhirnya, dia ingin mendaftarkan perkahwinan mereka dahulu. Suguna pun terpaksa menuruti kehendak tunangnya. Selepas urusan pendaftaran perkahwinan mereka selesai, Shanmugam mengatakan,

> "Jika awak nak saya mengikat *taali* (tanda perkhawinan bagi masyarakat India) pada leher awak (berkahwin secara tradisional), emak awak harus menukar hak memilik harta pusakanya atas nama saya." (M.Ramaiah, 1998: 114)

Suguna dan ibunya terkejut mendengar permintaan Shanmugam. Suguna enggan berbuat demikian kerana harta pusaka berupa rumah adalah satu-satunya harta ibunya.

Cerpenis menasihati kaum wanita supaya berhati-hati semasa memilih pasangan hidup dan tidak memilih lelaki yang tidak mampu berdikari sebaliknya menginginkan harta pasangannya. Lelaki seumpama ini tidak dapat memberi kasih sayang sepenuh kepada pasangan hidupnya kerana tumpuannya adalah pada harta dan kekayaan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



akan diterima melalui pasangannya. Beliau juga menyindir golongan lelaki yang ingin menjalani kehidupan atas harta isteri seperti watak Shanmugam. Berdasarkan Model Pencerminan Lukas sesebuah karya sastera memaparkan secara jelas dan terperinci tentang realiti kehidupan dalam masyarakat. Ekoran ini, Cerpenis M.Ramaiah berjaya menonjolkan masalah *dowry* dengan jelas dan terperinci melalui cerpen karyanya.

Kemungkinan besar kes-kes penderaan atas kaum wanita yang berkaitan dengan masalah *dowry* di negara India membuka minda cerpenis M.Ramaiah supaya memilih masalah sosial ini dan dibincangkan dalam cerpennya. Di negara India, masalah sosial ini masih lagi berlaku dan hangat diperdebitkan oleh masyarakat umum. Pihak pasangan wanita diwajibkan memberi *dowry* perkahwinan kepada pihak lelaki. Jika, pihak perempuan yang tidak mampu memberi *dowry* yang dituntut, anak mereka mungkin tidak dapat berkahwin atau pasangan wanita ini didera secara fizikal dan mental selepas berkahwin sehingga tuntutan ditunaikan.

Mengikut National Crime Records Bureau (NCRB), pada tahun 2012 sebanyak 233 orang wanita keturunan Tamil di negara India menjadi mangsa keganasan akibat *dowry*. Kematian berkaitan dengan masalah ini pula meningkat sebanyak 3% dalam tempoh lima tahun yang lepas. Pada tahun 2011, kes-kes yang dilaporkan berkaitan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



dengan masalah *dowry* adalah sebanyak 99,135 kes (National Crime Records Bureau, India 2013). Dengan ini jelaslah bahawa, masalah ini masih mengugut kaum wanita di negara India.

Di Malaysia pula, masalah ini dapat ditanggani di negara Malaysia kerana pihak berkuasa mengambil tindakan yang tegas terhadap pihak yang melakukan penderaan atas kaum wanita. Masalah *dowry* lebih ketara pada awalnya ketika masyarakat India menetap di negara ini. Pada masa itu, pemikiran masyarakat India masih dikongkong oleh adat tradisi negara asal mereka namun lama- kelamaan masalah menuntut *dowry* semakin berkurangan akibat pengaruh daripada adat istiadat perkahwinan pelbagai kaum di negara ini. Selain itu, reformasi sosial yang dilancarkan di nagara ini turut mengubah pandangan masyarakat terhadap *dowry.*

Jika masalah ini masih berlaku pada zaman ini, sudah pasti wanita seperti watak Suguna akan membatalkan pertunangannya. Pada masa dahulu, lelaki India diberi hak untuk menuntut harta, emas, wang tunai dan barang keperluan yang lain daripada pihak pasangan perempuan sebagai *dowry.* Perkara inilah yang menyebabkan kelahiran anak lelaki sememangnya menjadi idaman setiap keluarga berbanding dengan anak perempuan. Terdapat juga pepatah yang berbunyi *Aintu penpillaiyai perral, aracanum anti avan* yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



bermaksud jika seorang raja mempunyai lima orang anak perempuan dia juga akan turut menjadi papa kerana terpaksa memberi *dowry.*

Putaran masa telah membawa perubahan minda dalam kalangan masyarakat India. Kini, keadaan sebaliknya pula berlaku. Pasangan yang mempunyai anak perempuan yang ramai terselamat daripada dihantar ke rumah orang tua. Golongan wanita sekarang berganding bahu dan saling membantu umpama aur dengan tebing dalam menguruskan hal kewangan keluarga. Oleh itu, perbelanjaan untuk melangsungkan majlis perkahwinan dalam kalangan masyarakat moden turut dikongsi oleh kedua-dua pihak lelaki dan perempuan. Hantaran perkahwinan pula bergantung pada kemampuan dan keinginan pihak perempuan dan tidak diwajibkan malah memadai hanya mengikut salah satu adat isitadat perkahwinan sahaja. Kesimpulannya, masalah seumpama ini kurang sesuai dengan corak kehidupan masyarakat India sekarang.

### 4.3.13 Masalah Orang Kurang Upaya

Seseorang yang tidak berupaya menentukan sendiri bagi memperoleh sepenuh atau sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu dan tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan sesuatu kekurangan samasa dari segi fizikal atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



mental dan samada ia berlaku semenjak lahir atau kemudian dari itu dianggap sebagai orang kurang upaya (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2008: 1).

Melalui cerpen *Parivum Pacamum* (Prihatin dan Kasih Sayang), cerpenis M.Ramaiah mengutarakan masalah sosial yang dihadapi oleh seorang kurang upaya. Ibu bapa Santhanam ingin meminang anak perempuan Kanthasamy. Kanthasamy pula menolak lamaran itu. Dia berasa marah lalu mencaci mereka dengan mengatakan bahawa dia tidak sanggup mengahwinkan anaknya dengan seorang lelaki yang cacat anggota.

Pada awalnya, Kanagam, anak perempuan Kanthasamy selalu mengejek dan mentertawakan Santhanam. Dia memandang rendah terhadap Santhanam. Lama-kelamaan sikap suka memperli ini berubah menjadi perasaan belas kasihan. Kanagam mula bersimpati dan prihatin terhadap Santhanam apabila melihat dia sukar menjalani rutinnya tanpa bantuan orang. Hati Kanagam pula berbisik,

> "Orang yang seperti kita serba lengkap pun menghadapi pelbagai kesukaran untuk melakukan sesuatu kerja. Apatah lagi orang kurang upaya seperti dia... Kasihannya." (M.Ramaiah, 1967: 13)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Perasaan kasih sayang dan sikap prihatinnya bertukar menjadi perasaan cinta. Santhanam juga mencintainya. Walaupun terdapat berbagai-bagai perselisihan faham antara kedua-dua pasangan itu namun perasaan cinta yang berputik dalam diri mereka telah memadamkan sebarang perasaan marah. Cinta sejati tidak mengenali apa-apa halangan dan perbezaan.

Melalui cerpen ini penulis menyeru penbaca agar tidak memandang rendah terhadap orang kurang upaya. Mereka juga insan yang mempunyai jiwa dan perasaan sama seperti manusia biasa. Orang kurang upaya juga berkebolehan tinggi dan jika diberi peluang mereka akan berusaha bersungguh-sunguh dan mengecapi kejayaan dalam kehidupan. Melalui cerpen, karyawan M.Ramaiah cuba mencurahkan perasaan dan pengalamannya tentang kehidupan orang kurang upaya dalam karya sastera yang dihasilkannya seperti yang diterangkan dalam Model Genetik Goldmann iaitu pengarang akan mencurahkan perasaan, pengalaman dan pandangan hidupan dalam karya ciptaannya.

Kecacatan anggota badan bukanlah sesuatu perkara yang luar biasa pada zaman sekarang. Sebenarnya, golongan ini diberi perhatian istimewa dan galakan sepadu untuk memajukan diri sendiri. Kini, berbagai-bagai peluang seperti peluang pendidikan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



kerjaya, latihan kemahiran, latihan mengurus diri sendiri, bantuan kewangan, kaunseling dan sebagainya disediakan untuk golongan ini.

Seterusnya, Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Wan Mohd Noor Wan Endut berkata bahawa setiap tahun pihaknya menerima lebih daripada 2,000 permohonan untuk memasuki sekolah menengah Vokasional Pendidikan Khas (SMVPK). Beliau menambah bahawa pihaknya memastikan supaya golongan ini diberi layanan sama rata seperti pelajar lain bagi meningkatkan keyakinan mereka menghadapi dunia kelak (Utusan Malaysia, 17 Jun 2014:6).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, program pembangunan OKU di peringkat kebangsaan dimulakan dengan mengiktirafkan tahun Antarabangsa Orang Kurang Upaya pada tahun 1980 dan melancaran *The World Programme of Action Concerning Disabled Persons* pada tahun 1982. Kerajaan Malaysia juga telah memperkenalkan Dasar Kebajikan Negara (DKN) pada tahun 1990 untuk meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan golongan istimewa ini.

Tambahan pula, di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 pula, sasaran Kementerian Pelajaran adalah untuk mencapai 30% enrolmen pelajar yang berkeperluan Khas (MBK) pada tahun 2015. Pada tahun 2013, Kementerian telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



mencapai satu pertiga daripada sasaran, iaitu 9.2% MBK yang kini berdaftar di bawah Program Pendidikan Inklusif. (Utusan Malaysia, 17 Jun 2014:7).

Oleh sebab itu, masalah orang kurang upaya yang dihina dan ditolak lambarannya dalam cerpen *Parivum Pacamum* (prihatin dan kasih sayang) kurang sesuai berdasarkan cara kehidupan masyarakat India pada era moden ini. Masyarakat kini menyedari bahawa orang kurang upaya juga mampu berdikari dan tidak lagi mengharapkan keprihatinan dan simpati oarn lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 4.4 Masalah Berkaitan Dengan Ekonomi

Kemajuan dalam bidang ekonomi bukan sahaja sangat penting bagi sebuah negara malah aspek ini ialah keperluan asas kepada sesebuah keluarga dan individu. *Tirukkural (Kuplat:245) Arul illatavarukku avvulakamillai, porul illatavarukku* turut menekankan bahawa tiada kehidupan di dunia fana tanpa wang umpama tiada kehidupan di akhirat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




tanpa keimanan. Kini, masalah ekonomi boleh memusnahkan kemajuan manusia. Manusia memerlukan makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan, kemudahan perubatan, keselamatan dan sebagainya. Semua keperluan ini tidak dapat diperoleh tanpa wang. Kehidupan dan kemajuan manusia akan hancur tanpa wang. Masyarakat India juga memang menghadapi berbagai-bagai masalah ekonomi sejak dari dahulu lagi.

Seterusnya, kategori ekonomi mengutarakan 5 jenis masalah berdasarkan lapan buah cerpen yang mengemukakan pelbagai kesulitan ekonomi. Kategori tersebut ditunjukkan dalam

Rajah 4.3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




*Rajah 4.3*. Masalah Sosial Berkaitan Ekonomi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 4.4.1 Masalah Pendapatan Rendah (Isi Rumah)

Pendapatan boleh juga dikatakan sebagai gaji atau upah. Hasil pendapatan atau gaji yang sedikit akan menimbulkan pelbagai masalah kewangan kepada seseorang individu atau sesebuah keluarga. *Anivar* (Akar Tunjang) karya cerpen M.Ramaiah mengungkapkan masalah sosial dan kesengsaraan hidup sebuah keluarga ekoran pendapatan rendah.

Pada tahun 1970-an penduduk ladang diberi peluang menyertai program penerokaan tanah FELDA. Di bawah program ini, hanya sebanyak 1% penduduk kaum India sahaja berpindah ke tanah penerokaan FELDA (*Time right to harvest plots of gold. Sunday Star,* 23April1997). Peluang ini tidak direbut oleh Vellaisamy tetapi Mutaiya pula tidak mahu melepaskan peluang keemasan ini.

Selepas tujuh tahun kemudian barulah Vellaisamy menyedari akan kesilapannya lalu berasa kesal kerana tidak membuat keputusan yang tepat. Pada masa itu, dia hanya memikirkan keuntungan semasa sahaja dan tidak mempedulikan kemajuan dan keuntungan jangka panjang. Dia agak terkejut dengan kemajuan Mutaiya dan keluarganya. Dia berasa sedih apabila mengetahui bahawa anak-anak Mutaiya berjaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



menjejakkan kaki hingga peringkat universiti sedangkan anak-anaknya pula hanya mengikuti jejaknya bekerja sebagai pekerja ladang.

Melalui cerpen ini, cerpenis M.Ramaiah menegaskan bahawa keputusan ketua keluarga yang tidak tepat akan membantutkan kemajuan sesebuah keluarga. Sebagai ketua keluarga, kaum lelaki berperanan penting menentukan nasib dan masa depan keluarganya. Oleh itu, ketua keluarga haruslah merebut sebarang peluang yang disediakan memelihara kesejahteraan keluarga dan menjauhi masalah kemiskinan. Sebenarnya, kemiskinan akan membantutkan kemajuan keluarga khususnya kemajuan anak-anak dalam bidang pendidikan mereka seperti dialami oleh anak-anak Vellaisamy.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam cerpen ini, penulis turut membuat perbandingan antara dua keluarga yang mempunyai masalah ekonomi. Kemiskinan dapat ditangani oleh ketua keluarga yang membuat keputusan tepat sama seperti Watak Mutaiya manakala kesengsaraan hidup yang tiada kesudahannya akan dialami sekiranya ketua keluarga enggan melakukan sebarang perubahan sama seperti watak Vellaisamy. Beliau ingin memberi nasihat kepada ketua keluarga melalui watak Vellaisamy dan Mutaiya supaya berfikiran rasional tanpa terlalu mengikut perasaannya semasa membuat sesuatu keputusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Masyarakat yang tidak berpendidikan pastinya menjadi masyarakat yang bakal menghadapi pelbagai masalah sosial kelak. Perkara ini sangat difahami oleh ketua keluarga pada masa kini. Generasi terbaru sentiasa merebut peluang dan ingin mencuba sesuatu yang baru. Oleh itu, masalah ini agak tidak sesuai dengan corak kehidupan masyarakat sekarang.

Karyawan M.Ramaiah memilih Model Pencerminan Lukacs untuk menggembangkan aspek penulisan seperti watak, perwatakan dan konflik. Beliau menjadi *participant* iaitu watak yang terlibat secara langsung dalam kebudayaan masyarakat yang melingkunginya iaitu masyarakat India pada tahun 1970-an. Oleh itu, seseorang pengarang dapat merakamkan kebudayaan masyarakat sebaik-baiknya melalui perjalanan, kreativiti, daya intelektual serta imaginasinya dengan membuat perbandingan yang mewujudkan konflik.

Di samping itu, sebuah lagi cerpen juga membincangkan masalah yang sama. Cerpen yang berjudul *Pattu velli* (Sepuluh Ringgit) memaparkan masalah yang berkaitan dengan pendapatan yang rendah. Watak Vetha meminta anaknya supaya memasakkannya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



lauk ikan. Setiap kali diminta Vetha berjanji untuk memasak lauk ikan selepas mendapat gaji namun permintaannya tidak pernah ditunaikan. Dia bertanya,

> "Kanna, emak masak ikan sardin bolehkan?" Anaknya berkata, "Saya tak naklah ... emak. Saya hendak ikan yang dalam air bukannya dalam tin." (M.Ramaiah, 1991: 197)

Walaupun Vetha tidak mampu membeli ikan, Vetha ingin menunaikan kehendak anaknya itu. Vetha meminjam sepuluh ringgit daripada jirannya lalu meminta suaminya membelikan ikan di bandar pada keesokan hari. Suaminya Kanthasamy pula menyesal dan sangat sedih kerana tidak mampu menjaga hal makan minum keluarganya dengan sempurna. Oleh itu, dia terus ke sungai dan bertekad memancing sebanyak ikan yang boleh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Karyawan M.Ramaiah ingin memaparkan kesengsaraan yang dihadapi oleh pasangan suami isteri yang menjalani kehidupan harian mereka dalam keadaan serba kekurangan sehinggalah tidak mempunyai wang untuk membeli makanan untuk anak-anak mereka. Tujuan beliau mencipta cerpen ini adalah menegaskan bahawa kemiskinan keluarga pasti akan membawa kehampaan dan kemudaratan kepada sebuah keluarga dan seterusnya seluruh masyarakat. Beliau menyeru agar masyarakat India maju

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



ke hadapan untuk membasmi kemiskinan yang menghampa kaum India pada tahun 1990-an.

Masalah ekonomi yang dibincangkan dalam cerpen *Pattu velli* (Sepuluh ringgit) ialah masalah yang ketara dalam kalangan masyarakat India pada awal 1990-an. Pada masa itu, pendapatan masyarakat India yang menetap di ladang sangat rendah. Purata gaji pada tahun 1982 bagi sebuah keluarga yang mempunyai lima orang ahli adalah antara RM384 hingga RM494 sahaja (Janakey Raman Manickam, 2011:199). Masalah pendapatan rendah menyebabkan watak ibu dan bapa dalam cerpen ini menghadapi berbagai-bagai cabaran untuk mendapatkan sepuluh ringgit semata-mata untuk membeli barang dapur.

Kini, masyarakat India semakin maju dalam semua bidang dan memiliki kedudukan kewangan yang baik. Oleh itu, mereka mempunyai wang untuk membeli bahan makanan untuk memenuhi keperluan dan permintaan anak. Bukan itu sahaja, malahan mereka sudahpun memegang pelbagai jawatan tertinggi sama ada dalam sektor awam mahupun swasta. Menurut Jabatan statistik Negara, kajian atas 42 ribu orang ahli keluarga didapati pendapatan bulanan keluarga meningkat sebanyak 8.5 peratus iaitu jumlah pendapatan sebuah keluarga meningkat daripada RM5000 kepada RM5919

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



(*Makkal Osai*, 11Oktober 2014: 3).

Terdapat juga pihak-pihak tertentu yang murah hati menghulurkan bantuan kewangan kepada keluarga miskin. Misalnya, sebuah keluarga miskin yang mempunyai sepuluh orang anak termasuk seorang anak kurang upaya menerima bantuan daripada Persatuan Kasih Sayang di Subang (*Makkal Osai*, 09 March 2014:4). Pada masa sekarang, keluarga miskin sentiasa menerima berbagai-bagai bantuan daripada pelbagai pihak. Kerajaan Malaysia juga menganjurkan pelbagai program pembasmian kemiskinan serta menghulurkan bantuan kewangan seperti BR1M untuk membendung masalah kemiskinan, terutama kemiskinan tegar. Oleh hal yang demikian, masalah kemiskinan ekoran pendapatan rendah semakin kurang. Maka, masalah sosial ini kurang sesuai berdasarkan keadaan taraf hidup masyarakat sekarang.

### 4.4.2 Masalah Perbezaan Ekuiti Antara Kaum

Ekuiti bermaksud pemilikan yang sama rata atau saksama dan adil dalam sebuah organisasi. Jurang perbezaan antara kaum adalah jauh berbeza pada zaman sebelum merdeka berbanding dengan zaman sesudah merdeka. Sebelum merdeka, setiap kaum dipisahkan mengiku tempat-tempat yang berbeza berdasarkan pekerjaan masing-masing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Keadaan ini telah mengeruhkan kestabilan ekuiti antara masyarakat majmuk di Malaysia. Menurut Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara, "..... *Pemilikan ekuiti kaum India bertambah sejak tahun 1970 dan kekal dalam lingkungan kurang daripada 1% sahaja daripada jumlah saham di sektor korporat, langkah khusus perlu diambil untuk memperbaiki keadaan ini*." (laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara,1991:238)

Dalam cerpen yang berjudul *Atutta murai parkkalam* (Lain Kali Cuba Dapatkan) dibincangkan tentang jurang perbezaan antara kaum yang hidup di negara ini. Muthusamy merupakan seorang mandor di ladang namun begitu keluarganya hidup dalam keadaan serba kekurangan. Omar dan Kassim yang merupakan pekerja bawahannya pula hidup mewah.

Muthusamy ingin memiliki rumah sendiri dan dia telah memohon untuk mendapatkan rumah murah . Kassim, Omar dan Daud telah mendapat tawaran itu tetapi malangnya tiada seorang pun kaum India pun mendapat tawaran tersebut termasuklah Muthusamy. Oleh itu, dengan segera Muthusamy ke rumah Muthuvel untuk mengetahui hal sebenar. Muthuvel menyatakan bahawa rumah-rumah itu dibina di atas tanah rezab. Oleh itu, kaum India tidak dapat memilikinya. Muthusamy tidak berpuas hati dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



keputusan kerajaan memberi rumah murah yang diberi oleh kerajaan kepada kaum Melayu sahaja.

Pada tahun 1990-an masalah kemiskinan menyebabkan masyarakat India berprasangka terhadap sistem yang memperuntukkan rumah tanah kepada bumiputera di Malaysia. Cerpenis menonjolkan masalah ini untuk menasihati masyarakat supaya tidak bersikap malas dan hanya bergantung kepada kerajaan. Sebagai rakyat Malaysia, mereka harus berusaha memajukan diri sendiri dan negara bukannya bergantung kepada kerajaan semata-mata.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selepas merdeka, jurang perbezaan antara kaum kurang ketara. Kerajaan berusaha membahagi-bahagikan kemudahan, peluang dan perkhidmatan dengan sama rata. Cerpen ini ditulis pada tahun 1990-an. Oleh itu, cerpenis lebih cenderung memilih masalah sosial yang menjadi isu dalam kalangan masyarakat umum, terutama kaum India. Keberanian beliau untuk menyalurkan pendapatnya dalam cerpennya. Namun, keberanian beliau untuk memilih masalah-masalah yang agak sensitif patut dipuji. Salah satu Model Teori Marxisme iaitu Model Genetik menerangkan bahawa karyawan dianggap sebagai peniru terhadap pemikiran masyarakat. Pemikiran masyarakat pada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



zaman itu memang telah ditiru oleh cerpenis M.Ramaiah sebagai idea untuk karya ciptaannya.

Sejak dahulu lagi, kerajaan Malaysia cuba sedaya upayanya memperkukuh perpaduan antara kaum majmuk. Bermula dari tahun 2012, pelbagai bantuan terbaru diagihkan oleh kerajaan kepada rakyat Malaysia melalui "Bantuan Kerajaan 1Malaysia". Batuaan perumahan 1Malaysia (PR1MA) ialah salah satu bantuan yang terunggul bagi memajukan tahap kedudukan rakyat Malaysia. Melalui bantuan ini, semua golongan masyarakat dapat memiliki rumah sendiri mengikut kemampuan masing-masing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, masyarakat India juga mendapat pelbagai bantuan perniagaan. Sebagai contohnya, Razali Ketua UMNO Bahagian Muar berkata, "antara tahun 2012 hingga 2013 sebanyak 8,107 permohonan diterima daripada usahawan India sebanyak RM119.4 juta sudahpun disalurkan kepada mareka". Maklumat ini diberikan oleh beliau dalam pertemuan dengan Ketua-Ketua UMNO Cawangan Zon Parit Jawa di Taman Sri Bukit Mor (Utusan Malaysia,11 Feb 2014: 14).

Seterusnya, Menteri Besar Selangor Tan Sri Khalid Ibrahim pula telah mengumumkan bahawa sebanyak 96 buah sekolah Tamil yang terdapat di seluruh negeri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Selangor akan mendapat peruntukan sebanyak empat puluh ratus ribu ringgit Malaysia. Beliau turut menyatakan bahawa kemudahan asrama pelajar juga dalam proses pembinaan di Sungai Buloh bagi lima ratus orang pelajar dari kawasan pedalaman ladang. Kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak 50 ratus ribu ringgit Malaysia bagi projek asrama ini (*Makkal Osai*, 12 Mei 2014:13).

Sebenarnya, kerajaan sedar akan kedudukan kaum India yang masih belum mencapai kemajuan dari segi sosio-ekonomi terutamanya dari segi pemilikan ekuiti yang tidak ada sebarang perubahan selepas tempoh perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Tuntasnya, masalah berkaitan dengan ekuiti kurang sesuai dengan keadaan semasa yang mengambil kira kepentingan semua kaum di negara ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 4.4.3 Masalah Bekerja Sendiri

Pekerjaan dan pendapatan sangat penting bagi memenuhi keperluan asas kita di samping menangani pelbagai masalah sosial. Oleh itu, kita harus mempunyai pekerjaan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



menjanjikan pendapatan yang lumayan agar dapat meneruskan kehidupan. Pekerjaan dibahagikan kepada dua kategori iaitu bekerja makan gaji dan bekerja sendiri. Bekerja sendiri bermaksud memiliki perniagaan atau melakukan kerja secara *freelance*. Maksudnya, 'dia' ialah majikan dan 'dia' jugalah pekerja. Cabaran dalam bekerja sendiri ialah mencari jalan untuk membayar upah kepada diri sendiri. Kedudukan ekonominya bergantung kepada usahanya semata-mata.

Menurut pendapat kebanyakan masyarakat Malaysia, bekerja di sektor kerajaan adalah lebih selamat dan terjamin. Malah, pendapat ini turut disokong oleh masyarkat India melalui pepatah *Kolzhi meithalum kumuniyil meika vendum* (jika hendak menternak ayam, biarlah di tanah kerajaan). Pandangan ini sedikit demi sedikit telah mengalami perubahan dan menghala ke arah sektor swasta dan persendirian. Kedua-dua sektor ini mendapat pandangan positif dan menarik minat dalam kalangan masyarakat Malaysia .

Cerpen yang berjudul *Vali* (Cara) mengisahkan masalah yang dihadapi oleh seorang pemuda yang ingin bekerja sendiri. Watak Manisegaran telah belajar sampai ke peringkat MCE. Sementara menunggu pekerjaan yang diidamkan, dia menjual cendol. Ibunya tidak berpuas hati dengan pekerjaan anaknya iaitu menjadi seorang penjaja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



cendol. Pada suatu hari, Manisegaran telah membantu seorang tua menaip sepucuk surat untuk dihantarkan ke pejabat pendaftaran.

Setelah selesai menulis surat, orang tua itu terkejut mengetahui bahawa Manisegaran ialah seorang yang berpelajaran tetapi bekerja sebagai penjaja. Manisegaran memberitahu orang tua itu agar tidak memandang rendah terhadap sesuatu pekerjaan. Orang tua itu berterima kasih . Walaupun Manisegaran mendapat tawaran temudaga dalam sektor kerajaan tetapi dia mengambil keputusan untuk tetap meneruskan perniagaan dan berhasrat untuk menggembangkan perniagaannya pada masa hadapan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui cerpan ini, cerpenis M.Ramaiah ingin memuju orang yang ingin memajukan diri sendiri sentiasa mempunyai cara tersendiri untuk mencapai cita-citanya yang diidamkan seperti Manisegaran. Beliau juga ingin memberi galakan kepada sesiapa yang ingin menceburi bidang perniagaan.

Kemungkinan besar, kadar pengangguran yang ketara pada tahun 1970-an menarik perhatian M.Ramaiah supaya memilih masalah sosial ini membincang dalam karya cerpennya. Jadual 4.9 turut menunjukan kadar pengangguran pada tahun 1970-1975.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Jadual 4.9

*Statistik Kadar Pengangguran di Malaysia dari Tahun 1970 hingga 1975*

| Kaum | 1970 (%) | 1975 (%) |
|---|---|---|
| Melayu | 8.1 | 6.9 |
| Cina | 7.1 | 7.2 |
| India | 11.1 | 12.2 |

Sumber: Janakey Raman Manikkam, 2011: 93

Kadar pengangguran yang semakin meningkat dalam masyarakat India mencungkil naluri penulis M.Ramaiah untuk menulis cerpen *Vali* (Cara). Beliau ingin memberi tunjuk ajar kepada pemuda yang suka memilih pekerjaan dan tidak mahu bekerja sendiri bagi memenuhi keperluan diri mereka sementara menunggu pekerjaan yang idamkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Model Genetik Lucien Goldmann, seorang pengarang dipengaruhi oleh status kelas, ideologi masyarakat, situasi ekonomi dan khalayak yang melingkunginya. Justeru, pengarang M.Ramaiah lebih cenderung menekankan masalah sosial ini kerana dipengaruh oleh perkara-perkara tersebut yang tercetus dalam kalangan masyarakat India khususnya, situasi ekonomi masyarakat India yang kurang memuaskan dalam semua bidang menggalakkan penulis untuk mimetik masalah ini melalui karya cerpennya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Kesimpulannya, cerpenis cuba menasihati pemuda India supaya tidak terlalu mengikut perasaan dan berfikiran sempit seperti masyarakat India pada masa dahulu yang mengagung-agungkan jawatan kerajaan. Pada masa dahulu bekerja sendiri dianggap sebagai keputusan yang tidak munasabah sebaliknya pada masa sekarang masyarakat India lebih terbuka mindanya dan diberi sokongan sepenuhnya kepada sesiapa yang ingin menyertai bidang perniagaan. Kini, lebih ramai golongan muda melibatkan diri dalam bidang perniagaan. Mereka juga suka memilih jurusan perniagaan dalam pengajian mereka di peringkat universiti. Oleh sebab itu, sikap cerpenis memaparkan masalah bekerja sendiri sebagai masalah yang sesuai dengan cara kehidupan era moden ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 4.4.4 Masalah Rasuah

Rasuah ialah suatu jenayah atau kesalahan melanggar undang- undang apabila seseorang memberi dan menerima suapan berbentuk material atau bukan material bagi tujuan seperti melepaskan diri daripada sesuatu tuduhan atau kesalahan, memperoleh jawatan, kebesaran, pekerjaan, perniagaan, kontrak, perkhidmatan, kejayaan dan sebarang perjanjian yang lain. Menurut Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia terdapat empat jenis kesalahan rasuah yang utama seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



- Meminta/Menerima Rasuah
- Menawar/Memberi Rasuah
- Membuat Tuntutan Palsu
- Salah gunakan Jawatan/Kedudukan

Gejala rasuah jika tidak dibendung akan mengakibatkan banyak masalah sosial.

#### 4.4.4.1 Rasuah Dalam Perniagaan

Dalam cerpen yang berjudul *Patai tavariya payanankal* (Perjalanan yang Bertukar Arah), Watak Sethu ialah seorang mekanik yang mempunyai bengkel sendiri. Dia telah memohon pinjaman daripada sebuah syarikat kewangan. Setelah menunggu setahun permohonannya masih belum diluluskan. Sethu berjumpa dengan pegawai atasan syarikat tersebut tetapi dimaklumkan bahawa permohonannya masih dalam proses pertimbangan. Seorang pekerja am syarikat tersebut pula menyatakan bahawa sebenarnya pegawai atasan itu mempunyai kuasa meluluskan pinjaman sebanyak RM25,000. Menurutnya,

> " Jika awak sanggup bayar 10% daripada jumlah pinjaman yang akan awak dapat, esok juga dia akan meluluskan pinjaman awak itu." (M.Ramaiah, 1998: 53)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Setelah mendengar kata-kata pekerja itu, Sethu terkejut dan keliru kerana dia perlu memberi suapan sebanyak RM1000 untuk pinjaman RM10,000 yang dipohonnya. Dia tidak sanggup berbuat demikian. Akhirnya, bengkel Sethu disita kerana tidak membayar sewanya.

Berdasarkan cerpen ini, penulis ingin menegaskan bahawa masalah rasuah akan menghancurkan impian peniaga-peniaga muda. Beliau ingin membangkitkan kesedaran masyarakat tentang keburukan menerima dan memberi rasuah khususnya dalam bidang perniagaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masalah ini agak kurang sesuai dengan zaman sekarang kerana kini, terdapat pelbagai jenis bantuan kewangan diberikan kepada sesiapa yang ingin menceburi bidang perniagaan. Dalam sidang akhbar, En.Razali, ketua UMNO bahagian Muar berkata bahawa, TEKUN juga membantu sebanyak 65 syarikat milik kaum India untuk menyertai Program Transformasi Kedai Runcit (Tukar) melibatkan jumlah sebanyak RM4.4 juta. Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) pula sudah memberi pinjaman sebanyak RM47.5 juta kepada 774 usahawan India manakala TEKUN memberi pinjaman sebanyak RM153.9 juta kepada 12,319 usahawan India (Utusan Malaysia, 11 Feb 2014: 4).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Selain itu, pada 6 Julai 2014 Dato Sri Najib Tun Razak pula mengumumkan Pelan Pembangunan Kecil dan Sederhana (*Small Medium Enterprise*) bertujuan meningkatkan perniagaan kecil dan sederhana daripada 6.3 peratus kepada 9.3 peratus pada 6 Julai 2014 di Puterajaya. Beliau berkata bahawa pelan itu mengandungi empat jenis tindakan yang hebat untuk mencapai sasaran, iaitu pendaftaran perniagaan, lesen, pelaburan dan eksport. Menurut Pelan ini sesiapa sahaja yang memiliki perniagaan ialah seorang usahawan termasuk orang yang bekerja sendiri atau bekerja untuk orang lain. Sebenarnya, tujuan pelan yang diwujudkan oleh kerajaan adalah memberi galakan kepada peniaga kecil dan sederhana untuk menceburi bidang perniagaan (*Tamil Malar*, 6 Julai 2014:4).

Sebagai contohnya, pada 2 Oktober 2014 di Cheras, Kuala Lumpur seorang warganegara asing ditangkap atas kesalahan menyimpan dadah seberat 4849 gram. Kekasih pesalah tersebut menawarkan rasuah sebanyak RM17,500 kepada pegawai yang bertugas. Walaupun dia menawarkan jumlah wang yang besar, pegawai berkenaan telah menolak imbuhan tersebut. (*Tamil Malar*, 2 Oktober 2014:3) Oleh itu, jelaslah bahawa masalah rasuah jenis ini yang dipaparkan dalam cerpen M.Ramaiah kurang sesuai dengan keadaan semasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



#### 4.4.4.2 Rasuah Dalam Permainan

Cerpen berjudul *Pantayam* (Perlawanan) membincangkan masalah rasuah dalam permainan. Watak Maran seorang pemain bola sepak negara. Dia merupakan pemain utama yang membolehkan negara Malaysia ke pusingan akhir Piala Dunia melawan pasukan negara Argentina. Maran diminta berjumpa dengan Dato' Kamarudin yang merupakan Presiden Bola Sepak Kebangsaan. Ketua bola sepak negara, Murugiah juga bersama dengan Dato. Kamarudin. Mereka berdua meminta Maran supaya tidak menjaringkan gol dalam permainan pusingan akhir. Dato Kamarudin berjanji,

> "Jika awak tak masukkan gol kami akan memberi ganjaran sebanyak dua ribu ringgit Malaysia kepada awak." (M.Ramaiah,1998:58)

Maran terkejut apabila mendengar kata-kata Dato.Kamarudin. Dia tidak sanggup menjadi pengkhianat nusa dan bangsa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



M.Ramaiah dapat memilih dan membincang masalah sosial yang sesuai atau berkait rapat dengan sesuatu bidang. Beliau bertujuan pembaca menyedari keburukan menerima dan memberi rasuah kepada diri sendiri dan masyarakat. Beliau juga ingin menegaskan bahawa perlakuan memberi dan menerima rasuah adalah salah dari segi undang-undang. Dalam bidang sukan khususnya permainan bola sepak, masalah rasuah bukanlah sesuatu perkara yang baru. Rasuah dalam permainan bola sepak sangat popular dan berleluasa. Cerpen ini juga diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia dengan tujuan memyampaikan hasratnya kepada pembaca berbilang kaum (M.Ramaiah, 2013: 70-79).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perkara ini masih menular secara tertutup lantaran sikap manusia yang terlalu mementingkan diri dan tidak mempedulikan kepentingan negara. Sebagai contoh, beberapa orang pemain Kuala Lumpur seperti Jeremy Danker, Hafizi Roslee, Fadhulah Yunsiar, Khairul Anuar dan Phoo Kai Lun digantung daripada sebarang aktiviti bola sepak seumur hidup dan setiap pemain didenda RM20,000 kerana kesalahan menerima rasuah dan mengatur perlawanan (*Makkal Osai*, 22 March 2014: 7).

Keinginan untuk cepat menjadi kaya, mengejar kebendaan dan kurang semangat kenegaraan adalah antara punca masalah ini terus bermaharajalela pada zaman moden ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Seterusnya, Jadual 4.10 menunjukkan statistik tangkapan kes rasuah sepanjang tahun 2013 dikeluarkan oleh SPRM boleh dijadikan bukti yang kukuh bagi membuktikan bahawa rasuah jenis ini masih berleluasa dan sesuai dibincangkan pada zaman sekarang.

Jadual 4.10

*Statistik Tangkapan Kes Rasuah pada Tahun 2013 di Malaysia*

| Jenis kes | Jumlah |
|---|---|
| Orang awam | 240 |
| Kumpulan sokongan | 112 |
| Swasta | 108 |
| Kumpulan pengurusan dan profesional | 48 |
| Ahli majlis | 1 |
| Jumlah keseluruhan | 509 |

Sumber:Suruhanjaya pencegahan rasuah Malaysia (SRPM), 2013

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun pelbagai tindakan diambil oleh SPRM, masalah rasuah jenis ini masih berleluasa dalam kalangan pihak pengurusan, jurulatih dan pemain itu sendiri. Usaha masih diteruskan oleh pihak berkuasa untuk membanteras gejala sosial ini. Jika diteliti, rasuah dalam perniagaan agak berkurangan dan dapat dikawal dengan bantuan dan tindakan pihak berkuasa tetapi rasuah dalam bidang permainan masih di tahap yang membimbangkan. Maka, masalah rasuah dalam permainan yang dibincangkan oleh penulis amat sesuai dengan cara kehidupan kini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



#### 4.4.4.3 Rasuah Dalam Politik

Kisah seorang ahli politik yang diutarakan dalam cerpen *Ankikaram* (Pengesahan) yang sanggup membayar sebanyak RM86,000 untuk mendapatkan jawatan wakil rakyat. Mengejar pangkat membawa erti tergila-gila mencari pangkat, kuasa, harta, kedudukan dan apa-apa saja yang boleh menampilkan seseorang sebagai manusia yang hebat. Manusia yang mementingkan nama akan sentiasa mencitakan darjat dan pangkat. Watak Kathirvelu ialah seorang guru yang aktif dalam bidang politik. Beliau memegang jawatan sebagai Setiausaha Negeri selama 10 tahun. Dia ingin akan jawatan wakil rakyat. Periyanna menerima rasuah dan berjanji bahawa dia akan memastikan namanya dipilih oleh ketua. Pada hari pencalonan, dia sedar bahawa namanya tidak dipilih kerana jawatan ini bukan boleh dijual atau dibeli. Pemimpin yang berkebolehan sahaja akan menjadi pilihan rakyat.

Melalui cerpen ini penulis ingin menyindir sikap ahli politik yang sanggup membuat apa-apa sahaja bagi mencapai hasrat mereka. Sebagai rakyat biasa, kita harus berhati-hati apabila berurusan dengan pihak ini. Orang politik yang ingin berkhidmat untuk negara tidak akan mempedulikan darjat dan pangkat. Orang yang menceburi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



bidang politik dengan motif mendapatkan pangkat tidak akan menjadi seorang politik yang baik kerana orang seperti ini mengejar kuasa politik untuk kepentingan diri sendiri.

Lucien Goldmann menerangkan dalam Model Genetiknya bahawa sesebuah karya itu mempunyai kaitan dengan sistem pemerintahan dan keadaan politik yang menyebabkan lahirnya karya-karya tersebut. Oleh itu, kenyataan tersebut mempengaruhi karyawan M.Ramaiah untuk mengisahkan berbagai-bagai jenis masalah rasuah yang berkait rapat dengan sistem pemerintahan dan keadaan politik.

Ahli politik seperti watak Kathirveluini dan Periyanna masih terdapat dalam kalangan masyarakat India. Rasuah masih menular dalam bidang politik, walaupun kerajaan telah mengambil pelbagai tindakan untuk menbendungnya. Oleh itu, masalah rasuah jenis ini amat sesuai dengan cara hidup masyarakat India pada era ini.

### 4.4.5 Masalah Hilang Pekerjaan

Menurut perangkaan tentang tenaga buruh, kadar pengangguran di negara kita pada bulan Ogos 2013 ialah 3.1%. Kadar pengangguran ini juga menunjukkan tahap kecekapan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



penggunaan sumber manusia sesebuah negara dan menjadi indeks aktiviti ekonomi. Pengangguran yang berlaku di sesebuah negara akan mendatangkan kesan ekonomi dan sosial. Kesan ekonomi pula termasuk menjejaskan keluaran negara, penurunan taraf hidup rakyat dan sekaligus melambatkan proses pembangunan negara. Masalah ini juga boleh membawa peningkatan kes jenayah, masalah tekanan jiwa dan kehilangan keyakinan diri dalam kalangan penganggur (Data anggaran berasaskan banci penduduk dan perumahan, 2010).

Cerpen *Mulattanam* (Modal) pula membincangkan cabaran ibu tunggal untuk melihat kejayaan anak-anaknya. Sejak ditinggalkan oleh suaminya, Poornima bekerja di sebuah syarikat. Dia menggangur apabila syarikatnya ditutup. Anak sulungnya, Tamilvalavan sedang belajar di universiti, anak kedua pula akan menduduki peperiksaan STPM dan anak ketiganya menduduki peperiksaan SPM. Poornima risau kerana tidak mampu membiayai perbelanjaan anak-anaknya yang masih belajar lagi. Dia sudah puas mencari pekerjaan. Dia tidak mahu perkara ini sampai ke telinga anak sulungnya namun perkara itu sudahpun diketahui melalui kawannya. Dia meminta ibunya,

> ".....mulakanlah perniagaan....jadikan jari-jari ibu itu sebagai modal. Kitakan ada komputer lama. Emak boleh membuat *setting* bagi bahan-bahan cetakan seperti akhbar, majalah ...." (M.Ramaiah, 1998: 185)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Ibunya menghadapi pelbagai dugaan sebelum berjaya memulakan perniagaan tersebut. Cerpenis M.Ramaiah membuktikan bahawa kaum wanita berkebolehan menghadapi cabaran dan rintangan dalam hidup mereka sekiranya mempunyai keyakinan diri. Cerpen seperti ini mampu membuka mata generasi muda zaman sekarang untuk lebih berani menghadapi cabaran dalam kehidupan mereka.

M.Ramaiah memaparkan masalah ini bertujuan memberi galakan kepada kaum wanita supaya meningkatkan azam dan keyakinan dalam usaha untuk menangani masalah sosial yang berkaitan dengan ekonomi. Mengikut Model Pencerminan Georg Lukacs, karya sastera dianggap mengambil fenomena-fenomena sosial yang benar-benar berlaku untuk dijadikan persoalannya. Oleh itu, M.Ramaiah turut memilih masalah sosial berkaitan dengan wanita yang berlaku dalam masyarakat yang melingkunginya lalu dijadikan isu persoalan dalam karya ciptaannya.

Jika diteliti, masalah seperti ini masih terdapat dalam kalangan ibu tunggal. Seorang bapa mungkin boleh menolak tanggungjawabnya tetapi seorang ibu tidak sanggup berbuat demikian. Oleh sebab itulah dikatakan hati ibu bagaikan syurga yang melindungi kehidupan anak-anaknya. Kini, ibu tunggal boleh memperoleh berbagai-bagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



bantuan bagi menyara anak-anak. Wanita miskin yang menggangur boleh mendapat bantuan kewangan daripada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang dilancarkan pada tahun 2011. Seramai 30 wanita telah berjaya menjana pendapatan dengan memulakan peniagaan sendiri seperti pusat solekan, pusat tuisyen kanak-kanak, penjaja, kedai jahitan dan sebagainya (Malaysia Nanban, 13 Julai 2014: S5). Masalah ini memang salah satu masalah yang serius dan sesuai dengan era moden ini.

## 4.5 Masalah Berkaitan Dengan Budaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keseluruhan cara hidup kelompok manusia dalam lingkungan yang sama dikenali sebagai ‘budaya’. Budaya memberikan identiti kepada sesuatu kelompok itu dari segi cara kelompok itu mengendalikan hidupnya. Unsur-unsur budaya dipindahkan daripada satu keturunan kepada satu keturunan yang lain. Oleh hal demikian itu, budaya boleh dianggap sebagai satu himpunan kelengkapan intelektual dan kebendaan yang memenuhi kehendak biologi dan kemasyarakatan serta membolehkan kelompok ini menyesuaikan diri mereka dengan keadaan sekeliling (Kalai Venthan,2008: 102).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Budaya biasanya dikaitkan dengan aktiviti-aktiviti yang ada dalam persekitaran manusia seperti kesenian, barangan, makanan, tarian dan sebagainya. Dalam budaya India, faktor agama adalah paling penting kerana agama menjadi dasar tanggapan terhadap alam sekitar dari segi sosial dan fizikal (Kalai Venthan,2008: 105). Cerpenis turut menyentuh juga tentang masalah kebudayaan. Sebanyak tiga buah cerpen menghuraikan masalah kebudayaan, iaitu membincangkan masalah remaja India yang tidak mematuhi adat resam, cara pakaian dan adat istiadat perkahwinan. Di samping itu kategori budaya pula membincangkan tiga jenis masalah seperti yang disenaraikan dalam Rajah 4.4.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




*Rajah 4.4.* Masalah Berkaitan dengan Budaya

### 4.5.1 Masalah Cara Berpakaian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Kaum India mempunyai cara pemakaiannya yang tersendiri. Kebanyakan masyarakat India merupakan penganut agama Hindu. Oleh itu, amalan pemakaian kaum India berbeza mengikut etnik dan ras lain. Cara pemakaian dapat menonjolkan keunikan etnik dan ras sekumpulan masyarakat (Sarathambal,S. 2005:118). Oleh itu, kod pakaian masyarakat India mempunyai keistimewaannya tersendiri. Cerpen ciptaan M.Ramaiah yang bertajuk *Ponna latcanama?* (Kesopanan Wanita) mempaparkan masalah sosial yang berkaitan dengan cara pemakaian wanita. Cerpen ini membincangkan kisah seorang wanita muda yang suka memakai pakaian yang mencolok mata ke pejabatnya tanpa menghiraukan tradisi masyarakat India. Ibunya berkata,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> “ .....Cara awak sebelum ini biarkan....Selepas ini awak memakai sari. .....baru awak nampak seperti gadis Tamil.....” (M.Ramaiah,1998: 135)

Dia tidak mempedulikan teguran ibunya. Pada pandangannya, pakaiannya sesuai dengan situasi tempat bekerja dan berasa bangga apabila orang memandangnya. Pegawai atasan meminta pembantunya supaya menasihati gadis itu supaya mengubah perangainya sedikit demi sedikit. Namun, lama kelamaan gadis-gadis lain yang bekerja di pejabat itu pula terpengaruh oleh cara pemakaian gadis itu lalu turut mengubah cara pemakaian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



mereka. Apabila ditegur oleh ketua pengurus pejabat itu, barulah gadis itu menyedari kesalahannya.

Penulis mencari cara penyelesaian yang baik bagi menyelesaikan masalah kebudayaan. Pakaian wanita dianggap sebagai tajuk yang sensitif. Tujuan beliau mencipta cerpen ini adalah untuk meneger sikap wanita muda yang suka berpakaian tidak senonoh. M.Ramaiah juga berani memilih tajuk sensitif ini kerana ingin mendedahkan fenomena yang berlaku dalam masyarakat sekelilingnya seperti yang diterangkan dalam Model Gentik oleh Lucien Goldmann.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masyarakat India sangat mementingkan tradisinya (Sarathambal,S. 2005:120). Pada zaman moden ini, amalan berpakaian tradisi ke tempat bekerja adalah sukar diikuti. Cara pemakaian zaman moden ini agak berbeza dan bergantung pada situasi tempat bekerja. Wanita yang bekerja sebagai pegawai polis, jururawat, pegawai kastam dan pekerjaan yang mengenakan pakaian seragam sama sekali tidak dibenarkan memakai pakaian tradisi. Dalam soal pakaian tradisional, kaum wanita sentiasa menjadi mangsa. Cara pemakaian kaum lelaki India langsung tidak dipersoalkan. Oleh yang demikian, masalah yang dibincangkan pastinya kurang sesuai dengan cara hidup moden masyarakat India.

### 4.5.2 Masalah Kasta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Setiap kepercayaan dalam masyarakat India mempunyai maksud tersirat di sebaliknya yang menyokong kepercayaan dan pantang-larang yang diamalkan oleh masyarakat berkenaan. Sesiapa yang melanggar kepercayaan ini biasanya dikatakan akan menerima nasib buruk atau kesan negatif (Ramesh Kumar, 2008:141).

Cerpen *Camutaya irul* (Kekeliruan Masyarakat) membincangkan masalah kasta yang masih lagi berleluasa dalam kalangan kaum India. Watak Pungkundranaar dan Angkayarkanni tidak dikurniakan cahaya mata. Tangadurai dijadikan sebagai anak angkat mereka. Pungkundranaar ialah seorang aktivis sosial. Beliau berpendirian bahawa pemikiran kuno seperti kasta iaitu stratifikasi masyarakat harus dikikiskan daripada pemikiran masyarakat. Beliau ingin mengahwinkan anak angkatnya dengan anak perempuan kepada kawan karibnya. Kawannya menolak lamaran tersebut kerana dia takut akan terasing daripada saudara-maranya jika anak gadisnya dikahwinkan dengan orang berkasta rendah. Demi mengatasi dilema ini, dia ingin menjodohkan anak gadisnya dengan saudara maranya sendiri yang sama kasta.

Melalui cerpen ini, M.Ramaiah ingin menyindir sikap segelintir golongan yang suka menasihati orang lain sebaliknya tidak pernah mempraktikkan nasihatnya dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



kehidupan mereka sendiri seperti pepatah yang berbunyi *Urukku upatesam* (menasihati orang lain sahaja). Masalah kasta menjadi pokok persoalan dalam cerpen ini. Orang yang berada, berpangkat dan berkuasa hanya pandai menasihati orang lain supaya tidak membeza-bezakan sesama manusia dari segi kasta namun dalam hal perkahwinan pula, perkara kasta ini selalunya menjadi persoalan utama. Cerpenis menasihati masyarakat India supaya tidak terlalu mementingkan hal kasta sehinggalah tidak memberi tumpuan kepada sifat keperibadian dan kejujuran manusia dalam hal memilih jodoh perkahwinan.

Kepercayaan seperti ini masih tebal dalam kalangan orang India. Walaupun mereka menampilkan diri sebagai manusia berfikiran moden namun sanubari mereka masih berselaput dengan fikiran kolot (Ramesh Kumar, 2008:152). Menurut Lucien Goldmann, seorang pengarang dipengaruhi oleh status kelas, ideologi masyarakat dan khalayak yang melingkunginya. Oleh demikian itu, cerpenis M.Ramaiah menjadi wakil yang mencerminkan dan mimetik pemikiran masyarakat India yang menekankan status kelas dan ideologi tertentu.

Sejak berzaman-zaman, masalah kasta mengongkongi pemikiran masyarakat India. Di negara India, jurang perbezaan antara satu kelompok masyarakat dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



kelompok masyarakat lain yang jauh berbeza dari segi ekonomi, pendidikan dan pekerjaan menjadi punca wujudnya konsep kasta setiap kelompok masyarakat diberikan nama yang berbeza mengikut tahap ekonomi dan pekerjaan mereka. Nama-nama inilah dijadikan kasta (Ramesh Kumar, 2008:158).

Walaupun perbezaan kasta tidak dilihat secara terang-terangan di Malaysia seperti di negara India namun semasa pemilihan jodoh perkahwinan aspek kasta masih diberi keutamaan, khususnya apabila pemilihan jodoh dibuat oleh ibu bapa. Pasangan yang bercinta selalunya tidak mempedulikan hal kasta. Oleh itu, masalah budaya yang berkaitan dengan kasta masih ketara dalam kalangan masyarakat India. Maka, masalah ini sesuai dengan pada zaman moden ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 4.5.3 Masalah Anti Adat Resam

Adat secara umumnya didefinisikan sebagai suatu aturan dan cara hidup. Adat mencerminkan segala perlakuan sesuatu masyarakat pada suatu ketika. Perkara yang diterima dan menjadi ikutan ramai dalam sesuatu masyarakat dianggap sebagai adat masyarakat tersebut. Suatu perkataan yang sinonim dengan adat ialah budaya. Walaupun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



daripada aspek sebutannya atau tersuratnya berbeza, namun dari segi pengertiannya, perkara ini merupakan konsep yang saling bergantungan dan sama. Adat juga boleh didefinisikan sebagai cara hidup iaitu tingkah laku, kepercayaan dan sebagainya. Adat bersifat maya atau abstrak iaitu tidak dapat dilihat namun adat ialah suatu ketetapan yang boleh berubah mengikut peredaran masa (Rajeswary Ambalavanar, 1969: 30):

.

Dalam cerpan *Campiratayankal* (Tradisi) M.Ramaiah telah mengungkapkan masalah sosial yang mencetuskan pergesaran antara dua generasi yang mempunyai jurang perbezaan yang jauh iaitu orang tua dengan orang muda. Watak Aravaali ialah seorang pemuda yang mempunyai fikiran yang bertentangan dengan orang tuanya tentang adat resam. Ibu bapanya Muthusamy dan Komala berusaha mengubah cara Aravaali berfikir namun anaknya enggan berbuat demikian.

Dia menasihati kakaknya akan menaikki pelamin supaya berkahwin dengan cara moden tanpa mengikuti adat istiadat turun-temurun mereka. Keluarganya pula agak terkejut dan membantah cadangan Aravaali. Selepas itu, dia meninggalkan rumahnya. Selepas beberapa tahun kemudian bapanya meninggal dunia dan Ibunya Komala menunggu kehadiran anak lelakinya untuk melaksanakan upacara tertentu sebelum pengkebumian. Anak sulungnya Sarala berkata,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



> " Diakan membantah adat resam kita, mengapa emak masih mengharapkan dia untuk membuat upacara ini? Dia tak suka kuil.....sembahyang pun tidak" (M.Ramaiah,1998:93).

Mereka mula membuat upacara pengebumian jenazah Muthusamy. Akhirnya, Aravaali muncul lalu menjalankan semua upacara tanpa membuat sebarang bantahan. Walaupun anaknya itu degil tetapi kematian bapanya telah mengubah pandangannya. Masalah sosial seperti ini dibincangkan dalam karya M.Ramaiah untuk menyedarkan generasi muda agar mengikut jalan yang lurus dengan mengamalkan tradisi yang diikuti turun-temurun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

M. Ramaiah mahir memilih masalah sosial yang sesuai bagi semua lapisan masyarakat. Berdasarkan pengalamannya yang begitu luas, beliau membuat keputusan yang tepat dengan memilih masalah-masalah sosial yang berkait rapat dengan kehidupan manusia. Pemikiran beliau agak serupa dengan model pencerminan Georg Lukacs yang terdapat dalam teori sosiologi iaitu masalah sosial yang terdapat dalam sesuatu kaum akan mencerminkan kebudayaan dan cara kehidupan kaum tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Beliau ingin menasihati generasi muda yang tidak menghiraukan adat resam yang diikuti sejak turun-temurun supaya terus mengamalkannya dan menolak pula pembaharuan dalam adat istiadat khususnya ketika melangsungkan majlis perkahwinan. Sebagaimana kaum-kaum lain di Malaysia, kaum India juga mempunyai adat resam perkahwinannya mengikut tradisi kaum India tersendiri iaitu sebelum mengadakan majlis perkahwinan, beberapa adat istiadat perlu dilaksanakan sama ada untuk memenuhi tuntutan agama mahupun menjadi tradisi budaya kaum India itu sendiri.

Istiadat yang perlu dijalankan adalah seperti *poruttam parttal* (Memeriksa kesesuaian antara pasangan secara astrologi), *pen parttal* (merisik), *mappilai vitu parttal* (melawat rumah pihak lelaki), r*egister of marrriage -ROM* (pendaftaran perkahwinan), *paricam* (pertunangan), *tirumana alaippu* (proses mengedar kad jemputan), *Tali ceytal* (membuat loket emas *'Ta:li'*) mukurttakkal unutal (menanam sejenis pokok), *nlunku vaittal* (bersanding) dan sebagainya (Rajam,K. 1989: 48).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendekatan untuk melangsungkan perkahwinan masyarakat India sudahpun mengalami perubahan ketara. Remaja kini lebih suka meringkaskan proses dan upacara perkahwinan. Proses merisik dan meminang tidak lagi wajib dalam urusan perkahwinan mereka khususnya bagi pasangan yang bercinta sebelum berkahwin. Biasanya mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



akan terus mendaftarkan perkahwinan mereka lalu melangsungkan majlis perkahwinan (Rajam,K. 1989: 53).

Majlis perkahwinan juga turut mengalami percampuran elemen-elemen budaya lain. Cara penyediaan hantaran, solekan, hiasan rumah pengantin, buah tangan, jamuan perkahwinan dan pengambilan gambar majlis perkahwinan sudahpun mengalami perubahan ketara dalam kalangan masyarakat India. Namun demikian, adat istiadat yang ditetapkan dalam upacara perkahwinnan masyarakat India dari zaman dahulu masih dikekalkan dan wajib diikuti (Rajam,K. 1989: 48). Oleh itu, masalah yang diungkapkan dalam cerpen ini masih sesuai dengan kehidupan arus moden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 4.6 Masalah Berkaitan Dengan Pendidikan

Proses pendidikan bermula semasa janin berada dalam kandungan ibu sehinggalah akhir hayat manusia. Pendidikan merupakan nadi kepada pengetahuan. Peringkat umur tidak menjadi halangan kepada pendidikan. Sebenarnya, pendidikan sempurna merangkumi aspek ilmu pengetahuan dan pembentukkan peribadi seseorang. Terdapat pelbagai pendapat yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh tentang pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Cendekiawan James Ray (1989) pula mengatakan bahawa pendidikan memainkan peranan penting dalam mencungkil bakat dan kemahiran yang tersembunyi dalam diri manusia dan menukarkan keupayaan menciptanya kepada keupayaan praktikal. Pendapat Naladiyar (penyair klasik) tentang pendidikan adalah berbunyi seperti berikut,

> *"Kunchi yazhagum koduntanai kooddazhagum*
> *manchal azhagum azhagalla – nenchatu*
> *nallamyam ennum naduvu nilaimaiyal*
> *kalviazhakeazhagu."*
> *(Naladiyar* - Manikavasagam,1998)


(Puisi ini membawa maksud bahawa kecantikan rambut yang disikat dengan kemas dan rapi, pakaian yang kemas dan berwarna-warni dan kunyit yang disapu untuk mencantikkan wajah diri wanita tidak dianggap sebagai kecantikan yang sebenar. Sebaliknya, pendidikan yang memupuk sikap kesaksamaan dan kesederhanaan merupakan kecantikan yang sebenar).

Seterusnya, dalam kategori pendidikan pula dibincangan dua buah masalah seperti yang dipaparkan dalam Rajah 4.5.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi






*Rajah 4.5.* Masalah Berkaitan dengan Pendidikan

Oleh itu, Pendidikan merupakan suatu saluran untuk mencapai mobiliti sosial dan ekonomi. Pendidikan memberi peluang kepada semua golongan masyarakat yang kaya, miskin, rajin dan lemah bergerak ke atas tangga sosioekonomi dan memperbaiki kedudukan sosial mereka (Laporan Murad. 1973: 2).

### 4.6.1 Masalah Tiada Kesedaran Terhadap Pelajaran

Sesungguhnya pendidikan sangat penting untuk menjadi seseorang insan yang sempurna. Walaupun demikian, bukan semua insan yang dikurniakan oleh Tuhan boleh mendapat pendidikan yang sempurna. Golongan sederhana dan miskin terpaksa merentasi pelbagai halangan untuk berjaya dalam bidang pelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Cerpen *Palavinam* (Kelemahan) memaparkan masalah tentang sikap seorang bapa yang tidak menyedari kepentingan pendidikan kepada anaknya. Dia juga tidak mempedulikan masa depan anak-anaknya kerana ingin berfoya-foya dan membelanjakan wang gajinya untuk minuman keras bersama-sama kawannya. Anaknya, Tamilvalavan dibuli oleh rakan-rakan dan guru sekolahnya kerana memakai pakaian yang sudah lusuh. Apabila ditegur oleh isterinya, suami itu mengeluh,

> " Awak ini.....tidak habis-habis dengan pelajaran. Saya tidak berpelajaran tetapi boleh mendapat gaji lebih daripada RM1000 dengan memandu lori " (M.Ramaiah,1998:32).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhirnya, dia sedar apabila kawannya Kesavan mencabarnya untuk memperoleh lesen memandu tetapi dia tidak dapat menduduki ujian bertulis kerana berbuta huruf. Dia sedar akan kepentingan pendidikan dan tidak mahu anaknya menjadi buta huruf sama sepertinya.

Melalui cerpen ini, cerpenis ingin mencetuskan kesedaran tentang kepentingan pendidikan demi masa depan individu dan seterusnya memajukan masyarakat India. Beliau juga memberi penyelesaian bagi mengatasi masalah ini dengan memberi kesedaran kepada watak bapa melalui pembantunya yang mencabarnya memperoleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



lesen memandu. Watak bapa tidak dapat menduduki ujian bertulis kerana dia berbuta huruf. Akhirnya, dia mula menyedari kepentingan pendidikan kepada anak-anaknya. Di sini, pengarang sebagai *participant* yang terlibat secara langsung melalui watak bapa yang mewujudkan kesedaran kepada khalayak. Watak bapa telah mewakili sikap masyarakat seperti yang diterangkan oleh Georg Lukacs dalam model pencerminannya.

Kelompok masyarakat yang tidak berpendidikan dan mempunyai masalah ketagihan arak langsung tidak mempedulikan tanggungjawab mereka. Dasar British yang memerintah Malaysia mengikut "Dasar pecah dan perintah" (*Divede and rule*) menyebabkan masyarakat India terjerumus dalam ketagihan arak sejak dahulu. Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, kerajaan telah mengharamkan kedai *Todi* dengan membatalkan lesen-lesen kepada pengusaha-pengusaha tempatan (Sagar,2009:116)

Golongan ibu bapa jenis ini juga membiarkan anak-anak di bawah umur bekerja. Kerajaan Malaysia mengambil pelbagai tindakan seperti mewajibkan pendidikan kepada kanak-kanak yang berumur tujuh hingga tujuh belas tahun, menjatuhkan hukuman kepada majikan yang mengupah atau mengambil pekerja di bawah umur dan sebagainya untuk membanteras perkara sebegini daripada berterusan (Sagar,2009:128). Penguatkuasaan undang-undang membuktikan bahawa masalah ini sesuai menjadi persoalan pada zaman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



moden ini.

Masalah sosial yang sama dibincangkan dalam cerpen *Muttalaku* (nama seorang wanita). Watak Muttalaku seorang pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran hingga peringkat tinggi tetapi hasratnya hancur apabila ibunya memaksanya bekerja di ladang getah untuk menampung perbelanjaan keluarganya kerana bapanya yang merupakan kaki botol telah jatuh sakit. Lebih ramai anak muda terpaksa mengebumikan hasrat untuk menuntut ilmu demi menyara keluarganya. Ibu bapa yang tidak berpendidikan atau yang menjadi kaki botol tidak mempunyai kesedaran tentang kepentingan pendidikan bagi masa hadapan anak-anak mereka. Mereka menghancur dan mengadaikan cita-cita serta masa depan anak-anak muda ini lantaran ingin mencari kesenangan hidup.

Tujuan cerpenis memilih masalah ini ialah untuk melahirkan kesedaran tentang kepentingan pendidikan serta mengemukakan sebab-sebab anak kurang berjaya dalam pendidikan agar menjadi pedoman kepada masyarakat India. Jika teliti masyarakat India boleh dikatogerikan kepada dua kumpulan, iaitu golongan sederhana dan golongan miskin. Oleh demikian itu, penulis membincangkan beberapa masalah sosial yang berkaitan dengan pendidikan. Pendidikan adalah faktor penting dalam kehidupan manusia. Negara yang ketinggalan dalam bidang pendidikan digelar sebagai negara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



mundur dan tidak dapat menikmati kemajuan. Model pencerminan Lukacs menerangkan bahawa sebuah cerpen dapat mencerminkan realiti secara paling objektif. Dengan ini, dapat difahami bahawa karyawan M.Ramaiah cuba mencerminkan masalah pendidikan merupakan realiti yang terdapat dalam kalangan masyarakat India melalui cerpen ini dengan jayanya.

Cerpen ini dihasilkan pada tahun 1975 berdasarkan sikap masyarakat India terhadap pelajaran. Walau bagaimanapun masalah seperti ini kurang sesuai pada zaman sekarang. Kini, terdapat lebih banyak badan kerajaan dan bukan kerajaan yang menghulurkan pelbagai bantuan pendidikan. Keluarga yang tidak dapat menampung perbelanjaan pedidikan anak-anak juga mendapat pelbagai bantuan. Kerajaan juga menyalurkan peruntukan hampir RM500 juta dalam usaha meningkatkan taraf kehidupan kaum India terutama dalam bidang ekonomi dan pendidikan sejak lebih lima tahun yang lalu (Utusan Malaysia,11 Feb 2014: 14).

Di sampingm itu, kerajaan menyediakan pendidikan percuma hingga tingkatan enam, bantuan buku teks, baucar pelajaran, pinjaman PTPTN dan pelbagai biasiswa kepada semua pelajar di negara ini. Kerajaan juga menyalurkan peruntukan RM100 juta kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



SJK.Tamil, sama seperti yang diperoleh SJK.Cina agar anak-anak kaum India tidak ketinggalan dalam bidang pendidikan (Utusan Malaysia,11 Feb2014: 4).

Selain itu, orang peseorangan juga ingin menghulurkan bantuan pendidikan. Pemuzik tempatan, Ravinthera Rao (Mr.5K) telah memberi bantuan pendidikan sebanyak lapan ratus ribu ringgit kepada 100 pelajar India miskin yang aktif dalam bidang sukan untuk melanjutkan pelajaran mereka di Kolej Antarabangsa Cyberlynx (Malaysia Nanban, 20 Julai 2014:7)

Seterusnya, peluang Pendidikan peringkat pengajian tinggi tanpa beban hutang juga disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi golongan yang sederhana dan miskin seperti yang disenaraikan dalam Jadual 4.11.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Jadual 4.11

*Peluang Pendidikan Peringkat Pengajian Tinggi Tanpa Beban Hutang di negara Malaysia pada Tahun 2014.*

| Institut/ Kolej | Pengajiaan/ Latihan | Kelayakan | Bayaran | Permohonan |
|---|---|---|---|---|
| Politeknik | *Kejuruteraan:- awam, elektrik & elektronik, perubatan, mekanikal, petrokimia, penyelenggaran pesawat, perkapalan, teknologi maklumat, perdagangan, pelancongan dan hospitalati, reka bentuk dan komunikasi, visual, agro teknologi & bio industri, teknologi makanan | *Diploma (lebih daripada 5 kepujian)<br><br>*Pra-diploma (3 kepujian) | Yuran 1semester:- RM200 - boleh bayar maksimum 7 kali ansuran, pengnapan RM60 dan pendaftaran RM600 sahaja. | (www.ipta.edu. gov.my)<br><br>BSN pin nombor RM10.60 |
| Kolej Komuniti<br><br>(86 buah kolej) | * Sijil sistem komputer dan sokongan, Sijil akauntasi, Sijil teknologi pembinaan, Teknologi elektrik.<br>* Sijil pemasangan elektrik, Sijil reka bentuk dalaman, Sijil visual kreatif, Sijil agro teknologi, Sijil pelancongan.<br>* Sijil animasi 2D/3D, Fesyen dan pakaian, Kulinari, Pastri, Apilikasi perisian komputer, Sijil dandan rambut<br>* Pengurasan hotel & bidang masakan di Pulau Langkawi | * Sijil SPM & kepujian matematik<br><br>* Sijil SPM & kepujian satu subjek<br><br>* Sijil SPM<br><br>*Sijil SPM & kepujian Bahasa Inggeris | Yuran : RM200 hingga RM300 sahaja. | www.jpkk.edu. my<br><br>(selepas tamat pengajian berpeluang ke Jepun Malaysia Institut Teknologi |
| Institut Teknologi Jepun Malaysia (Pulau Penang) | Diploma teknologi kejuruteraan mekatronik/ komputer elektronik/ pembuatan | Pra-diploma dari kolej | *Bantuan pinjaman dan biasiswa<br>*Penginapan | www.jtm.edu. my |
| Kolej Adtec (8 buah kolej) | Diploma teknologi kimpalan/ teknologi pembuatan/ Jaminan kualiti/automotit/mekatronik/ penyelenggaraan kapal terbang | Diploma dan SPM kepujian 5 subjek | Yuran RM3000 bantuan pinjaman dan biasiswa | www.jtm.edu. gov.my |
| Institut Kemahiran Beliau Negara (IKBN) | 26 jenis latihan kemahiran percuma dengan sijil. | Gagal dalam SPM | *Bayaran minimum<br>*Penginapan<br>*Elaun bulanan | www.ikbn.edu. gov.my |
| Institut Penternakan Negara (NATC) | Latihan kemahiran dalam bidang pertanian dan penternakan dengan sijil dan diploma | Sijil SPM | * Biasiswa<br>*Penginapan | www.natc.edu. gov.my |

Sumber: Malaysia Nanban. 23 march 2014:S8

Selain peluang pendidikan yang tersenarai dalam Jadual 4.11, banyak lagi peluang pendidikan turut disediakan oleh kerajaan Malaysia. Pendidikan peringkat tinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



bukan lagi bagi golongan pelajar yang berada sahaja bahkan pelajar miskin juga berpeluang menyambung pelajarannya ke peringkat yang lebih tinggi. Faktor kemiskinan, masalah rumahtangga, keputusan peperiksaan yang lemah dan sebagainya tidak lagi menjadi penghalang dalam bidang pendidikan pada zaman moden ini.

### 4.6.2 Masalah Pengaruh Filem (Cinema)

Ibu bapa sepatutnya bertanggungjawab terhadap pendidikan anak-anak mereka. Mereka tidak seharusnya terlalu mengikut perasaan dan enggan melakukan pengorbanan sebaliknya perlu memahami kepentingan pendidikan kepada generasi yang dilahirkan oleh mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cerpen *Puriyata cenmankal* (Manusia yang Tidak Insaf) menerapkan isu tentang ibu bapa yang tidak sedar akan kepentingan pendidikan dan memberi tumpuan kepada dunia hiburan. Watak Sargunan seorang guru yang ingin membantu murid-murid dari ladang yang lemah dalam pelajaran tetapi usahanya tidak berjaya. Dia ingin berjumpa dengan Muthusamy, iaitu bapa kepada salah seorang anak muridnya. Pada suatu malam, Sargunan berjumpa Muthusamy di rumahnya. Dia mendapati bahawa sekeluarganya menonton video hingga pukul 12 larut malam. Sargunan memberitahu Muthusamy

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



bahawa anaknya akan gagal dalam peperiksaan sekiranya mengabaikan hal pelajaran anaknya. Muthusamy berasa marah lalu berkata,

> " Mengapa cikgu berkata begitu? Cikgu menerima gaji dari kerajaan dan bukankah cikgu yang bertanggungjawab memastikan pelajar-pelajar lulus dalam peperiksaan?" (M.Ramaiah,1998:149)

Pada keesokan harinya, Muthusamy telah melaporkan perkara tersebut kepada guru besar. Cikgu Sargunan menyedari bahawa betapa sukarnya mencetuskan kesedaran dalam kalangan golongan masyarakat yang enggan mengakui kesilapannya. Pada masa dahulu masalah sosial ini memang lebih ketara dalam kalangan masyarakat India di ladang-ladang. Kebanyakan masyarakat India di ladang-ladang kurang pengetahuan dan kesedaran tentang kepentingan pendidikan. Mereka meletakkan harapan sepenuhnya kepada guru-guru sekolah tanpa bekerjasama dengan pihak sekolah.

Cerpenis M. Ramaiah juga seorang anak ladang yang lahir di sebuah ladang bernama Chetti, di Tangkak Johor pada tahun 1930. Beliau sendiri juga mengalami atau melalui masalah sosial seperti ini. Pengalaman seumpama ini menjadi inspirasi kepada beliau untuk mencungkil dan menerapkan masalah sosial tersebut dalam karyanya seperti yang dikatakan oleh Lucien Goldmann dalam Model Genetiknya. Goldmann berpendapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



bahawa karya ciptaan mempunyai hubungan yang akrab dengan konteks masa dan zaman serta dapat membayangkan citra masyarakat.

Tujuan beliau menghasilkan cerpen ini ialah bagi mencetuskan kesedaran kepada kaum ibu bapa tentang kepentingan pendidikan. Watak ibu bapa dalam cerpen *Puriyata cenmankal* tidak ada kesedaran tentang kepentingan pendidikan. Mereka lebih berminat menonton wayang daripada membantu anaknya yang lemah dalam pelajaran. Selepas ditegur oleh guru kelas anak-anak mereka, ibu bapa tersebut yang tidak bertanggungjawab ini tidak mempedulikannya malah mengusir guru tersebut dari ladang itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fenomena ini bukanlah sesuatu yang baru di kawasan ladang. Masyarakat India di ladang suka menonton filem-filem kerana mereka menganggap perkara ini ialah hobi yang menyeronokkan. Anak-anak turut menonton filem-filem demikian bersama-sama ibu bapa sehinggalah tiada masa untuk menyiapkan kerja sekolah, mengulang kaji pelajaran dan berasa malas pergi ke sekolah.

Jika ditinjau sejarah pengurusan ladang-ladang getah oleh pihak British, mereka menggunakan kaedah 3T untuk memperhambakan masyarakat India di ladang dari segi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



pemikiran. Kaedah 3T yang dimaksudkan ialah *Temple* (kuil), *Toddy* (arak) dan *Theatre* (pawagam). Dulu filem-filem ditayangkan oleh pengurus ladang. Kegilaan terhadap wayang diwujudkan dalam kalangan pekerja-pekerja ladang supaya mereka dapat meluangkan masa lapang mereka dengan menonton wayang sahaja (Semparutthi,1999: 8)

Perkembangan sains dan teknologi telah memajukan dunia perfileman. Ekoran daripada kemajuan tersebut, setiap tahun lebih daripada 300 buah filem Tamil dihasilkan. Filem-filem Tamil ini menyediakan hiburan kepada para penonton. Ketika menonton filem-filem Tamil, ada pihak berpendapat filem-filem Tamil menyebarkan pemikiran baru dan ada pula berpendapat filem Tamil penuh dengan adegan-adegan seks dan keganasan (Semparutthi,1999: 9). Keasyikan masyarakat terhadap hiburan menyebabkan mereka mengabaikan pendidikan anak mereka. Oleh itu, sikap negatif masyarakat yang telah membantutkan pendidikan generasi muda, menarik perhatian M.Ramaiah untuk memaparkan masalah dalam karya ciptaannya.

Cerpen ini dimuatkan dalam koleksi cerpen yang diterbitkan pada tahun 1998. Tahun sebenar cerpen ini ditulis tidak dapat dipastikan, Pada ketika itu, masalah keciciran dalam pendidikan seperti dalam cerpen *Puriyata cenmankal* (Manusia yang Tidak Insaf) sangat merunsingkan masyarakat India. Akibat kemajuan sains dan teknologi, pita video

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



muda diperoleh di pasaran dan mendapat sambutan hangat dalam kalangan masyarakat India, terutama di ladang-ladang.

Menonton tayangan filem Tamil melalui pita-pita video ini menjadi suatu ketagihan kepada masyarakat India pada masa itu. Masyarakat ladang sama seperti watak Muthusamy tidak mempedulikan pendidikan anak-anak mereka . Senario ini masih terlihat dalam masyarakat India kini yang masih suka menonton filem Tamil dengan menggunakan CD, VCD, internet dan sebagainya. Segelintir ibu bapa sekarang masih tidak mempeduli akan kepentingan pendidikan kepada generasi muda. Mereka lebih berminat menonton tayangan filem Tamil atau membiarkan anak-anak menontonnya tanpa mempedulikan pembaziran masa kerana satu-satu tayangan filem Tamil akan mengambil masa 2 hingga 3 jam. Oleh demikian itu, masalah berkaitan dengan pengaruh filem masih sesuai dengan cara kehidupan moden sekarang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 4.7 Masalah Berkaitan Dengan Politik

Dunia politik penuh misteri. Pelbagai jenis krisis positif dan negatif berlaku dalam bidang politik ini disebabkan oleh pemimpin-pemimpin politik dan rakyat umum. Individu yang tidak atau kurang berwaspada sentiasa dipermain-mainkan oleh penipu handalan yang


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



digelar sebagai pemimpin negara (Rajeswary Ambalavanar, 1981). Pemimpin politik memperdaya rakyat dengan menaburkan janji-janji kosong dan memperalatkan rakyat yang jahil dengan kata-kata manis untuk memperoleh kuasa dan jawatan.

Akhirnya, Rajah 4.6 memaparkan analisis tentang masalah berkaitan dengan bidang politik.




*Rajah 4.6.* Masalah Berkaitan dengan Politik

### 4.7.1 Janji Kosong Pemimpin Politik

Janji kosong boleh juga dimaksudkan sebagai janji palsu. Pemimpin politik memang mahir menaburkan janji kosong. Perlakuan seperti ini amat ketara semasa musim pilihan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



raya. Cerpen *Karaiyum acaikal* (Impian yang Musnah) mengisahkan tentang perjanjian kosong yang ditaburkan oleh ahli politik yang tidak bertanggungjawab. Watak Sivanyanam ialah seorang pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi. Dia ke rumah Dato' Thirunavukarasar yang berada di bandar untuk mendapatkan bantuan kewangan atau biasiswa penuh sebelum masuk ke universiti. Dato' berjanji di hadapan ahli partinya untuk memberi surat sokongan agar pelajar ini mendapat tempat di universiti. Dato' mengatakan,

> "Kalian tak perlu risau. Saya akan memberikan surat sokongan. Saya akan memastikan awak mendapat tempat di universiti. " (M.Ramaiah, 1977: 97)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebenarnya, surat sokongan ahli politik tidak dilayan oleh pihak universiti. Sivanyanam tidak menyedari penipuan Dato' yang hanya menaburkan janji kosong di hadapan ahli-ahli partinya. Dia menerima surat sokongan itu lalu menghantarnya ke universiti tetapi harapannya hancur setelah mendapat keputusan bahawa permohanannya tidak berjaya. Sepatutnya, sebagai pemimpin Dato' Thirunavukarasar harus berusaha menunaikan janji kepada rakyat yang mengundinya tetapi sebilangan besar pemimpin berkelakuan bagaikan kacang melupakan kulitnya dengan menaburkan janji-janji kosong yang tidak dapat ditunaikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Sebagai seorang pemimpin yang terlibat secara langsung dalam pergerakan pemuda Kelab Bell Belia Tamil dan MIC pada awal 1950-an dan 1960-an, beliau mempunyai banyak kenangan manis dan pahit dalam bidang politik serta lebih arif akan perlakuan. Malah, pengalamannya dalam bidang politik ditetapkan dalam ciptaannya seperti yang diterangkan dalam Modul Genetik Lucien iaitu karya sastera ialah satu reaksi peristiwa yang berlaku dalam lingkungan penciptanya.

Ahli politik sebenarnya mempunyai tanggungjawab yang amat besar untuk menjaga keperluan dan kepentingan rakyat yang mengundi mereka. Namun, terdapat segelintir ahli politik yang melakukan pelbagai tipu helah bagi menjaga nama baik mereka seperti Dato Thirunavukarasar. Walaupun, menyedari bahawa surat sokongannya tidak akan dilayani olah pihak universiti tetapi dia tidak memberitahu hal ini kepada Sivanyanam lalu menghampakannya.

Melalui cerpen ini, karyawan M.Ramaiah ingin menasihati masyarakat supaya berwaspada terhadap ahli politik. Menurutnya, pelajar seharusnya yakin akan kebolehan atau keistimewaan diri sendiri daripada memohon bantuan atau sokongan orang lain. Beliau juga menasihati masyarakat supaya tidak mudah terpedaya dengan janji-janji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



kosong pemimpin politik. Sebarang perjanjian haruslah dibuat secara rasmi dan didokumenkan dan bukannya secara lisan sahaja.

Kini, sokongan ahli politik tidak diperlukan untuk melanjutkan pelajaran. Jika seseorang pelajar mendapat keputusan yang cemerlang berkemungkinan besar pelajar itu mendapat tempat di universiti. Terdapat banyak lagi saluran bagi pelajar-pelajar pada zaman moden ini untuk memperoleh tempat di pusat pengajian tinggi. Kerajaan Malaysia memberi peluang yang sama rata kepada semua kaum untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi justeru masalah ini kurang sesuai dengan cara kehidupan zaman moden kini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 4.8 Kesimpulan

Dalam usaha pembangunan kesejahteraan sosial terdapat sejumlah kecenderungan global yang saling berkaitan iaitu demokrasi, hak asasi manusia dan kesedaran lingkungan, kebangkitan kemasyarakatan dan efisiensi pemerintahan (reinventing government, good governance). Sosial merupakan suatu cara untuk menemukan, menggali dan mengkaji pelbagai eksistensi permasalahan sosial.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Kini, banyak perkara berlaku di keliling kita termasuklah peristiwa-peristiwa yang mencabar adat dan pegangan hidup sesuatu masyarakat. Hal ini akan menjadi suatu cabaran kepada generasi yang bakal memimpin suatu masyarakat kerana generasi baharu dalam sesuatu masyarakat sangat tertarik pada fenomena-fenomena baharu tanpa merujuk kepada adat, tradisi, moral dan nilai. Hal ini ialah cabaran-cabaran semasa yang dihadapi oleh sesuatu masyarakat dalam zaman moden ini. Oleh yang sedemikian, para penulis memaparkan perkara-perkara ini dalam cerpen-cerpen mereka sebagai masalah sosial untuk tatapan dan renungan masyarakat di samping mengesyorkan penyelesaian kepada masalah-masalah itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

